

**Bil. 12**

**Selasa  
27 April 1999**



**MALAYSIA**

**PENYATA RASMI PARLIMEN  
DEWAN RAKYAT**

**PARLIMEN KESEMBILAN  
PENGAL KELIMA  
MESYUARAT PERTAMA**

## KANDUNGAN

<b>PENGUMUMAN TUAN YANG DI-PERTUA</b> Tambahan Hari Mesyuarat	(Ruangan 1)
<b>JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI</b> <b>PERTANYAAN-PERTANYAAN</b>	(Ruangan 1)
<b>USUL:</b> Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketujuh. - <i>Y.A.B. Dato Seri Dr. Mahathir bin Mohamed</i>	(Ruangan 16)

**AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT**

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tun Mohamed Zahir bin Haji Ismail, S.S.M., P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K. J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Dato Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, D.K.(Brunei), D.K.(Perlis), D.K.(Johor), D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P. (Sarawak), D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.M.N., P.I.S. (Kubang Pasu)

“ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, D.G.P.N., D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas)

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, Dato' Seri Dr. Ling Liong Sik, D.G.S.M., S.P.M.P., D.P.M.S., D.P.M.P. (Labis)

“ Menteri Kerja Raya, Dato' Seri S. Samy Vellu, S.P.M.J., S.P.M.P., DPMS, PCM, AMN (Sungai Siput)

“ Menteri Perusahaan Utama, Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik, D.G.P.N., S.P.M.P., D.P.C.M. (Beruas)

“ Menteri Tugas-tugas Khas dan Menteri Kewangan I, Tun Daim Zainuddin, S.S.M., S.P.M.S., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok)

“ Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Datuk Leo Moggie anak Irok, P.N.B.S. (Kanowit)

“ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Seri Rafidah Aziz, S.P.M.P., S.P.M.T., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar)

“ Menteri Pertanian, Datuk Seri Amar Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud, S.I.M.P., D.A., D.S.S.A., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya)

“ Menteri Pendidikan, Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak, S.S.A.P., S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S. (Pekan)

“ Menteri Penerangan, Datuk Seri Mohamed bin Rahmat, D.G.S.M., S.P.M.J., S.I.M.P., S.P.D.K., S.S.S.A., S.P.M.T., S.S.I.J., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Pulai)

“ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato' Seri Sabbaruddin Chik, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh)

“ Menteri Sumber Manusia, Dato' Lim Ah Lek, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.T., J.P. (Bentong)

“ Menteri Pertahanan, Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha, D.S.A.P., P.N.B.S., D.P.T.J., J.M.N. (Kuala Rajang)

Yang Berhormat Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Datuk Law Hieng Ding,  
P.N.B.S., K.M.N., P.B.S., P.B.J. (Sarikei)

- “ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato’ Dr. Ting Chew Peh, D.P.M.S., D.P.M.P. (Gopeng)
- “ Menteri Luar Negeri, Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, S.P.D.K., D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi)
- “ Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato’ Haji Annuar bin Haji Musa, S.I.M.P. (Peringat)
- “ Menteri Belia dan Sukan, Tan Sri Dato’ Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.S.M., S.P.M.J., S.M.J., P.S.I., B.S.I. (Pagoh)
- “ Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail, D.P.M.S., S.M.S, K.M.N (Gombak)
- “ Menteri Kesihatan, Dato’ Chua Jui Meng, S.I.M.P, S.M.J, P.I.S (Bakri)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Paduka Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., P.P.T (Sik)
- “ Menteri Pembangunan Usahawan dan Menteri Kewangan II, Dato’ Mustapa bin Mohamed, D.P.M.S. (Jeli)
- “ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Megat Junid bin Megat Ayob, S.P.D.K., S.P.M.P., D.P.M.K., D.S.S.A, D.S.A.P., D.P.CM., A.M.P., A.M.K (Pasir Salak)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman, D.I.M.P. (Paya Besar)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Seri Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali, S.P.M.P. D.P.M.P., A.M.P. (Gerik)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Ong Tee Keat, P.J.N., S.M.S. (Ampang Jaya)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin, P.G.D.K (Kinabatangan)
- “ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Dato’ Loke Yuen Yow, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim)
- “ Timbalan Menteri Kerja Raya, Datuk Railey bin Haji Jaffrey, P.G.D.K., J.M.N. (Silam)
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Dato’ Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus, D.S.N.S. (Jempol)

Yang Berhormat Timbalan Menteri Luar Negeri, Datuk Dr. Leo Michael Toyad,  
P.G.B.K., J.B.S. (Mukah)

“ Timbalan Menteri Pertahanan, Dato’ Dr. Abdullah Fadzil bin Che  
Wan, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang)

“ Timbalan Menteri Penerangan, Dato’ Drs. Suleiman bin Mohamed,  
D.P.M.S. (Titiwangsa)

“ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato’  
Teng Gaik Kwan, D.I.M.P., A.M.N., P.P.N. (Raub)

“ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Peter  
Chin Fah Kui, P.B.S., A.B.S. (Miri)

“ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato’ Abdul Kadir bin Haji Sheikh  
Fadzir, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu)

“ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato’  
Kerk Choo Ting, D.P.M.P. (Taiping)

“ Timbalan Menteri Pertanian, Dato’ Dr. Haji Tengku Mahmud bin  
Tengku Mansor, S.P.M.T., D.P.M.T., K.M.N., P.J.C., J.P., P.J.K.  
(Setiu)

“ Timbalan Menteri Kewangan, Dato’ Wong See Wah, D.S.N.S.  
(Rasah)

“ Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat,  
Datuk Peter Tinggom anak Kamarau, P.N.B.S., J.B.S., K.M.N.,  
P.B.S., A.M.N., P.P.C. (Saratok)

“ Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk Dr. Fong Chan Onn, D.M.S.M.  
(Selandar)

“ Timbalan Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Dato’ Chan  
Kong Choy, D.S.A.P., D.P.M.S. (Selayang)

“ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato’ Ong Ka Ting D.P.M.P.  
(Pontian)

“ Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato’ K. Kumaran,  
D.P.M.P., K.M.N., J.S.M., P.M.P., P.P.T., J.P. (Tapah)

“ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dato’ Dr. Affifudin bin Haji  
Omar, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap)

“ Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Dr. Ibrahim bin Saad,  
D.M.S.M. (Tasek Gelugor)

“ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato’ Abu  
Bakar bin Daud, D.S.M.T., D.S.A.P., D.P.M.T., J.M.N., P.J.C.,  
P.J.K. (Kuala Terengganu)

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam, D.C.S.M., D.M.S.M., D.S.M., P.B.M. (Batu Berendam)
- “ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' S. Subramaniam, D.S.N.S., D.P.M.J., S.M.J. (Segamat)
- “ Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Goh Cheng Teik (Nibong Tebal)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Chenderoh)
- “ Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan, Dato' Idris bin Jusoh, P.J.K. (Besut)
- “ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, Dato' Hishamuddin bin Tun Hussein, D.P.M.J. (Tenggara)
- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato' Azmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. (Kuantan)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Dato' M. Mahalingam, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Subang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato' Mohd. Noh bin Rajab, D.S.N.S. (Tampin)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Datuk Douglas Uggah Embas, A.B.S., P.B.S. (Betong)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Tuan Yong Khoon Seng (Padawan)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, Puan Ainon Khariyah binti Dato' Mohd. Abas, P.M.P., A.M.P. (Parit)
- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Haji Muhamad bin Abdullah, D.I.M.P., S.M.P., P.J.K. (Maran)
- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Othman bin Abdul, D.S.S.A., A.M.P., P.P.T. (Pendang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh, D.S.S.A., S.M.S., S.S.A., K.M.N. (Kuala Langat)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan, Dato' Chor Chee Heung, D.S.D.K. (Alor Setar)

Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tuan Ahmad Kamaruzaman bin Mohamed Baria (Jerantut)

- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, Dato’ Abu Bakar bin Taib, D.S.D.K., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Langkawi)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Tan Chai Ho, P.J.N., K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, P.G.D.K. (Semporna)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, Dato’ Shahrizat binti Abdul Jalil, D.I.M.P. (Lembah Pantai)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Tuan G. Palanivel, P.J.K. (Hulu Selangor)
- “ Datuk Abdol Mulok bin Haji Awang Damit (Labuan)
- “ Tuan Abdul Aziz bin Mohd. Yassin (Muar)
- “ Tun Abdul Ghafar bin Baba, S.S.M. (Jasin)
- “ Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang (Marang)
- “ Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman (Sungai Benut)
- “ Tuan Abdul Rahin bin Dato’ Mohd. Said (Kuala Nerus)
- “ Tuan Abdul Rahman bin Haji Sulaiman, S.S.A., A.M.N., A.M.S., A.M.P., A.D.K. (Parit Buntar)
- “ Datuk Patinggi Tan Sri Haji Abdul Taib Mahmud, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K., S.S.A.P. (Kota Samarahan)
- “ Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusof, D.M.S.M., J.P., B.K.T. (Alor Gajah)
- “ Dato’ Haji Abu Zahar bin Dato’ Nika Ujang, D.S.N.S., A.M.N. (Kuala Pilah)
- “ Tuan Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun)
- “ Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datok)
- “ Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman (Libaran)
- “ Tuan Amihamzah bin Ahmad (Lipis)

Yang Berhormat Datu Amirkahar bin Tun Datu Haji Mustapha (Marudu)

- “ Dato’ Seri Anwar bin Ibrahim, S.P.M.P., S.P.C.M., S.S.A.P., D.U.P.N., S.S.S.A., D.G.S.M., S.P.N.S., S.P.D.K., D.M.P.N. (Permatang Pauh)
- “ Raja Dato’ Ariffin bin Raja Sulaiman, D.S.D.K., S.M.S. (Baling)
- “ Tuan Asmat Nungka (Beluran)
- “ Dato’ Haji Badruddin bin Amiruldin, D.S.D.K., B.K.M., P.J.K. (Yan)
- “ Tuan Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz, A.S.A. (Hulu Langat)
- “ Tuan Billy Abit Joo (Hulu Rajang)
- “ Tuan Haji Buniyamin bin Yaakob (Bachok)
- “ Tuan Chang Kon You (Ipoh Timor)
- “ Tuan Chang See Ten (Gelang Patah)
- “ Che Ibrahim bin Mustafa, P.J.K. (Sungai Petani)
- “ Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera)
- “ Tuan Chiew Chiu Sing (Bintulu)
- “ Dato’ Joseph Chong Chek Ah, D.S.P.N. (Batu)
- “ Puan Chua Soon Bui (Tawau)
- “ Tuan Fu Ah Kiow (Mentakab)
- “ Tuan Hamzah bin Ramli (Sri Gading)
- “ Dato’ Haji Hanafi bin Ramli, D.S.D.K., S.M.S., K.M.N., A.M.K., A.M.N., P.P.N., P.J.K., J.P. (Jerlun)
- “ Tuan Hashim bin Ismail, P.P.N., P.I.S. (Ledang)
- “ Tuan Haji Hashim bin Jasin (Arau)
- “ Tuan Henrynus Amin, A.D.K. (Kinabalu)
- “ Dato’ Hew See Tong, D.P.M.P., J.P., P.M.P. (Kampar)
- “ Tuan Ho Cheong Sing, A.M.N. (Ipoh Barat)
- “ Dato’ Hon Choon Kim, D.S.N.S. (Seremban)
- “ Tuan Hoo Seong Chang (Kluang)
- “ Tuan Haji Ibrahim bin Mahmood (Kuala Krai)

Yang Berhormat Tuan Ibrahim bin Pateh Mohamad (Tanah Merah)

- “ Puan Hajah Ilani binti Dato' Haji Isahak (Kota Bharu)
- “ Tuan Jacob Dungau Sagan, P.P.B. (Baram)
- “ Dato' Jamaluddin bin Adnan (Kuala Selangor)
- “ Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis, D.I.M.P., S.A.P. (Rompin)
- “ Tuan James Jimbun Anak Pungga, P.B.S. (Kapit)
- “ Tuan Jawah Anak Gerang (Lubok Antu)
- “ Tuan Jimmy Lim @ Jimmy Donald (Sri Aman)
- “ Tuan Joseph Mauh Anak Ikeh (Selangau)
- “ Datuk Seri Joseph Pairin Kitingan, P.G.D.K., P.N.B.S., S.S.A.P., S.P.D.K. (Keningau)
- “ Dato' Dr. Kamal bin Salleh, D.S.P.N., K.M.N., P.K.T., J.M.N. (Wangsa Maju)
- “ Tuan R. Karpal Singh (Jelutong)
- “ Dr. L. Krishnan, P.M.C., A.M.N. (Telok Kemang)
- “ Datuk Lau Ngan Siew, A.D.K. (Sandakan)
- “ Dr. Lee Chong Meng (Bukit Bintang)
- “ Dr. G. Leelavathi, A.M.N. (Kapar)
- “ Tuan Liew Ah Kim (Seputeh)
- “ Tuan Lim Hock Seng (Bagan)
- “ Tuan Lim Kit Siang (Tanjong)
- “ Tuan Vincent Lim Kuo Phau (Petaling Jaya Utara)
- “ Puan Lim Lay Hoon, P.P.N., B.K.M. (Padang Serai)
- “ Tuan Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan)
- “ Datuk Lim Si Cheng, P.I.S. (Senai)
- “ Dato' Haji Mahbud bin Haji Hashim, D.S.S.A., A.S.A., P.J.K. (Sabak Bernam)
- “ Tuan Mansor bin Masikon (Batu Pahat)

Yang Berhormat Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Bandau)

- “ Tuan Md. Isa bin Sabu (Kangar)
- “ Tuan Michael Lisa Kaya, B.B.S. (Bukit Mas)
- “ Tuan M. Kulasegaran a/l V. Murugeson (Teluk Intan)
- “ Tuan Haji Mohamad bin Sabu (Kubang Kerian)
- “ Tuan Haji Mohamed bin Haji Abdullah (Pasir Puteh)
- “ Tuan Mohamed Khaled bin Nordin P.I.S. (Johor Bahru)
- “ Datuk Mohd. Salleh bin Tun Said, P.G.D.K. (Kota Belud)
- “ Dato' Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan, D.I.M.P., P.M.P., A.M.P., J.P. (Larut)
- “ Tuan Mokhtaruddin bin Wan Yusof (Dungun)
- “ Tuan Haji Mustafa bin Muda, A.M.N., A.M.T., P.P.N., P.J.K. J.P. (Hulu Terengganu)
- “ Tuan Haji Nik Mohd. Amar bin Haji Nik Abdullah (Pengkalan Chepa)
- “ Tuan Haji Noh bin Omar, P.J.K. (Tanjong Karang)
- “ Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi (Balik Pulau)
- “ Datuk Nurnikman bin Abdullah (Beaufort)
- “ Datuk Osu bin Haji Sukam, P.G.D.K. (Papar)
- “ Dr. Patau Rubis, P.B.S. (Mas Gading)
- “ Tuan Paul Nointien, A.D.K. (Penampang)
- “ Datuk Philip Yong Chew Lip, A.D.K. (Gaya)
- “ Dato' Haji Qamaruz Zaman bin Haji Ismail, D.P.M.P., P.C.M., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Bagan Serai)
- “ Tuan Radin Malleh (Tenom)
- “ Dr. Ramli bin Taib (Kemaman)
- “ Mulia Tan Sri Tengku Razaleigh Hamzah, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang)
- “ Tuan Richard Riot Anak Jaem (Serian)
- “ Tuan Robert Lau Hoi Chew (Sibu)

Yang Berhormat Puan Rohani binti Haji Abd. Karim, P.P.B. (Santuborig)

- “ Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad, P.I.S. (Parit Sulong)
- “ Dato' Salamon bin Selamat, D.P.M.S., S.S.A., A.M.S., P.J.K. (Shah Alam)
- “ Dr. Sanusi bin Daeng Mariok (Rantau Panjang)
- “ Puan Seripah Noli binti Syed Hussin (Sepang)
- “ Cik Siti Zainab binti Abu Bakar, S.M.J. (Tebrau)
- “ Datuk S'ng Chee Hua, D.S.N.S., P.G.D.K. (Julau)
- “ Datuk Song Swee Guan, P.G.D.K. (Bandar Kuching)
- “ Cik Sukinam Domo (Batang Sadong)
- “ Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed, D.J.M.K., J.P. (Machang)
- “ Dr. Tan Chong Keng (Bukit Mertajam)
- “ Dr. Tan Kee Kwong (Segambut)
- “ Tuan Tan Kok Wai (Cheras)
- “ Dr. Tan Seng Giaw (Kepong)
- “ Dr. Tan Yee Kew (Kelang)
- “ Tuan Tiong Thai King (Lanang)
- “ Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman, B.K.M. (Pokok Sena)
- “ Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, P.B.S. (Batang Lupar)
- “ Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood (Tumpat)
- “ Tuan Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru)
- “ Dato' Yap Pian Hon, D.M.P.S., A.M.N., P.J.K. (Serdang)
- “ Dr. Yap Yit Thong, A.M.P., A.M.N. (Lumut)
- “ Dr. Yee Moh Chai (Tanjong Aru)
- “ Tuan Yeong Chee Wah (Batu Gajah)
- “ Tuan Yunof Edward Marinking (Tuaran)
- “ Tuan Yunus bin Rahmat (Jelebu)
- “ Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob, P.G.D.K., A.D.K. (Sipitang)
- “ Tuan Zainal Abidin bin Osman (Mersing)
- “ Tuan Haji Zainuddin bin Haji Mohamad Nor, S.M.K. (Pasir Mas)
- “ Dato' Haji Zakaria bin Mohd. Said, D.S.D.K., S.M.K., K.M.N., P.J.K. (Kuala Kedah)

**DEWAN RAKYAT****PEGAWAI-PEGAWAI KANAN**

Setiausaha Dewan Rakyat	:	Datuk Mohd. Salleh bin Haji Hassan
Ketua Penolong Setiausaha	:	Zamani bin Haji Sulaiman
	:	Haji Mustakin bin Salamat
Penolong Setiausaha	:	Nor Hayatee binti Abdullah
	:	Haji Mustafa bin Abdul Rahman
	:	Ruhana binti Abdullah

**CAWANGAN DOKUMENTASI**

Pegawai Penerbitan	:	Azhari bin Hamzah
	:	Monarita binti Mohd. Hassan
Pelapor Perbahasan Parlimen	:	Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop
	:	Mohd Saleh bin Mohd. Yusop
	:	Mohamed bin Osman
	:	Hajah Norishah binti Mohd. Thani
	:	Shamsina binti Janor
	:	Nora'ini binti Hetam
	:	Ramlah binti Mohd. Yusuff
	:	Miskiah binti Hassan
	:	Rosnani binti Ahmad
Pembaca Pruf	:	Abu Bakar bin Hasan

**CAWANGAN BENTARA**

Bentara Mesyuarat:	:	Mejar (B) Abdul Halim bin Haji Ali
	:	Mejar (B) Zakaria bin Salleh
	:	Mejar (B) Kamaruddin bin Abdullah

## MALAYSIA

## DEWAN RAKYAT

Selasa, 27 April 1999

Mesyuarat dimulakan pada 10.00 pagi

## DOA

[Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]**PENGUMUMAN TUAN YANG DI-PERTUA****Tambahan Hari Mesyuarat**

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka hendak memberitahu Majlis bahawa saya telah menerima satu perutusan daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri selaku ketua Majlis supaya Mesyuarat Dewan Rakyat yang berjalan sekarang ditambah selama dua hari lagi iaitu pada hari Khamis, 6 Mei 1999 dan hari Isnin, 10 Mei 1999 untuk memberi masa yang lebih bagi Dewan membahas rang undang-undang yang dibentangkan oleh kerajaan menurut Peraturan Mesyuarat 11(2) Peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat.

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

1. **Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob [Sipitang]** minta Menteri Pembangunan Usahawan menyatakan:-

- (a) jumlah peruntukan untuk membangunkan usahawan-usahawan di seluruh negara; dan
- (b) agensi yang dipertanggungjawabkan menyalurkan atau menyediakan kemudahan bantuan atau pinjaman untuk usahawan-usahawan khususnya usahawan bumiputera.

**Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan [Dato' Idris bin Jusoh]:** Tuan Yang di-Pertua, jumlah peruntukan untuk membangunkan usahawan seluruh negara yang disalurkan melalui Kementerian Pembangunan Usahawan dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketujuh ialah RM927,575,000. Agensi-agensi di bawah kementerian ini yang telah dipertanggungjawabkan menyalur dan menyediakan kemudahan bantuan atau pinjaman untuk usahawan-usahawan khususnya usahawan bumiputera ialah Majlis Amanah Rakyat (MARA), Bank Pembangunan Malaysia Berhad, UDA Holdings Sdn. Bhd., Credit Guarantee Co-orporation, Perbadanan Nasional, Yayasan Tekun Nasional dan Perbadanan-perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri.

Di samping menyediakan kemudahan-kemudahan bantuan dan pinjaman agensi di bawah juga memainkan peranan dalam menyediakan premis perniagaan dan memberi khidmat nasihat dan bimbingan kepada usahawan-usahawan bumiputera melalui latihan-latihan, kursus-kursus dan menganjurkan pameran serta peluang-peluang pemasaran.

**Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Daripada jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi menyatakan bahawa sebahagian daripada usaha-usaha untuk membangunkan usahawan bumiputera adalah dipertanggungjawabkan melalui Perbadanan-perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri. Jadi, saya ingin tahu sehingga kini berapakah jumlah usahawan yang telah dibangunkan melalui pembangunan daripada agensi kerajaan-kerajaan negeri ini dan negeri manakah yang terbanyak sekali memainkan peranan yang bersungguh-sungguh untuk membangunkan usahawan di negeri tersebut?

**Dato' Idris bin Jusoh:** Walaupun saya tidak ada angka yang tepat berkenaan dengan jumlah usahawan yang telah dibangunkan di peringkat negeri, walau bagaimanapun, kita lihat beberapa Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri ataupun SEDC telah memainkan peranan yang baik untuk mewujudkan usahawan-usahawan mereka. Di antaranya ialah daripada negeri Johor, daripada negeri Yang Berhormat sendiri melalui Johor 'Co-operation'nya yang telah memainkan peranan yang baik dalam membangunkan usahawan-usahawan baru, seperti negeri Selangor dan Perak di antara dua-tiga negeri yang memang memainkan peranan yang pesat untuk membangunkan usahawan-usahawan di negeri masing-masing.

**Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dari segi pemerhatian kementerian, apakah bilangan usahawan ini meningkat dari segi jumlah dan juga kualiti usahawan-usahawan ini berbanding dengan masa-masa yang lalu dan juga aset yang dipegang oleh usahawan-usahawan ini dalam jumlah perniagaan keseluruhan.

**Dato' Idris bin Jusoh:** Kita lihat sejak adanya Kementerian Pembangunan Usahawan ramai usahawan yang telah mendapat bantuan dari segi saya katakan premis perniagaan, dari segi pembiayaan kewangannya dan latihan-latihan oleh kementerian-kementerian melalui program-program yang telah dianjurkan oleh kementerian seperti program katakanlah program francais telah melahirkan hampir 480 usahawan, program vendor – 200 usahawan, mantor – 170 dan sebagainya. Sehingga ini yang mendapat pembiayaannya untuk program di bawah Tabung SEFF – 1,365 telah mendapatkan pembiayaan. Untuk skim Tabung Usahawan Kecil (TUK) – 7,834 antara contohnya yang telah mendapat pembiayaan oleh kerajaan.

Walau bagaimanapun, sebagaimana yang telah kita ketahui selepas wujudnya krisis ekonomi, nampaknya ada aset-aset mereka yang terhakis sedikit. Tetapi kita harap dengan adanya program-program yang berterusan, perkara ini akan dapat diatasi dari masa ke semasa.

2. **Tuan Jimmy Donald [Sri Aman]** minta Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia menyatakan rancangan-rancangan yang akan diambil untuk menambahkan bilangan ISP (Internet Service Provider) yang sedia ada dan apakah langkah-langkah yang sedang diperkuatkan untuk menentukan perkhidmatan yang diberi adalah cepat dan tidak membebakan pengguna.

**Timbalan Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia [Dato' Chan Kong Choy]:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia tidak bercadang untuk menambah bilangan Internet Service Provider (ISP) oleh kerana bilangannya telah pun ditambah daripada 2 dalam tahun 1996 kepada 7 hingga sekarang. Syarikat-syarikat ISP ini yang telah diberikan lesen ialah MIMOS Bhd., Telekom Malaysia Berhad, Selcom (M) Sdn. Bhd., Digi Telecommunications Sdn. Bhd. Prismanet (M) Sdn. Bhd., Time Telecommunications Sdn. Bhd. dan Bina Sat-com Setcom Sdn. Bhd. Pihak kerajaan difahamkan bahawa pembekal-pembekal perkhidmatan Internet yang baru ini selain daripada Telekom Malaysia dan MIMOS akan menawarkan perkhidmatan mereka bermula pada penghujung tahun ini.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kementerian saya juga akan berusaha untuk mewujudkan persekitaran industri teknologi maklumat yang sihat dan kompetitif, iaitu dengan mengkaji dari masa ke semasa bilangan pembekal perkhidmatan Internet yang optimum yang perlu ada dalam pasaran bagi keperluan sebenar pengguna-pengguna.

Selain daripada memastikan bilangan ISP yang mencukupi, kementerian juga akan memastikan kualiti perkhidmatan yang dibekalkan oleh pembekal-pembekal perkhidmatan Internet ini memenuhi standard kualiti yang ditetapkan dan dipersetujui oleh pengguna dan pembekal perkhidmatan. Penggubalan standard teknikal ini akan

dibuat menerusi forum teknikal yang melibatkan pembekal perkhidmatan dan pihak pengguna.

Bagi menjaga kepentingan pengguna, forum-forum pengguna juga akan diadakan bagi membolehkan pihak pengguna mengemukakan cadangan berhubung dengan perkara-perkara yang berkaitan dengan kepentingan-kepentingan pengguna dalam penyediaan perkhidmatan Internet oleh pihak pembekal perkhidmatan ini.

**Tuan Hoo Seong Chang:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tujuan Kementerian menambahkan syarikat ISP adalah untuk membantu dan memberi perkhidmatan yang baik kepada pelanggan Internet. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini jumlah subscriber ataupun pelanggan Internet yang sedia ada pada hari ini, dan apakah jumlah sasaran kerajaan hingga hujung tahun 2000 jumlah subscriber yang mungkin kita harapkan supaya kita mewujudkan satu masyarakat IT. Selain dari itu, apakah undang-undang yang dirancang oleh Kementerian supaya dapat mengawal dari segi penggunaan Internet ini supaya ia tidak disalahgunakan oleh pelanggan-pelanggan ini?

**Dato' Chan Kong Choy:** Tuan Yang di-Pertua, sehingga sekarang bilangan subscriber yang telah mendaftarkan diri dengan TM-net dan juga Jaring adalah lebih kurang 500,000. Sungguhpun, kita menghadapi kegawatan ekonomi tetapi bilangan ini masih bertambah dengan pesat dan sasaran bilangan subscriber hingga tahun 2000 kita harap kita boleh capai satu juta hingga 1.2 juta subscriber.

Mengenai undang-undang, dalam dua-tiga tahun yang kebelakangan Dewan yang mulia ini telah pun meluluskan beberapa perundangan yang ada kaitan dengan IT dan pihak kerajaan berpendapat bahawa ini adalah sudah mencukupi untuk memberikan guideline kepada pengguna-pengguna Internet.

**Tuan Chiew Chiu Sing:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tidak lama dahulu terdapat banyak aduan tentang kesusahan pengguna-pengguna Internet untuk akses ke halaman web dan bagaimana keadaan sekarang dan sejauh manakah perkhidmatan pengguna telah dikemaskinikan khususnya semua telefon line yang menggunakan dawai copper, dengan izin, antara rumah dan stesen Telekom di Sabah dan Sarawak dan di seluruh negara.

**Dato' Chan Kong Choy:** Tuan Yang di-Pertua, seperti mana yang saya telah memberitahu kepada Dewan yang mulia ini penggunaan Internet ini memang ada peak hours di antara pukul 10 malam hingga pukul 1 pagi tiap-tiap hari. Ini merupakan peak hours di mana di Malaysia mendapati pada masa ini di mana-mana satu masa terdapat lebih kurang 7,000 orang pengguna pakai Internet pada masa yang sama. Ini merupakan peak hours dan saya mengakui bahawa pada tiga-empat jam yang saya sebutkan ini memang ada kesesakan. Tetapi saya harapkan pengguna dapat menggunakan Internet pada masa yang lain, di antaranya misal kata dari pukul satu ke dua pagi biasanya ada 200-300 orang yang menggunakannya sahaja.

Walau bagaimanapun, memang disedari bahawa kualiti perkhidmatan yang disediakan setakat ini belum mencapai tahap yang dihasrat oleh pihak Kementerian dan juga rakyat pada keseluruhannya. Walau bagaimanapun, ISP yang berkenaan iaitu MIMOS Berhad dan juga TM-Net telah pun menjalankan usaha-usaha untuk menambah keupayaan infrastruktur Internet dalam negara bagi mengatasi gangguan akses yang berlaku pada masa ini. Misal kata pihak MIMOS dan Telekom Malaysia telah memasang talian T3 dengan kelajuan 45 megabit sesaat bagi setiap satu talian yang talian sedia ada ialah T1 sahaja di mana speednya cuma 1.5 mega bit sesaat sahaja. Kita akan tukar talian P.1 ke P.3 sekarang. Dengan menggunakan talian T3, saya harap masalah gangguan ini akan diselesaikan.

3. **Dr. Tan Kee Kwong [Segambut]** minta Perdana Menteri menyatakan mengenai penguatkuasaan beberapa pindaan ke atas Akta Profesion Undang-undang:

- (a) mengapa pindaan-pindaan tersebut dikuatkuasakan; dan
- (b) mengapa pindaan-pindaan tersebut dikuatkuasakan tanpa perundingan dengan Lembaga Badan Peguam.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Haji Ibrahim bin Ali]:** Tuan Yang di-Pertua, saya memohon izin untuk menjawab pertanyaan ini bersekali dengan pertanyaan-pertanyaan nombor 17 yang dijadualkan dijawab pada 3 Mei 1999 dan pertanyaan nombor 38 yang dijadualkan dijawab pada 5 Mei 1999 sekali gus .

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, baiklah.

**Datuk Haji Ibrahim bin Ali:** Tuan Yang di-Pertua, bahagian 11A Akta Profesion Undang-undang 1976 dijadikan berkuat kuasa untuk membolehkan kerajaan dan pihak-pihak lain mendapatkan khidmat kepeguaman luar dalam perkara-perkara yang tiada kepakaran tentangnya di negara ini dan yang tidak dapat diperolehi melalui peruntukan lain yang sedia ada. Contohnya, seksyen 18 Akta Profesion Undang-undang 1976. Selain itu, kemasukan ini juga akan membolehkan firma-firma peguam di Malaysia memperluas dan mempelbagaikan jenis khidmat yang dapat diberikan. Sebagai contoh, sesuatu firma peguam yang memberikan khidmat kepeguaman kepada syarikat yang berurusan dengan mana-mana negara European Union akan dapat mengambil kerja atau mengambil khidmat seseorang pakar undang-undang European Union dalam sesuatu jangka masa tertentu.

Tidaklah benar bahagian 11A ini dijadikan berkuat kuasa tanpa perundingan dengan Majlis Peguam. Sebelum tarik permulaan kuat kuasa ditetapkan oleh Perdana Menteri, kerajaan sudah maklum tentang pandangan Majlis Peguam tentangnya. Perbincangan pernah diadakan antara Peguam Negara dengan bekas Pengerusi Majlis Peguam mengenai perkara ini. Bekas Pengerusi Majlis Peguam telah menulis kepada Peguam Negara melahirkan pandangannya. Pandangan Majlis Peguam itu telah dipertimbangkan. Namun, kerajaan tidaklah semestinya akur dengan pandangan itu. Wajar juga diingat bahawa kuasa yang diberikan kepada Perdana Menteri untuk menetapkan tarikh berkuat kuasa bahagian 11A itu tidak dijadikan tertakluk kepada syarat supaya perundingan dibuat dengan mana-mana pihak.

Kekhuatiran sesetengah pihak bahawa dengan berkuatkuasanya bahagian 11A Akta Profesion Undang-undang 1976, maka sesiapa sahaja akan dapat diterima masuk untuk menjalankan amalan kepeguaman di negara ini adalah tidak berasas sama sekali. Peguam Negara akan memastikan bahawa peguam asing hanya diberi perakuan kemasukan khas sekiranya mereka akan bekerja dengan sesuatu firma peguam yang sedia ada atau akan menjadikan pekongsi dalam sesuatu firma peguam yang sedia ada, atau akan diambil khidmat sebagai perunding dengan mana-mana firma peguam yang sedia ada di Malaysia. Mereka juga boleh diberi perakuan kemasukan khas sekiranya jika diambil kerja atau diambil khidmat oleh Kerajaan Persekutuan ataupun kerajaan mana-mana negeri. Mereka tidak boleh menjalankan amalan kepeguaman secara sendiri ataupun menubuhkan firma peguam mereka sendiri dengan menggunakan laluan kemasukan khas ini. Permohonan untuk mendapatkan perakuan kemasukan khas ini mestilah dibuat melalui firma guaman yang berkenaan. Jika mereka hendak diambil kerja atau diambil khidmat oleh Kerajaan Persekutuan, permohonan perlu dikemukakan melalui kementerian yang berkenaan. Jika hendak diambil kerja atau khidmat oleh kerajaan negeri pula, permohonan mesti dikemukakan melalui peguam besar ataupun penasihat undang-undang negeri yang berkenaan. Setiap permohonan perlu disokong oleh firma peguam, kementerian, peguam besar negeri atau penasihat undang-undang negeri yang berkenaan sebelum permohonan itu dapat dipertimbangkan.

Perlu juga dijelaskan di sini bahawa hanya orang yang disebut di dalam Perenggan 28A(1)(a)(b) Akta Profesion Undang-undang 1976 sahaja yang boleh dipertimbangkan bagi kemasukan khas di bawah bahagian 11A akta itu. Dengan kata lain, mereka mestilah orang berkelayakan sebagaimana yang ditakrif dalam akta itu atau yang mempunyai kelulusan yang setara. Mereka juga mestilah sudah menjalankan amalan undang-undang atau bekerja dalam jawatan yang melibatkan amalan undang-undang selama tidak kurang daripada tujuh tahun. Tindakan kerajaan ini adalah bukan disebabkan oleh obligasi Malaysia di bawah General Agreement on Trade in Services (GATS). Walau bagaimanapun, ia adalah selaras dengan GATS.

**Tuan M. Kulasegaran:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Senator sedar bahawa apabila seksyen 11A mula-mula dikuatkuasakan di dalam undang-undang, pada masa itu situasinya lain kerana undang-undang essential securities dan sebagainya di mana peguam-peguam di negara ini tidak ingin mewakili pihak-pihak yang kena tuduh. Situasi dan rasional pada masa itu lain daripada masa sekarang dan apakah sebab kita mengambil lebih kurang dua puluh tahun sebelum mengimplementasikan seksyen ini? Apakah rasionalnya dan juga pada masa sekarang kita telah sampai ke satu tahap di mana kita mempunyai lebih kurang 9,000 peguam di negara Malaysia sendiri dan ramai di antaranya sangat susah hendak mengendalikan pengguaman mereka kerana kekurangan kes dan kekurangan pendapatan.

Maka, adalah tidak rasional jika kita membenarkan peguam rakyat asing menjalankan perniagaan perundangan di sini, walhal bukan sahaja situasi yang sedia ada tetapi negara-negara di mana peguam-peguam dibenarkan, di negara-negara itu peguam-peguam kita tidak dibenarkan menjalankan profesion mereka di sana. Jadi, apakah rasional kerajaan, justifikasinya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Cukuplah, sudah panjang itu.

**Datuk Haji Ibrahim bin Ali:** Tuan Yang di-Pertua, jawapan saya tadi sudah jelas. Walau bagaimanapun, untuk makluman Yang Berhormat, dahulu suasananya lain, hari ini kita bercakap soal globalisasi. Dunia kita bukan lagi ada sempadan. Keadaan sudah berubah dan kita dapati akta ini sesuai untuk dipakai pada masa sekarang dan dalam pada itu memang terdapat bahagian-bahagian dan bidang-bidang tertentu yang memerlukan khidmat yang secara khusus terutamanya dalam bidang-bidang yang berkaitan dengan ekonomi. Maka sebab itulah kerajaan mengguna pakai akta ini, itu pun kita memastikan bahawa syarat-syarat yang telah saya jelaskan pada awal tadi dipatuhi.

**Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood:** Tuan Yang di-Pertua, soalan saya apakah Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri yang tidak ada profesion di dalam undang-undang ini berhak [*Disampuk*] mendapat bantuan guaman berdasarkan kepada peruntukan yang telah dinyatakan tadi.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, tidak perlu jawablah yang itu. Tidak usah jawablah. Yang Berhormat...

**Datuk Haji Ibrahim bin Ali:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tadi tidak relevan. Serupa dengan Yang Berhormat dari Tumpat, tidak tahu Islam pun bercakap bab Islam.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, cukuplah.

*[Soalan No. 4 – Y.B. Tuan R. Karpal Singh [Jelutong] tidak hadir].*

5. **Tuan Lim Siang Chai [Petaling Jaya Selatan]** minta Menteri Kewangan menyatakan terdapat beberapa syarikat di KLSE yang berhenti "trading" (suspended) lebih daripada enam bulan. Apakah tindakan yang akan diambil oleh kerajaan

memandangkan "suspension" yang lama ini tidak adil kepada pemegang saham yang kecil.

**Timbalan Menteri Kewangan [Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]:** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Setakat 26 April 1999, terdapat 25 buah syarikat awam tersenarai di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) telah digantung daripada dagangan bagi tempoh melebihi enam bulan. Keputusan untuk menggantung dagangan saham syarikat tersebut adalah untuk memastikan pasaran saham yang teratur dan perlindungan yang sewajarnya diberikan kepada pelabur-pelabur.
- (b) Penggantungan dagangan saham sesebuah syarikat awam tersenarai mungkin melibatkan jangka masa yang panjang jika ianya berpunca daripada kedudukan kewangan syarikat yang tidak memuaskan dan menghadapi petisyen penggulangan dan berada dalam kuasa penerima (receivership) atau perintah penahanan (restraint order) oleh mahkamah di bawah seksyen 176 Akta Syarikat 1965. Tindakan itu adalah perlu bagi melindungi para pelabur baru dan runcit daripada membeli saham syarikat-syarikat yang bermasalah dan mempunyai masa depan yang tidak menentu. Penggantungan dagangan mungkin tidak adil kepada sebahagian pemegang saham yang kecil tetapi BSKL bertanggungjawab untuk melindungi pelabur-pelabur kecil yang lain daripada memasuki pasaran dan melabur dalam syarikat yang bermasalah.
- (c) Sebagai tindakan penyelesaian, syarikat yang terbabit diminta melaksanakan rancangan penstrukturan semula bagi memulihkan kedudukan kewangan mereka. BSKL akan memantau dengan teliti keadaan syarikat-syarikat tersebut untuk menentukan pelaksanaan penstrukturan semula dijalankan dengan secepat mungkin. Sebaik sahaja rancangan penstrukturan selesai, syarikat tersebut dikehendaki membuat pengumuman mengenainya secara terperinci kepada orang ramai dan mereka boleh memohon kepada BSKL supaya penggantungan dagangan ditarik balik untuk membolehkan saham syarikat didagangkan semula di BSKL.

**Tuan Zainal Abidin bin Osman:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Berasaskan kepada 25 syarikat yang digantung melebihi enam bulan, saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri, apakah sebab-sebab utama penggantungan ini dan keduanya, untuk melindungi pelabur-pelabur khususnya pelabur-pelabur kecil yang biasanya tidak berpeluang membaca penyata kewangan, jadi adakah pihak kerajaan melalui SC bercadang mengeluarkan amaran awal kepada pelabur-pelabur sebelum tindakan penggantungan diambil.

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, dalam jawapan saya sebentar tadi, saya telah menyebut beberapa perkara yang menyebabkan mengapa syarikat-syarikat ini telah digantungkan daripada diniaga dalam BSKL. Di antaranya ialah kerana kedudukan kewangan syarikat yang tidak memuaskan ataupun mereka menghadapi petisyen penggulangan atau berada dalam kuasa penerima (receivership) ataupun perintah penahanan (restraint order) di bawah seksyen 176. Inilah merupakan perkara-perkara atau alasan-alasan mengapa banyak daripada syarikat ini telah digantung.

Berkenaan dengan apa yang disebut oleh Yang Berhormat sebentar tadi iaitu berkenaan dengan minority shareholders, kita sentiasa menjalankan apa juga tindakan-tindakan untuk memelihara kedudukan mereka, malah dengan mengadakan peraturan untuk menggantungkan ini juga ialah kerana kita hendak menjaga minority shareholders. Walau bagaimanapun, SC sentiasa terbuka kepada apa-apa cadangan yang baik yang boleh SC meneruskan usaha mereka untuk memelihara kedudukan minority shareholders ini.

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, setakat hari ini berapa banyak syarikat yang didaftar di KLSE ini di dalam siasatan kerajaan ataupun sisasatan Securities Commission disebabkan oleh penyelewengan dan sebagainya dan berapa ramai tokoh-tokoh yang terlibat. Apakah kesalahan-kesalahan yang mereka lakukan dan adakah kerajaan akan bertindak tanpa mengira bulu?

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, yang ini soalan kepada BSKL, bukan kepada SC. Walau bagaimanapun, ada kaitannya dan seperti mana yang telah kita baca di dalam akhbar iaitu bahawa kita akan mengambil tindakan terhadap mana-mana syarikat termasuk juga pengarah-pengarah yang mana kita juga mempunyai bukti yang menunjukkan iaitu bahawa mereka telah pun melakukan perbuatan yang boleh dianggap sebagai bercanggah dengan, dengan izin, listing regulations, kita akan mengambil tindakan terhadap mereka dan saya boleh memberi jaminan di sini iaitu kita sememangnya dalam proses untuk menyiasat lagi syarikat-syarikat yang terlibat, namun saya tidak mempunyai angka yang tepat. Walau bagaimanapun, kalau Yang Berhormat mahu, sebentar nanti saya boleh berikan kepada Yang Berhormat.

6. **Puan Hajah Seripah Noli binti Syed Hussein [Sepang]** minta Menteri Pembangunan Luar Bandar menyatakan:-

- (a) sejauh manakah kejayaan projek Basmi Kemiskinan melalui Program Pembangunan Rakyat Termiskin (PPRT) di dalam usaha mengurangkan kadar kemiskinan di negara ini mengikut negeri, menjelang tahun 2000; dan
- (b) peratus kadar kemiskinan yang masih wujud di setiap negeri dan purata keseluruhan di seluruh negara.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar [Datuk Douglas Uggah Embas]:** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) sejak Program Pembangunan Rakyat Termiskin dilaksanakan, bilangan keluarga termiskin telah dapat dikurangkan daripada 150,000 keluarga pada tahun 1991 kepada 56,000 keluarga pada tahun 1996. Pecahan mengikut negeri, saya minta izin Tuan Yang di-Pertua untuk menyampaikan secara bertulis kerana ianya panjang.
- (b) Berdasarkan kepada Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketujuh kadar kemiskinan di negara adalah 7% dan kadar kemiskinan bagi golongan termiskin adalah 1.5%.

**Puan Seripah Noli binti Syed Hussin:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah kementerian menjelaskan pendekatan yang disediakan untuk meningkatkan pendapatan peserta PPRT supaya golongan ini dapat berdikari di masa-masa akan datang.

**Datuk Douglas Uggah Embas:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat. Memang dari masa ke semasa kita mencari jalan dan pendekatan

bagaimana kita hendak meningkatkan pendapatan rakyat termiskin. Dahulu kita berikan mereka Projek Peningkatan Pendapatan bagi kepada satu-satu keluarga dengan bantuan RM5,000 satu keluarga. Bagaimanapun, telah didapati bahawa program ini tidak berapa sesuai dan tidak juga telah kita dapat mengatasi masalah kemiskinan kerana hasil daripada projek ini, walaupun ada kenaikan tetapi tidak sustainable, dengan izin.

Maka, dengan itu kementerian sekarang telah melaksanakan beberapa program yang dinamakan Program Peningkatan Pendapatan Berorientasikan Komersial. Di sini kita bekerjasama dengan pihak swasta yang ada kemahiran dan rangkaian pemasaran di sini kerajaan akan mengambil bahagian. Dalam projek ini kita akan memastikan setiap keluarga yang terlibat, kalau keluarga itu berdekatan dengan projek tersebut, dia akan diberi peluang bekerja dan kalau dia bekerja, dia juga akan dapat dividen dan kita percaya pendapatannya lebih kurang dalam lingkungan RM450.

Misalnya, kita ada satu projek ikan hiasan dan orkid di Bukit Sireh di Kelantan di mana kita telah melabur RM14 juta dan ia akan menguntungkan lebih kurang 200 keluarga. Di negeri Perak kita ada program dari FELCRA di mana rakyat termiskin diberi saham dalam ladang kelapa sawit mereka. Di sini juga pendapatan para rakyat termiskin ini dapat meningkat dan juga sustainable. Di negeri-negeri seperti Sabah dan Sarawak kita sedang berbincang untuk mencadangkan supaya ladang PPRT dibangunkan. Dengan cara ini kita dapati bahawa usaha untuk mengatasi masalah kemiskinan ini akan lebih berkesan.

**Tuan Md. Isa bin Sabu:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih atas jawapan pihak kementerian. Nampaknya program pembangunan ini lebih ditumpukan kepada bantuan, saham dan juga peluang bekerja. Jadi, saya minta penjelasan, apakah sebenarnya yang diusahakan oleh pihak kementerian untuk membangun sumber manusia rakyat termiskin itu sendiri untuk menghadapi masalah kemiskinan jangka panjang?

**Datuk Douglas Uggah Embas:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat. Dalam program kita menghadapi masalah kemiskinan ini, kementerian memang menekankan usaha untuk mengubah sikap kerana bagi pendapat kerajaan satu masalah yang dihadapi oleh mereka ini yang menyebabkan mereka ini masih tergolong sebagai rakyat termiskin adalah pemikiran mereka yang masih terkongkong dan kadang-kadang tidak dapat menerima cara-cara mencari pekerjaan yang baru.

Oleh yang demikian, maka satu peruntukan tiap-tiap tahun dijalankan sebagai satu program motivasi diberi kepada keluarga termiskin kepada mereka yang terlibat dalam program yang saya sebutkan tadi sebelum mereka melibatkan diri, mereka akan diberikan kursus untuk menentukan bahawa mereka faham bahawa dalam masa mereka menerima bonus itu, dalam masa itu mereka mesti belajar untuk bersedia menjalankan kerja supaya mereka dapat berdiri di atas kaki sendiri pada masa akan datang.

5. **Tuan Chang See Ten [Gelang Patah]** minta Menteri Kerja Raya menyatakan apakah tindakan yang berkesan untuk menangani masalah air bertakung di jalan raya semasa hujan lebat supaya dapat mengelak dan mengurangkan kemalangan jalan raya akibat takungan air dan tanah runtuh.

**Menteri Kerja Raya [Dato' Seri S. Samy Vellu]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan sentiasa mengambil berat mengenai keselamatan pengguna-pengguna jalan raya. Oleh itu, kerajaan sentiasa memberi perhatian terhadap masalah takungan air di permukaan jalan, tanah runtuh atau lain-lain faktor yang boleh membahayakan keselamatan pengguna. Bagi memastikan keadaan jalan raya/lebuhraya sentiasa selamat diguna, JKR dan syarikat-syarikat konsesi lebuhraya telah diarah dari semasa ke semasa untuk mengenalpasti kawasan-

kawasan berbahaya supaya tindakan yang berkesan dapat diambil secepat mungkin. Bagi jalan-jalan Persekutuan, tindakan yang sama juga telah diambil oleh Jabatan Kerja Raya bagi mengatasi masalah tersebut.

Di antara langkah-langkah yang telah, sedang dan akan diambil bagi mengatasi masalah takungan air di permukaan jalan raya adalah seperti berikut:-

- (i) bagi kawasan air bertakung yang disebabkan oleh mendapan permukaan jalan, ianya akan diturap semula;
- (ii) bagi kawasan lintasan air (water crossing), penurapan paveman jalan dengan penggunaan kaedah 'porous asphalt', dengan izin, iaitu satu kaedah yang dapat menyerap air di permukaan jalan dengan cepat dan dapat mengelakkan jalan tersebut menjadi licin;
- (iii) membuat kecuraman bagi permukaan lintang jalan (cross slope) pada had kecuraman yang dibenarkan iaitu 2.5%, ini dapat memastikan air larian permukaan disalurkan ke parit tepi jalan dengan lebih berkesan; dan
- (iv) jika kejadian air bertakung ini disebabkan oleh sistem perparitan di tepi jalan yang tersumbat, ianya akan dibersihkan bagi memastikan pengaliran air berjalan lancar. Jika masalah parit tersumbat oleh kerana pembangunan di sekitar lebuhraya/ jalan raya, kerjasama majlis-majlis tempatan diminta untuk memastikan pemaju mematuhi syarat-syarat kelulusan pembangunan yang diberi.

Bagi kawasan - kawasan yang mengalami tanah runtuh, kerajaan sentiasa memastikan pihak-pihak yang berkenaan mengambil langkah-langkah pencegahan melalui pembinaan tembok penghadang (retaining wall) dan 'soil nail' sementara bagi cerun-cerun batu, kaedah 'rock anchor' akan digunakan. Selain itu, kaedah penanaman rumput yang sesuai seperti 'vertiver' untuk mengelak daripada berlakunya runtuhan cerun. Bagi cerun-cerun yang rendah, tembok penahan batu akan dipasang.

**Tuan Chang See Ten:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri yang mengatakan bahawa pihak Kementerian Kerja Raya sentiasa mengambil perhatian tentang masalah air bertakung di jalan tetapi saya ingin memberitahu bahawa di kawasan saya - saya pernah timbulkan pada tahun 1994 di Batu 4½ iaitu Kilometer 6.5 air bertakung semasa hujan lebat sampai kereta tidak boleh lalu. Sehingga sekarang sudah beberapa kali dibawa di dalam mesyuarat jawatankuasa pembangunan, janji demi janji, hingga masa sekarang belum diselesaikan lagi. Ini satu misalan yang saya ingin beritahu.

Saya dapati bahawa di Lebuhraya Utara-Selatan dekat dengan Seremban, bila hujan lebat lebuhraya itu penuh dengan air, ini satu misalan yang sudah lama dan selain daripada itu saya ingin tahu pada tahun 1994, kemalangan kerana reka bentuk atau permukaan jalan yang tidak sempurna telah menyebabkan 27,098 kes kemalangan dan meningkat pada tahun 1997 kepada 31,991 kes. Saya ingin tahu pada tahun 1998 berapa kes telah meningkat akibat keadaan permukaan jalan atau reka bentuk jalan yang tidak sempurna.

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Tuan Yang di-Pertua, baru saja pagi saya balik dari Gelang Patah. Yang Berhormat tidak beritahu dengan saya, jikalau ada surat-surat berkenaan dengan masalah ini, saya boleh mengarahkan JKR untuk mengambil tindakan. Tidak payahlah tunggu 4 atau 5 tahun, lima minit pun boleh cukup jikalau saya dapat keterangan daripada Yang Berhormat.

Yang kedua, berkenaan dengan masalah takungan air di lebuh raya Utara – Selatan, masa hujan ada juga air, jalan walaupun ada 'porous asphalt' boleh juga, apabila sahaja dapat hujan dia tak boleh masuk, dia ambil masa. Jadi, kita kena tunggulah, ada juga drebar-drebar membawa kereta, masa hujan pun mereka ikut dengan laju sahaja. Bila dia duduk dalam kereta, hujan ke, apa ke, dia tak peduli, dia ingat dia berada di dalam kapal terbang. Oleh kerana itulah kemalangan berlaku, bukannya salah jalan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat dari Kepong.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tuan Yang di-Pertua, bukan sahaja masalah air di jalan, masalah hawa dingin di dalam Dewan pun penat juga, sekarang.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, lima minit.

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin:** Korbanlah sikit, tak boleh korbanke.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila, Yang Berhormat.

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin:** Dia takut sakit kulit, gatal.

**Tuan Yang di-Pertua:** Apa soalnya itu, ya.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Soalnya, Yang Berhormat dapat memperbaiki keadaan, bukan lima minit sekarang itu.

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin:** Dia panas takut sakit kulit, Tuan Yang di-Pertua.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Kerana masalah di Parlimen ini, jentera-jentera sudah lama, tidak dipertingkatkan, banyak perkara bukan sahaja bekalan elektrik, bahan-bahan yang lain, perabot-perabot dan sebagainya sangat uzurlah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahlinya jugalah [*ketawa*].

**Dr. Tan Seng Giaw:** Yang Berhormat, sebelum pihak JKR meluluskan sesuatu projek untuk jalan itu, apakah syarat-syarat mengenai hal-hal seperti parit, takungan air dan sebagainya berbanding dengan sistem yang lebih baik, negara-negara yang mempunyai mutu jalan yang lebih baik dan di seluruh negara kita, memang kita tahu di negara tropika seperti di Malaysia ini tidak boleh elak hujan tetapi bagaimana pihak kementerian dapat mengurangkan masalah takungan air ini, selain daripada syarat-syarat yang diberi tadi.

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Tuan Yang di-Pertua, seperti apa yang saya jelaskan tadi, ada juga banyak jalan tidak dibina oleh JKR tetapi di kawasan-kawasan di majlis-majlis perbandaran dan juga majlis daerah di mana plan-plan itu dirujuk kepada JKR untuk komen dan kelulusan, walaupun JKR mengenakan beberapa syarat. Apabila dalam masa pembinaan kontraktor-kontraktor ataupun pemaju-pemaju tidak mengikuti syarat-syarat yang dikenakan. Jadi, saya tahu perkara yang berlaku sekarang tetapi banyak di antara majlis daerah tidak mempunyai pakar-pakar untuk mendapat tahu apa yang berlaku dalam masa pembinaan.

Jadi, saya percaya jikalau ada juga peraturan-peraturan iaitu tiap-tiap majlis daerah mesti mengadakan kepakaran seperti jurutera-jurutera dan juga pembantu teknik dengan pengalaman yang penuh untuk menjaga kepentingan jalan-jalan apabila sahaja jalan ini dibina. Jikalau tidak syarat-syarat boleh dikenakan oleh majlis-majlis daerah iaitu pakar-pakar perunding yang dilantik oleh pemaju itu yang bertanggungjawab untuk kerja-kerja apabila kerja itu dapat diselesaikan. Jadi, itu yang pertama.

Yang kedua, berkenaan dengan hawa dingin. Dewan yang mulia ini, masuk sahaja saya pun tahu hawa dingin tak berfungsi, saya percaya barangkali apa yang saya

sendiri tahu tidak ada gas dalam mesin itu tetapi ini bukannya penyelenggaraan oleh JKR. Itu saya suka menjelaskan. Oleh kerana JKR, macam orang pekerja, bayar gaji dia kerja, tidak bayar gaji dia tidak bekerja. Macam itu kita dapat sahaja peruntukan daripada Dewan Parlimen dengan serta merta kita kerja. Tidak dapat peruntukan kita tidak bekerja.

*[Soalan No. 8 – Tuan Robert Lau Hoi Chew [Sibu] tidak hadir]*

9. **Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood [Tumpat]** minta Menteri Kewangan menyatakan adakah kerajaan bersedia mengadakan suruhanjaya penyiasat bebas mengenai pemilihan diskriminatif syarikat NPL yang diselamatkan bagi menjamin dari segi ketelusan dan akauntabiliti proses berkenaan.

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, kerajaan tidak perlu mengadakan suruhanjaya penyiasat bebas bagi menjamin ketelusan dan akauntabiliti proses pembelian pinjaman tak berbayar (NPL) oleh Danaharta kerana Lembaga Pengarah Danaharta sentiasa berperanan memastikan, operasi Danaharta adalah berasaskan pasaran dan tidak memihak kepada mana-mana syarikat. Danaharta sentiasa mengamalkan pendekatan yang berasaskan prinsip pasaran dan menggunakan amalan terbaik antarabangsa di dalam operasinya. Operasi Danaharta juga adalah telus dan ia menerbitkan butiran terperinci mengenai aktiviti pembelian NPL di dalam akaunnya setiap pertengahan tahun. Akaun Danaharta juga diaudit oleh syarikat audit profesional bebas. Dasar pembelian dan pengurusan aset Danaharta juga diterbitkan dan dikemaskinikan dari masa ke semasa.

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat. Adakah pihak kerajaan berpuas hati kerana saya dapati bahawa kebanyakan pegawai dalam Danaharta ini, mereka ini adalah terdiri daripada pekerja-pekerja yang muda, yang kurang berpengalaman sedangkan kos penglibatan itu sudah berbilion-bilion ringgit dan mereka ini tidak mempunyai pengalaman dalam bidang perniagaan. Jadi, bagaimanakah mereka hendak turnaround sesebuah syarikat yang menghadapi masalah kerana ada syarikat yang menghadapi masalah disebabkan oleh tekanan ekonomi bukan kerana kesilapan pengurusan dan sebagainya.

Jadi, adakah pihak kerajaan bercadang untuk meletak tokoh-tokoh perniagaan yang berjaya sebagai mengawasi dan menasihati Danaharta supaya jangan suatu hari nanti apabila mereka mencapai tahap yang besar daripada peruntukan yang ada di khazanah negara ini. Jadi, adakah mereka dapat mengawal apabila benda ini mengembang dan untuk menyelamatkan syarikat-syarikat yang menghadapi masalah. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, kerajaan berpuas hati dengan perlantikan yang kita dibuat. Bagi mereka yang mengendalikan pengurusan Danaharta, umur bukanlah menjadi satu ukuran kerana ada juga sebagai contoh, wakil rakyat di sini umur dah tua tetapi perangai macam budak-budak. Jadi, umur bukan menjadi satu ukuran. Jadi, sebab itu saya ingin menyatakan di sini, bahawa kerajaan mempunyai keyakinan dengan mereka yang telah dilantik dan kita percaya bahawa mereka akan menjalankan tugas mereka dengan baik apabila mereka menduduki Danaharta ini.

Keduanya, kita tidak bercadang untuk meletakkan mana-mana peniaga-peniaga, usahawan-usahawan yang berjaya untuk tinggal dalam Danaharta ini kerana kehadiran mereka di sini, pertamanya, mungkin conflict of interest, takut-takut mereka mempunyai saham dalam bank-bank yang mana Danaharta terpaksa mengambil NPL itu. Keduanya, kalau dia berjaya kita bawa masuk, ini akan mengakibatkan syarikat yang lama itu susah pula dan kita terpaksa mengambil alih dia punya beban sebab itu kita tidak bercadang untuk melantik tokoh-tokoh berjaya atau usahawan ini untuk menduduki Danaharta ini.

**Tuan Zainal Abidin bin Osman:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Danaharta diwujudkan di antaranya bertujuan untuk meringankan institusi kewangan yang dibebankan dengan hutang dan boleh menjejaskan keupayaan mereka untuk membiayai peminjaman yang baru. Jadi, saya hendak tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, sejak Danaharta mengambil alih NPL ini daripada bank-bank, berapa banyakkah pinjaman baru yang telah diluluskan dan namakan institusi kewangan atau bank di mana Danaharta mengambil alih NPL mereka dan jumlah masing-masing?

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Saya ingatkan Yang Berhormat hendak tanya berapa NPL kita sudah ambil alih. Jadi, hendak tahu berapakah jumlah pinjaman yang telah dikeluarkan oleh bank-bank. Soalan ini memerlukan statistik daripada Bank Negara kerana soalan ini ialah soalan mengenai Danaharta. Walau bagaimanapun di dalam akhbar Yang Berhormat Menteri Kewangan I telah menyatakan bahawa dia mahu melihat supaya menjelang bulan Mei ini, mahu melihat sekurang-kurangnya pinjaman yang dikeluarkan adalah tahap 8% kerana setakat daripada bulan Januari, Februari adalah tidak memuaskan dan dalam laporan mingguan yang kita dapat daripada Bank Negara ada tanda-tanda yang menunjukkan iaitu amaran dan arahan daripada Menteri Kewangan I itu telahpun diikuti dan dipatuh oleh bank-bank dan kita menjangka bahawa pinjaman akan bertambah menjelang bulan Mei ini.

10. **Tuan Abdul Rahin bin Dato' Mohd. Said [Kuala Nerus]** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada kemasukan buruh-buruh asing negara jiran ke Malaysia masih pada tahap terkawal ataupun sudah sampai tahap yang serius. Apakah benar dakwaan akhbar tempatan bahawa buruh asing Indonesia telah menggunakan pelbagai cara untuk memasuki Malaysia dengan menggunakan pangkalan-pangkalan baru di pesisiran Pantai Barat Semenanjung Malaysia. Sila nyatakan strategi-strategi kawalan keselamatan yang telah dan akan diambil.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir]:** Tuan Yang di-Pertua, kemasukan pendatang tanpa izin sama ada untuk bekerja ataupun untuk maksud lain ke negara ini adalah terkawal. Namun demikian, tidak dinafikan masih terdapat pendatang tanpa izin yang berjaya menyusup masuk ke negara ini. Pendatang tanpa izin ini menggunakan pelbagai cara untuk memasuki negara ini menerusi pantai kita yang begitu panjang dan juga ikut daratan di Sabah dan Sarawak dan terdapat juga sindiket dan tekong-tekong laut dan darat yang terlibat dengan penyeludupan pendatang tanpa izin dan tekong-tekong ini menggunakan kelengkapan bot berkuasa tinggi serta alat-alat komunikasi yang terkini dan juga dengan cara-cara yang lain.

Bagi menangani kemasukan pendatang tanpa izin ke negara ini, agensi penguat kuasa telah mengambil langkah-langkah dan strategi yang pelbagai dan di antaranya seperti berikut:

- (i) memperketatkan kawalan di sepanjang pantai dengan menjalankan Operasi Nyah 1 oleh PDRM;
- (ii) Operasi Merpati oleh Angkatan Tentera;
- (iii) rondaan di laut oleh Polis Marin; dan
- (iv) rondaan di udara oleh Unit Udara PDRM.

Di samping itu, operasi lain juga dijalankan sepanjang masa oleh agensi-agensi lain seperti Jabatan Imigresen, RELA ataupun operasi-operasi yang bersepadu. Kerajaan sentiasa menjalankan risikan dan siasatan ke atas aktiviti-aktiviti sindiket dan tekong laut dan darat dan membuat tangkapan dan tindakan selanjutnya sama ada dibawa ke mahkamah ataupun tahanan dan di bawah undang-undang pencegahan termasuk ISA.

**Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, selain daripada pendatang tanpa izin, pendatang dengan izin, buruh-buruh asing ini apabila mereka datang bekerja di negara kita beberapa tahun selepas tamat tempohnya, mereka dapati bahawa negara ini aman, senang cari makan, maka dia akan menetap di negara ini dan mereka ini mencari tempat-tempat seperti hutan simpanan, tanah-tanah perkuburan, tanah kerajaan untuk membuat rumah dan tinggal. Adakah Kementerian Yang Berhormat sedar dalam perkara ini dan kalau sedar adakah tindakan diambil? Terima Kasih.

**Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir:** Tuan Yang di-Pertua, kerajaan memang sedar tentang kejadian-kejadian seperti ini, itulah sebabnya di samping mencegah orang masuk ke negara kita tanpa izin, kita juga mengadakan pemeriksaan sepanjang masa untuk mencari orang-orang seperti ini. Misalnya, sepanjang tahun 1998 pihak polis telah menjalankan pemeriksaan melibatkan seramai 34,089 orang pekerja asing. Daripada bilangan tersebut 21,900 orang telah ditangkap dan kita juga ingin kerjasama daripada rakyat, daripada JKK, RELA dan sebagainya dan sesiapa juga yang mempunyai bukti-bukti seperti yang telah dinyatakan oleh Yang Berhormat tadi mengenai orang-orang yang duduk menyorok di hutan dan sebagainya, maka kalau pihak polis ataupun Kementerian Dalam Negeri boleh diberitahu mengenai perkara-perkara ini secara sulit ataupun tidak sulit, maka sudah tentu ini akan membantu pihak kerajaan mengambil tindakan.

**Tuan Abdul Rahin bin Dato' Mohd. Said:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Pendatang tanpa izin ataupun pekerja asing ini biasanya rekod jenayah di negara asalnya tidak disemak, kecuali di antara Malaysia dengan Singapura adanya pendaftar jenayah pusat. Adakah kerajaan bercadang untuk menubuhkan pendaftar jenayah pusat di antara negara-negara jiran kita yang lain untuk mengurangkan kadar jenayah yang dilakukan oleh pekerja asing ini?

**Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir:** Tuan Yang di-Pertua, kadar jenayah yang dilakukan oleh pekerja asing jika dibandingkan dengan jenayah yang dilakukan oleh rakyat kita sendiri, maka sangatlah berkurangan di kalangan rakyat asing itu. Namun demikian, apa yang telah disarankan oleh Ahli Yang Berhormat itu adalah satu pandangan yang baik, insya-Allah saya akan ketengahkan perkara ini.

*[Soalan No. 11 – Y.B. Tuan Wong Kam Hoong (Bayan Baru) tidak hadir]*

*[Soalan No. 12 – Y.B. Datuk S'ng Chee Hua (Julau) tidak hadir]*

*[Soalan No. 13 – Y.B. Dr. Yap Yit Thong (Lumut) tidak hadir]*

14. **Datuk Lim Si Cheng [Senai]** minta Menteri Pendidikan menyatakan bagaimana kementerian mengatasi masalah pelajar asing yang menuntut di institusi pengajian tinggi di negara ini daripada menghilangkan diri dan terlibat dalam kegiatan tidak bermoral di kelab-kelab malam dan sebagainya.

**Timbalan Menteri Pendidikan [Datuk Dr. Fong Chan Onn]:** Tuan Yang di-Pertua, pelajar-pelajar asing yang menuntut di negara ini adalah tertakluk kepada peraturan-peraturan imigrasi. Garis panduan yang baru telah dikeluarkan bagi mengawal pelajar-pelajar tersebut daripada melakukan perkara-perkara yang melanggar peraturan imigresen seperti bekerja atau menjalankan aktiviti yang tidak bermoral.

Institusi pengajian tinggi dipertanggungjawabkan untuk mengawal kegiatan pelajar dan dikehendaki menandatangani personal bond bagi menjamin pelajar asing berkenaan. Sekiranya berlaku perlanggaran syarat, pas pelajar akan dibatalkan dan pelajar tersebut dihantar pulang.

**Tuan Chia Kwang Chye:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tahu tentang betapa seriusnya masalah ini dan berapa ramaikah pelajar-pelajar yang terlibat dan

apakah aktiviti-aktiviti yang biasanya dijalankan dan apakah tindakan yang telah diambil keatas pelajar-pelajar ini? Sekian, terima kasih.

**Datuk Dr. Fong Chan Onn:** Tuan Yang di-Pertua, tidak berapa serius hanya satu, dua orang sahaja yang telah didapati bekerja tanpa izin dan tindakan sudah diambil ke atas semua pelajar-pelajar itu.

15. **Tuan Chiew Chiu Sing [Bintulu]** minta Perdana Menteri menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil menurut jangka masa oleh pengusaha minyak dan gas Petronas di Bintulu bagi menyalurkan secara terus bekalan gas menerusi rangkaian saluran paip untuk kegunaan domestik dan industri di Bintulu dan bandar lain.

**Datuk Haji Ibrahim bin Ali:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di Sarawak hampir keseluruhan permintaan bekalan gas adalah daripada sektor perindustrian. Di Bintulu, bekalan gas disalurkan menerusi rangkaian paip terus kepada loji-loji Malaysian Liquid Natural Gas (MLNG) Satu dan Dua, Shell Middle Distillate Synthesis, Asean Bintulu Fertiliser, Stesen Janakuasa Sarawak Economic Corporation (SESCO), Bintulu Silica Industry dan Kilang Edible Oil.

Di Miri, bekalan gas disalurkan menerusi rangkaian paip kepada loji penapis janakuasa SESCO dan Kilang Penapisan Minyak Shell. Sebahagiannya untuk kegunaan domestik.

Buat masa ini permintaan bekalan gas dari sektor domestik di Sarawak masih terhad untuk membolehkan pembangunan rangkaian saluran paip yang berdaya maju.

**Tuan Chiew Chiu Sing:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sebagai projek perintis, adakah kerajaan berminat untuk menyambung saluran gas ke rumah-rumah baru dibina di sekitar Bintulu. Sekian.

**Datuk Haji Ibrahim bin Ali:** Untuk jawapan Yang Berhormat belum tetapi pada masa akan datang kerajaan akan mengkajinya. Sekian, terima kasih.

*[Soalan No. 16 – Y.B. Dr. Sanusi bin Daeng Mariok (Rantau Panjang) tidak hadir]*

*[Soalan No. 17 – Y.B. Che Ibrahim bin Mustafa (Sungai Petani) tidak hadir]*

*[Soalan No. 18 – Y.B. Tuan Joseph Mauh Anak Ikeh (Selangau) tidak hadir]*

*[Soalan No. 19 – Y.B. Dr. Tan Chong Keng (Bukit Mertajam) tidak hadir]*

*[Soalan No. 20 – Y.B. Tuan Haji Mohamad bin Sabu (Kubang Kerian) tidak hadir]*

21. **Dr. G. Leelavathi (Kapar)** minta Menteri Pembangunan Usahawan menyatakan untuk mempertimbangkan cadangan memberi permit individu kepada pemandu teksi dan bukannya melalui syarikat serta menyediakan satu skim insurans untuk golongan ini.

**Dato' Idris bin Jusoh:** Tuan Yang di-Pertua, kerajaan tidak bercadang memberi lesen teksi kepada individu masa kini. Dasar pemberian lesen teksi kepada syarikat ataupun persatuan dan tidak kepada individu telah dilaksanakan sejak 26 Jun 1995. Sebab utama pemberian lesen teksi kepada syarikat ialah untuk memastikan mutu perkhidmatan teksi dapat dipertingkatkan. Di samping itu, kerajaan juga sedang berusaha untuk menggabungkan pengusaha-pengusaha individu dan pengusaha-pengusaha kecil dalam syarikat-syarikat yang lebih besar.

Dengan ada syarikat-syarikat besar bilangan pengusaha teksi akan dapat dikurangkan. Dengan cara ini, akan memudahkan lagi kawalan ke atas industri teksi. Melalui pengeluaran lesen kepada syarikat-syarikat besar kerajaan telah menetapkan

piawaian perkhidmatan yang menekankan kepada keselamatan serta keselesaan penumpang dan pemandu-pemandu yang berhemah.

Syarikat-syarikat besar juga lebih mudah melaksanakan peraturan-peraturan dan dasar yang ditetapkan oleh kerajaan dari masa ke semasa seperti penggunaan gas asli mampat (NGV), menghantar pemandu-pemandu berkursus dan penggunaan kenderaan-kenderaan yang lebih baru.

Usaha-usaha kerajaan tersebut telah terbukti menunjukkan peningkatan ke atas perkhidmatan teksi dengan berkurangnya aduan-aduan ke atas salah laku pemandu teksi seperti enggan mengambil penumpang, tidak menggunakan meter dan mengenakan tambang yang berlebihan.

**Tuan Yang di-Pertua: Machang.**

**Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Memandangkan kementerian tidak berhasrat untuk mengeluarkan permit teksi kepada pengusaha-pengusaha individu teksi, adakah kerajaan berhasrat untuk berbincang dengan pengusaha-pengusaha atau konsortium-konsortium teksi yang sedang beroperasi bukan sahaja di Kuala Lumpur, KLIA supaya mengambil kira kepentingan pemandu-pemandu teksi individu ini dalam bentuk pemberian perkongsian saham dan sebagainya supaya kepentingan pemandu-pemandu individu ini dapat dijaga bagi mengembangkan industri teksi negara ini dan juga kepentingan mereka ini sendiri. Terima kasih.

**Dato' Idris bin Jusoh:** Terima kasih Yang Berhormat dari Machang. Bukan hanya kementerian berminat untuk berjumpa dengan mereka, kementerian sentiasa berjumpa dengan mereka dan telah melaksanakan beberapa cadangan yang telah dikatakan oleh Yang Berhormat tadi. Kita telah memberi banyak permit kepada persatuan-persatuan teksi Kuala Lumpur dan beberapa persatuan teksi yang lain dan kebelakangan ini kita telah juga memberi permit teksi kepada pengusaha-pengusaha bas mini dan terakhir ialah satu syarikat yang ditubuhkan oleh pemandu-pemandu teksi yang diberikan nama Evenew Drive – 100 permit teksi telah diberikan kepada mereka. Walau bagaimanapun, kita sentiasa berjumpa dengan mereka, semalam pun jam 4.00 petang, saya berjumpa dengan Encik Wee Chi Kiong, kawan kita yang telah keluar dari DAP, Encik Jusoh Suli dengan kawan-kawannya di pejabat saya dan hari ini satu lagi kumpulan pemandu-pemandu teksi yang sentiasa datang ke kementerian dan kita lihat mereka juga telah berubah dan kita harap industri juga akan berubah dengan sikap terbuka yang ada di kementerian di masa kini

**Tuan Yang di-Pertua: Ya, Tanjong Karang.**

**Tuan Haji Noh bin Omar:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Daripada jawapan yang Yang Berhormat Timbalan Menteri menyatakan bahawa kerajaan tidak bercadang untuk memberikan permit teksi kepada individu tetapi diberikan kepada syarikat. Persoalan saya ialah adakah rancangan ini juga akan dikenakan ataupun dilaksanakan kepada pemandu-pemandu kereta sewa, yang mana kita dapati kereta sewa pada hari ini industrinya semakin lama semakin malap terutama di luar-luar bandar dan adakah kerajaan juga bercadang tidak akan memberi permit kereta sewa ini kepada individu sebaliknya diberikan kepada syarikat-syarikat untuk memastikan industri kereta sewa ini dapat dikembalikan kecergasannya, terima kasih.

**Dato' Idris bin Jusoh:** Walaupun kementerian mengenakan syarat itu kepada pengusaha-pengusaha teksi. Teksi bermakna yang menggunakan meter, masa kini kerajaan hanya memberi permit kepada syarikat-syarikat dan juga kepada persatuan-persatuan yang merupakan gabungan pemandu-pemandu tetapi untuk kereta sewa kerajaan masih tidak ada niat untuk berbuat demikian.

*[Masa untuk pertanyaan bagi Jawab Lisan telah cukup dan jawapan bagi pertanyaan No. 4, 11-13, 16-20 dan 22 hingga 37 akan dijilid dalam buku berasingan]*

## USUL

### KAJIAN SEPARUH PENGGAL RANCANGAN MALAYSIA KETUJUH

Aturan Urusan Mesyuarat dibaca bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah:

Bahawa Dewan ini,

menyedari pertumbuhan ekonomi dan pencapaian matlamat soioekonomi secara keseluruhan adalah membanggakan dalam tempoh tiga tahun pertama pelaksanaan Rancangan Malaysia Ketujuh walaupun prestasi ekonomi kurang memuaskan pada tahun 1998 berikutan krisis kewangan serantau;

mengambil maklum dan merestui usaha Kerajaan meneruskan pelaksanaan Dasar Pembangunan Nasional bagi mencapai pembangunan seimbang berasaskan pertumbuhan dengan pengagihan yang saksama, selaras dengan matlamat yang terkandung dalam Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua;

melulus dan mengesahkan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketujuh yang bertujuan untuk melaksanakan strategi dan program serta menyediakan peruntukan bagi mencapai hasrat dan matlamat Dasar Pembangunan Nasional seperti dibentangkan dalam Kertas Perintah Bil. 8 Tahun 1999;

Bahawa dalam meluluskan Kajian Separuh Penggal ini, Dewan yang mulia ini menyeru semua rakyat Malaysia berusaha lebih gigih dan penuh keazaman ke arah matlamat membina satu bangsa yang adil, bersatu padu, maju, berdaya saing serta mempunyai tahap ketahanan yang tinggi selaras dengan cita-cita untuk menjadi sebuah negara maju menjelang tahun 2020. *[22 April 1999]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, Yang Berhormat Parit Sulong sila sambung.

**11.06 pagi**

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad [Parit Sulong]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Sekali lagi saya mengucapkan syukur kepada Allah S.W.T. kerana menerusi Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketujuh ini, kerajaan memberikan komitmen yang tegas untuk membangunkan sumber manusia negara meneruskan pendidikan dan latihan kemahiran ataupun latihan vokasional. Saya juga menyokong inisiatif kerajaan memperuntukkan sejumlah RM500 juta untuk tabung pinjaman latihan kemahiran.

Dalam hubungan ini, saya harap pihak kerajaan akan memberikan huraian terperinci tentang bagaimanakah dana RM500 juta itu akan diuruskan. Apakah dana ini akan membolehkan pelajar yang akan melanjutkan pelajaran dibidang vokasional meminjam wang dari kerajaan atau mendapat tajaan dari kerajaan. Siapakah yang akan mengurus dana tersebut dan pendidikan vokasional taraf manakah yang boleh dibiayai oleh dana berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya percaya huraian lanjut mengenai dana ini akan memudahkan pihak berminat untuk memperolehi manfaatnya tidak lama lagi.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga tertarik hati dengan kenyataan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Khamis lalu, bahawa sektor swasta akan digalakkan menyertai usaha membekalkan pendidikan dan latihan kemahiran secara lebih meluas di negara ini. Pada pendapat saya kenyataan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ini perlu diteliti secara serius oleh pihak swasta. Hari ini penyertaan sektor swasta di bidang pendidikan vokasional adalah terlalu kecil. Memang hari ini terdapat sejumlah 565 institut pengajian tinggi swasta (IPTS) di Malaysia. Tetapi, majoriti IPTS ini tidak terdorong untuk membekalkan pendidikan atau latihan kemahiran. Sebab itulah graduan dari institut latihan kemahiran swasta hanya meningkat dari 10,830 pada tahun 1998 kepada 12,770 pada tahun 2000 berbanding dengan graduan dari institut latihan kemahiran awam yang meningkat kepada 23,900 pada tahun 2000 kelak.

Satu kajian oleh Kementerian Pembangunan Usahawan baru-baru ini membuktikan bahawa majoriti IPTS di negara ini hanya menyediakan tiga kategori pengajian utama.

- (i) pengajian komputer dan teknologi maklumat;
- (ii) pengajian peniagaan dan pengurusan; dan
- (iii) pengajian kewangan dan akauntansi.

Hanya segelintir sahaja IPTS di negara ini yang menawarkan kursus kejuruteraan mekanikal dan elektrik, ukur bahan, ukur bangunan, otomasi industri dan elektronik industri.

Kajian tersebut tidak menghuraikan sebab musabab mengapakah IPTS di Malaysia tidak terdorong untuk membekalkan latihan vokasional. Bagaimanapun saya beranggapan bahawa sektor swasta agak kurang terdorong menceburi latihan vokasional kerana IPTS seperti ini memerlukan modal yang besar. IPTS tidak boleh diwujudkan di rumah-rumah kedai. Sebaliknya, IPTS vokasional memerlukan bangunan sendiri yang lengkap dengan bengkel dan jentera. Contohnya, untuk mewujudkan sebuah institut kemahiran yang lengkap dengan bengkel dan jentera, MARA membelanjakan RM45 juta. Untuk mewujudkan sebuah institut kemahiran tinggi pula MARA membelanjakan RM95 juta sebagai kos modal.

Atas alasan inilah maka pihak kerajaan sewajarnya menyediakan lebih banyak insentif-insentif kepada sektor swasta untuk membekalkan latihan kemahiran kepada rakyat Malaysia secara lebih meluas dan berkesan. Saya yakin insentif-insentif yang digubal secara teliti akan menggalakkan sektor swasta melaburkan modal di bidang pendidikan vokasional.

Pada waktu yang sama Tuan Yang di-Pertua, saya juga berharap, semoga pihak kerajaan mengkaji semula jenis-jenis kursus yang kini dianjurkan di institut-institut latihan perindustrian di bawah Kementerian Sumber Manusia dan juga Institut Kemahiran Tinggi Belia Negara di bawah Kementerian Belia dan Sukan.

Saya membuat cadangan ini semoga kursus-kursus tersebut menjadi relevan kepada kehendak-kehendak nasional dan pembangunan negara mutakhir. Bagi pihak MARA umpamanya, tiga institut kemahiran tinggi telah pun diwujudkan di sekitar Kuala Lumpur. Kesemuanya menumpukan kepada kursus-kursus teknikal dan teknologi maklumat. Empat lagi institut kemahiran tinggi dalam bidang-bidang yang khusus akan dibangunkan tidak lama lagi. Contohnya, MARA akan membangunkan sebuah institut kemahiran tinggi mengenai kejuruteraan kapal terbang di Sepang, Selangor.

Institut Kemahiran Tinggi mengenai petrokimia di Tabor Naning, Melaka. Institut Kemahiran Tinggi mengenai kejuruteraan automatik di Kulim, Kedah. Dan Institut Kemahiran Tinggi mengenai kejuruteraan marin di Lumut, Perak.

Untuk memantau kualiti latihan di seluruh institut kemahiran kerajaan dan swasta di masa akan datang, saya berharap semoga kerajaan mempercepatkan pengubalan Akta Latihan Kemahiran sebagaimana yang dinyatakan di muka surat 137 dokumen Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketujuh ini. Saya berharap akta itu akan menjadikan Majlis Latihan Vokasional Kebangsaan (MLVK) sebagai agensi tunggal yang berkuasa penuh memantau perkembangan dan kualiti latihan kemahiran di Malaysia seluruhnya. Moga-moga akta tersebut akan menghapuskan seluruh anomali ataupun perbezaan-perbezaan yang kini wujud di dalam sistem latihan kemahiran kerajaan, separuh kerajaan dan sistem latihan kemahiran swasta di negara ini. Saya yakin akta ini akan memberi satu perspektif dan nafas baru kepada latihan vokasional di Malaysia demi kemajuan negara di hari muka.

Tuan Yang di-Pertua, kini izinkan saya berpindah kepada soal pembangunan sosio-ekonomi. Dalam konteks ini, sekali lagi saya bersyukur kepada Allah s.w.t. kerana menerusi Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketujuh ini, kerajaan akan terus memperhebatkan usaha membangunkan sosio-ekonomi rakyat. Usaha kerajaan untuk mengurangkan kadar kemiskinan rakyat pada tahap 5.5% menjelang tahun 2000 sangat saya alu-alukan. Usaha membasmi ketermiskinan dengan mengurangkan kadarnya kepada 0.5% menjelang tahun 2000 juga sangat disanjung tinggi.

Saya menyokong penuh seluruh strategi kerajaan membela golongan miskin dan berpendapatan rendah di negara ini. Dalam pada itu, saya ingin mendapatkan sedikit penjelasan mengenai kesan kegawatan ekonomi kepada kadar ketidaksamaan pendapatan rakyat khususnya di kalangan bumiputera dan bukan bumiputera.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Ong Tee Keat) *mempengerusikan mesyuarat*].

Di muka surat 92 Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketujuh ada dinyatakan bahawa, dengan izin, "*Memandangkan ketidaksamaan pendapatan yang meningkat, usaha yang lebih gigih akan diambil oleh kerajaan untuk menangani isu ini dalam tempoh akhir rancangan dan tahun-tahun berikutnya*", dengan izin.

Dalam hubungan ini, saya berharap kerajaan akan menghuraikan dengan lebih terperinci peratusan kadar ketidaksamaan pendapatan antara rakyat bumiputera dan bukan bumiputera setelah ekonomi negara dilanda gawat yang dahsyat kebelakangan ini. Adakah kegawatan ekonomi telah melebarkan lagi jurang pendapatan di antara bumiputera dan bukan bumiputera pada hari ini. Jika hakikatnya adalah sedemikian, berapa peratuskah kadar perbezaan tersebut berbanding dengan sebelum kegawatan ekonomi sejak penghujung tahun 1997. Bumiputera dari sektor manakah pula yang teruk terjejas dengan kegawatan tersebut.

Saya menimbulkan soalan ini kerana isu ketidaksamaan pendapatan antara bumiputera dengan bukan bumiputera ini penting dijadikan indikator atau petunjuk kepada seluruh usaha untuk mengatasinya di tahun-tahun akan datang. Ia juga penting diketahui umum supaya kerajaan tidak akan dituduh sebagai berat sebelah di dalam usahanya membasmi kemiskinan rakyat dan juga di dalam usahanya untuk membesarkan jumlah bumiputera kelas menengah dan memperkecilkan lagi jurang kelas mereka yang berpendapatan tinggi dan kelas mereka yang berpendapatan rendah.

Soalan ini juga strategik kerana isu ketidaksamaan ekonomi inter dan intra, (inter and intra economic in equality) adalah persoalan yang berkait rapat dengan pertumbuhan ekonomi dan pembinaan negara bangsa (nation building) di sebuah negara berbilang kaum seperti Malaysia. Oleh itu, sementara saya menyambut baik segala usaha kerajaan ke arah pembesaran saiz golongan berpendapatan pertengahan di Malaysia, saya juga berharap semoga kerajaan menjalankan kajian yang komprehensif terhadap kesan kegawatan ekonomi baru-baru ini kepada bumiputera.

Moga-moga kajian yang komprehensif ini akan membantu kerajaan menggubal pendekatan baru di samping pendekatan yang ada sekarang untuk memperkasakan lagi kedudukan ekonomi bumiputera di masa akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali saya menyokong penuh azam kerajaan untuk menyediakan satu pelan induk mengenai e-commerce di Malaysia. Usaha ini adalah selaras dengan kehendak zaman. Saya berharap pihak kerajaan akan merangkumkan agenda bumiputera di dalam pelan induk yang dicadangkan. Saya kerap memperkatakan soal agenda bumiputera di dalam konteks industri teknologi maklumat dan industri multimedia kerana tanpa agenda sedemikian, saya khuatir penyertaan bumiputera di dalam industri baru ini akan jauh ketinggalan berbanding dengan pihak bukan bumiputera.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]:** Serdang.

**11.15 pagi**

**Dato' Yap Pian Hon [Serdang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian dalam perbahasan laporan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketujuh yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri baru-baru ini.

Tuan Yang di-Pertua, melalui beberapa Rancangan Malaysia yang lalu, banyak usaha telah diberikan oleh pemimpin-pemimpin negara kita untuk mempertingkatkan tahap sosio-ekonomi, kebudayaan dan pendidikan negara kita. Pengalaman yang diperolehi daripada pelaksanaan rancangan-rancangan Malaysia itu memang memadai untuk kita menangani segala masalah yang dihadapi.

Kami sedar bahawa dalam keadaan dan situasi yang berlainan, kerajaan akan menggunakan strategi dan pendekatan yang sesuai untuk melaksanakan projek pembangunan negara agar kepentingan rakyat terjamin.

Dalam membentangkan Usul mengenai Kajian Separuh Penggal, Rancangan Malaysia Ketujuh, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita telah memberitahu Dewan Rakyat dan rakyat tentang sebab-sebab kerajaan mengambil tindakan yang tegas untuk memulihkan kegiatan ekonomi dan mempertahankan kepentingan negara supaya menunjukkan haluan dan maklumat yang tepat agar rakyat jelata tiak akan terheret, tersesak, terkeliru daripada hujah-hujah, kenyataan-kenyataan akhbar oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab.

Tuan Yang di-Pertua, melalui penubuhan Majlis Tindakan Ekonomi Negara, kerajaan telah mengutarakan beberapa cadangan dan langkah yang dapat memulih ekonomi negara kita. Manakala Majlis Tindakan Ekonomi Negeri pula melaksanakan cadangan-cadangan tersebut. Dalam hal ini, baik Kerajaan Pusat mahupun kerajaan negeri telah mengambil langkah yang amat wajar dan bijaksana untuk menangani kegawatan ekonomi.

Pelaksanaan Dasar Pembangunan Nasional dan Rancangan Malaysia Ketujuh yang efektif memerlukan perancangan, kerjasama dan penyelarasan yang cekap di semua peringkat kerajaan. Oleh itu, kerajaan haruslah meningkatkan keupayaan, kecekapan dan keberkesanan agensi-agensi kerajaan supaya projek-projek dapat dilaksanakan mengikut jadual tanpa kelewatan. Dalam hubungan ini, pertindihan kerja dan pembaziran hendaklah dikurangkan, prosedur kerja perlu diselaraskan dan halangan yang mengganggu pelaksanaan projek dihapuskan untuk menjamin projek-projek yang dirancang tidak tergendala.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita pernah memberi arahan kepada jabatan-jabatan kerajaan agar mengetatkan kawalan terhadap pelaksanaan setiap projek. Majlis Pembangunan Negara, Majlis Pembangunan Negeri

dan Jawatankuasa Pembangunan Daerah memainkan peranan yang berlainan dan memikul tanggungjawab yang tersendiri masing-masing. Ketiga-tiga majlis ini mengadakan mesyuarat dari masa ke semasa untuk mengatasi segala masalah yang dihadapi. Dengan ini, Tuan Yang di-Pertua, negara kita mempunyai pasukan pembangunan yang sistematik dan berkesan, tetapi masih terdapat juga masalah kelemahan pentadbiran kerajaan yang menjejaskan seketengah projek yang tergendala dan tertangguh yang sentiasa menimbulkan perasaan tidak puas hati di kalangan masyarakat dan seterusnya parti-parti pembangkang akan membangkitkan kekecewaan ini terhadap kerajaan dan wakil rakyat Barisan Nasional setempat dan bukannya kepada jabatan-jabatan berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini Jawatankuasa Pembangunan Daerah merupakan badan dan saluran yang amat penting untuk menyelesaikan masalah. Pegawai-pegawai kerajaan yang terlibat dalam projek pembangunan mestilah mengemukakan maklumat terperinci dan tidak wajar jika mereka tiada maklumat lengkap tentang projek berkenaan, tentulah projek itu tidak dapat disempurnakan dalam tempoh yang ditetapkan jika dengan kelalaian mereka.

Tuan Yang di-Pertua, sikap kerja dan kelemahan pentadbiran ini perlu diambil berat dan dibetulkan, jika tidak, pasti akan menjejaskan kebajikan dan kepentingan rakyat jelata.

Tuan Yang di-Pertua, kerana arahan daripada Jabatan Perdana Menteri Malaysia untuk meubuhkan majlis-majlis yang saya katakan tadi adalah penting. Jadi, inilah garis panduan yang telah diberi oleh agensi-agensi kerajaan melalui Majlis Pembangunan Negara, Majlis Pembangunan Negeri dan Jawatankuasa Pembangunan Daerah. Maka, itulah saluran penting untuk atasi bersama supaya projek kerajaan yang ditentukan itu dapat dilaksanakan mengikut jadualnya. Dengan itu kerjasama dan pertolongan antara pegawai-pegawai kerajaan, wakil-wakil rakyat dan rakyat jelata akan dapat manfaat untuk melaksanakan projek yang akan memberi faedah kepada rakyat pada masa akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, mengikut laporan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketujuh, tahap kemiskinan telah menurun. Tetapi terdapat keadaannya masih wujud di kawasan-kawasan yang tertentu. Dengan ini, saya menyokong sepenuhnya atas usaha-usaha kerajaan untuk membasmi kemiskinan diteruskan. Walaupun usaha membasmi kemiskinan bukan semudah yang difikirkan terutama dalam masa kegawatan ekonomi ini. Malah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita telah menekankan dan menegaskan bahawa usaha-usaha mengurangkan kemiskinan tetap akan diteruskan dengan memberi tumpuan kepada kawasan dan golongan yang mempunyai kadar kemiskinan yang tinggi.

Maka, saya mendesak bahawa agensi-agensi kerajaan dan pegawai-pegawai kerajaan jangan mengabaikan seketengah kampung-kampung baru dan ladang-ladang yang menghadapi pengangguran dan kemiskinan. Turun ke padang untuk memahami kedudukan yang sebenarnya di kawasan-kawasan berkenaan supaya penduduk-penduduk yang terlibat dapat dibantu selaras dengan dasar kerajaan untuk mengurangkan kadar kemiskinan.

Tuan Yang di-Pertua, ketika Rancangan Malaysia Ketujuh dilaksanakan, negara kita telah dilanda kegawatan ekonomi. Hal ini mengakibatkan beberapa projek pembangunan yang telah diluluskan terpaksa ditangguhkan. Penangguhan sedemikian ini amat mengecewakan rakyat yang terlibat. Namun demikian, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita telah menyatakan proses pemulihan ekonomi negara kita mesti dipercepatkan dan dipesatkan. Hasrat kerajaan ini jelas dilihat ketika Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita mengumumkan penambahan peruntukan sebanyak RM22 bilion lagi, supaya rancangan-rancangan pembangunan yang telah dibekukan sebelum ini haruslah disambung semula demi kepentingan rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam kawasan saya, banyak rancangan pembangunan yang diluluskan dalam Rancangan Malaysia Ketujuh telah dilaksanakan. Dari semasa ke semasa, saya mendapat laporan terperinci mengenai perkembangan projek itu daripada jabatan kerajaan berkenaan atau pegawai-pegawai yang ditugaskan. Akan tetapi, masih terdapat beberapa projek pembangunan yang penting dan berkaitan dengan kebajikan penduduk belum mendapat jawapan yang sewajarnya. Oleh yang demikian, saya memohon melalui Dewan yang mulia ini supaya kementerian-kementerian yang berkaitan dengan pelaksanaan projek-projek pembangunan berikut dapat diteruskan.

Perkara yang pertama, hospital baru di Kampus UPM Serdang di mana tapak seluas 18 hektar telah ditentukan dalam pembinaan di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh harus dibina mengikut jadual untuk faedah pelajar-pelajar perubatan di universiti itu serta menyediakan perkhidmatan perubatan yang bermutu kepada penduduk-penduduk di sekitar Serdang dan Puchong.

Perkara yang kedua, Pusat Perkhidmatan Kesihatan di Batu 14, harus dinaikkan taraf agar memberi perkhidmatan perubatan yang lebih sempurna kepada penduduk yang pesat bertambah di kawasan tersebut. Cadangan ini telah disampaikan kepada Kementerian Kesihatan dan sedang dalam pertimbangan maka kena pada masa dan tempatnya untuk merayu semula kepada Kementerian Kesihatan supaya cadangan untuk menaiktarafkan ini dapat dilaksanakan.

Perkara yang ketiga, klinik di Batu 8, Puchong harus dibina dengan segera untuk menggantikan Hospital Kinrara yang di bawah jagaan Kementerian Pertahanan akan ditutup di bawah penswastaaan tidak lama lagi, maka agar perkhidmatan perubatan untuk lebih 100,000 penduduk di kawasan itu tidak akan terputus. Cadangan ini dan rayuan-rayuan telah disampaikan melalui Dewan yang mulia ini kepada Kementerian Kesihatan dan saya telah menerima jawapan secara lisan bahawa cadangan ini akan dimasukkan ke dalam Laporan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketujuh. Saya berharap dengan adanya tercatat demikian, projek ini akan menjadi kenyataan.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang keempat, klinik baru perlu dibina oleh Kementerian Kesihatan dengan seberapa segera di kawasan Cheras untuk menyediakan perkhidmatan perubatan kepada penduduk-penduduk terutama kaum wanita dan kanak-kanak yang tinggal di dua puluh kawasan perumahan di sekitar Cheras yang bersempadanan dengan Wilayah Persekutuan. Kawasan ini telah lama wujud dan beribu-ribu rakyat di kawasan itu tanpa perkhidmatan perubatan. Satu tapak yang telah dikenal pasti di Bandar Tun Hussein Onn, supaya Kementerian Kesihatan dapat menunaikan tugasnya selaras dengan dasar perkhidmatan perubatan kepada penduduk itu.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang kelima, walaupun tapak pembinaan dan peruntukan pembinaan balai polis baru Seri Kembangan telah luluskan di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh tetapi projek pembinaan masih belum dilaksanakan. Penanguhan ini pasti akan mendatangkan kesan buruk secara langsung terhadap keselamatan di kawasan Serdang termasuklah kawasan pusat pelancongan Mines Resort. Oleh yang demikian, proses pembinaan balai polis berkenaan harus dipercepatkan.

Tuan Yang di-Pertua, ini semua di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh yang telah dibincangkan beberapa kali dan tidak dapat dipastikan, saya tidak dapat tahu apakah sebabnya, mungkin kegawatan ekonomi telah menangguhkan projek ini. Oleh kerana kawasan Serdang ini begitu strategik dan persidangan antarabangsa sentiasa diadakan di kawasan Serdang, maka perlulah satu balai polis yang lengkap dengan begitulah canggih untuk mengatasi keselamatan kawasan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang akhir, balai bomba harus dibina di kawasan Puchong. Perkara ini amat mendesak dan diperlukan memandangkan bandar

baru ini telah merangkumi 70 ribu buah rumah dan kilang pada masa sekarang dengan bilangan penduduk seramai 300,000 orang. Tanpa balai polis, keselamatan harta benda dan nyawa penduduk kawasan Puchong pasti tidak terjamin.

Tuan Yang di-Pertua, satu tapak telah dikenal pasti di Pusat Bandar Puchong, Batu 10 dan telah dikemukakan kepada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan melalui Jabatan Perkhidmatan Bomba. Maka saya harap garis panduan yang ditentukan membina balai bomba selaras yang telah dikenal pasti dan telah memenuhi syarat tersebut, maka pembinaan balai bomba di Puchong, perlu ditimbang dalam Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketujuh untuk memberi kesejahteraan kepada rakyat di kawasan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana semua apa yang dikatakan tadi itu ada surat-surat berkaitan untuk mendapat jawapan secara terperinci dan juga daripada kementerian-kementerian berkaitan dengan projek ini cadangan telah ditimbang, maka inilah masa yang sesuai untuk merayu semula di mana pegawai-pegawai kanan dari kementerian-kementerian yang berkenaan dapat menimbang dan sampaikan ikut apa yang telah diputuskan. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Marang.**

**11.31 pagi.**

**Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang [Marang]:** Tuan Yang di-Pertua, assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Dalam melaksanakan Rancangan Malaysia Ketujuh, kita perlu menyedari bahawa pihak kerajaan terus memberi penumpuan kepada membina negara ini sebagai sebuah negara industri, sepatutnya struktur ini tidak boleh dijejaskan oleh sebab-sebab luaran yang mengancam keadaan ekonomi negara ataupun pengaruh luar sehingga menyebabkan merudumnya ekonomi negara. Apa yang berlaku ialah apabila seluruh dunia menghadapi huru-hara ekonomi, negara kita juga mendapat kesan daripada itu. Sepatutnya kita tidak terjejas sekiranya kita mempunyai ketahanan-ketahanan ekonomi yang kuat tetapi apa yang berlaku ialah ketahanan yang terlalu rapuh kerana beberapa tindakan dan aktiviti yang tidak meneguhkan pertahanan ekonomi negara kita.

Di antaranya ialah, kita lebih banyak bergantung kepada modal-modal asing dan pelabur asing yang tidak ada semangat patriotik dan mereka tidak mempunyai apa-apa kepentingan untuk mempertahankan negara kita dalam segala aspek termasuk dalam bidang ekonomi. Tidak dinafikan bahawa modal asing adalah perlu dan pelabur asing juga adalah perlu. Kadang-kadang kita tidak cermat dan tidak berhati-hati di dalam rakus membawa modal-modal asing dan pelabur-pelabur asing ini sehingga kita tidak mengambil kira dalam berlakunya pemindahan teknologi yang sebaik-baiknya kepada negara kita, sehingga kita banyak membawa mereka yang bakhil untuk memindahkan teknologi dan pengalaman mereka kepada negara kita.

Kita melihat sendiri beberapa industri yang ada dalam negara kita lebih mementingkan pekerja-pekerja asing daripada pekerja-pekerja anak negeri sendiri, kerana upah yang murah boleh memberi keuntungan yang besar kepada mereka dan kita melihat ini tidak banyak menolong rakyat tempatan sendiri dalam memulihkan ekonomi mereka. Dan kita melihat dalam Rancangan Malaysia Ketujuh masih banyak projek mewah yang kononnya untuk jangka panjang. Projek yang memerlukan belanja-belanja yang terlalu besar seperti KLIA, kompleks sukan dan lain-lain, kononnya kita mempunyai wawasan, wawasan yang jauh untuk tahun 2020 dan mungkin lebih jauh lagi.

Tidak dinafikan kita perlu mempunyai wawasan tetapi biarlah wawasan yang sihat, wawasan yang munasabah. Adalah tidaklah wajar kita membeli baju untuk anak kita yang berumur tiga tahun, kita beli yang saiznya untuk yang umur 15 tahun. Kononnya untuk mempunyai wawasan yang terlalu jauh, anak masih tiga tahun tetapi

beli baju untuk anak 15 tahun. Dia pakai tak padan. Inilah yang berlaku, penting, lapangan terbang besar, bangunan tinggi bukan tidak penting tetapi biarlah kita mengukur dengan badan kita, dengan kekuatan kita, dan dengan kepentingan rakyat dalam negara kita. Kita melihat di sana berlakunya penyelewengan-penyelewengan yang terlalu banyak, projek-projek besar modalnya dan kegiatannya berkisar di sekitar orang-orang yang tertentu yang menjadi kroni kepada pihak yang berkenaan.

Ini merupakan perkara yang tidak sihat yang boleh menghilangkan kepercayaan kepada kegiatan-kegiatan ekonomi dalam negara kita yang menyebabkan ramai yang tidak bersemangat di dalam melakukan kegiatan ekonomi apabila dilihat berlakunya penyelewengan-penyelewengan yang begitu rupa dan seringkali apabila ekonomi merudum, kita meletakkan salahnya kepada orang lain, tidak meletakkan salahnya kepada diri kita sendiri. Umpamanya spekulasi yang dilakukan oleh Soros, memang Soros seorang Yahudi yang mempunyai kepentingan yang bermusuhan terutama dengan negara yang sedang membangun, tidak dinafikan itu kerja Soros. Tetapi kita jangan lupa bahawa Bank Negara juga terlibat dengan spekulasi dalam perkara kewangan kononnya nak dapat untung yang besar, untung yang banyak, apa yang berlaku kita jangan lupa bagaimana beberapa bilion wang negara telah rugi dan hilang begitu sahaja dan kita melihat kadang-kadang pemimpin negara kita yang mempunyai kuasa politik tidak mendengar nasihat orang-orang ekonomi yang berpengalaman dan kita lihat beberapa orang Gabenor Bank Negara berhenti letak jawatan, belum tiba tempohnya dan kita melihat bagaimana pegawai-pegawai tinggi kerajaan ada yang letak jawatan belum tiba masanya untuk bersara, bersara belum tiba masanya.

Ini menunjukkan bagaimana orang-orang politik mahu menguasai pentadbiran, mahu menguasai kegiatan ekonomi. Seorang penulis Islam yang terkenal pula pernah menyebut sejak beratus tahun yang lalu "Pemerintah yang melibatkan diri secara langsung dengan ekonomi akan membawa keburukan". Pemerintah bukan tidak boleh libat dengan ekonomi, mereka boleh libat dengan kegiatan ekonomi sebagai pengawas, sebagai pengawal; bukan sebagai peniaga. Kadang-kadang kita melihat pemerintah juga menjadi peniaga. Bila rakyat berniaga kain batik, kerajaan pun berniaga kain batik; rakyat berniaga ikan, kerajaan pun berniaga ikan; rakyat berniaga beras, kerajaan pun berniaga beras. Ini yang berlaku melibatkan diri bersekongkol dalam kegiatan ekonomi.

Ini adalah di antara perkara-perkara yang tidak sihat dan kita melihat kadang-kadang bila berlakunya penyelewengan dalam ekonomi oleh kerana ada hubungan dengan orang-orang politik, maka kita tidak berani bertindak dan tidak tegas. Contohnya, dalam masalah BMF, dalam masalah Perwaja, sehingga hari ini memakan masa beberapa tahun kita tidak tahu bagaimana hasil penyiiasatannya, orang yang terlibat ke mana perginya, kita tidak tahu dan tidak ada apa-apa tindakan undang-undang. Ini menunjukkan undang-undang negara dalam masalah ekonomi sama juga dalam hal yang lain, macam undang-undang sarang labah-labah. Undang-undang sarang labah-labah ini, Tuan Yang di-Pertua, hanya kelkatu, nyamuk yang kecil sahaja yang boleh lekat, burung yang besar-besar dia boleh lepas begitu sahaja. Inilah kedudukan undang-undang, kalau inilah yang berlaku bagaimana kita hendak mengatasi masalah penyelewengan.

Sehingga hari ini masalah kemiskinan tidak boleh diatasi dengan sepenuhnya. Apa yang yang mendukacitakan kita berlaku negeri-negeri yang mempunyai hasil petroleum seperti Terengganu, bukan kepentingan saya; Sarawak, Sabah negeri yang ada petroleum tetapi rakyatnya masih ketinggalan, kemiskinannya masih di tahap yang nombor bawah, yang corot, ini menunjukkan bahawa di sana berlaku perkara yang tidak betul. Sepatutnya hasil petroleum daripada negeri-negeri yang berkenaan dimanfaatkan lebih utama bagi mengatasi masalah rakyat miskin dari negeri yang berkenaan.

Dalam kita membangun negara kita menjadi negara industri penumpuan kepada golongan miskin hendaklah diutamakan. Kita melihat bagaimana Amerika Syarikat, Jepun dan lain-lain walaupun mereka berlumba maju dalam bidang industri, mereka juga menggiatkan bidang pertanian mereka sebagai strategi pertahanan. Makanan menjadi strategi pertahanan, Amerika mempunyai bekalan makanan yang cukup, Jepun mempunyai bekalan makanan yang cukup, bidang pertanian yang luas, industri pertanian yang begitu hebat boleh mengeluarkan makanan yang mencukupi kalau berlaku huru-hara dunia, berlaku peperangan bahkan mereka boleh membantu negara-negara lain dan kita melihat bagaimana Amerika boleh menghantar makanan ke Korea Utara, Jepun boleh memberi bantuan kepada negara lain.

Ini menunjukkan bahawa mereka tidak mengabaikan di dalam strategi pertahanan di antaranya ialah menyediakan makanan yang cukup di mana ini menggiatkan lagi kegiatan pertanian, perikanan yang melibatkan kalangan miskin. Mengapa kita tidak mengambil strategi yang begini rupa, kononnya hendak jadi negara industri, negara pelancongan, maka tanah negeri kita lebih banyak diutamakan untuk padang golf untuk kegiatan-kegiatan rekreasi dan lain-lain terlalu payah bagi petani-petani untuk dapat tanah pertanian. Ini adalah perkara-perkara yang tidak sihat.

Di dalam mengkaji semula ataupun di dalam Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketujuh ini saya sangat mengalu-alukan kenyataan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang mahu menggiatkan lagi operasi perbankan Islam. Kita mengalu-alukan tetapi biarlah muamalah Islam ini dipertingkatkan sehingga negara boleh dibebaskan daripada unsur-unsur riba. Bukan sekadar sebagai satu aktiviti bagi musim pilihan raya yang akan berlaku pada bila-bila masa tetapi biarlah perjuangan membebaskan negara daripada unsur riba. Kita perlu yakin, bahawa riba ini selama-lamanya tidak akan memulihkan ekonomi, riba selama-lamanya tidak boleh menolong di dalam memajukan negara. Apa yang berlaku ialah penindasan, terlalu banyak muamalah yang diizinkan oleh Islam untuk mendatangkan keuntungan yang lain daripada riba, keuntungan yang tidak berbentuk penindasan seperti mudarabah dan lain-lain lagi kaedah yang tidak tetap, yang sama-sama memikul keuntungan dan kerugiannya, terlalu banyak.

Ini boleh dikaji, kita mempunyai badan-badan yang banyak untuk mengkaji aspek ekonomi Islam dan segala bidang Islam, mengapa tidak digiatkan badan-badan untuk membuat kajian ini bagi membebaskan negara kita daripada unsur-unsur riba yang diharamkan oleh Islam tetapi ramai di kalangan pemimpin-pemimpin negara menganggap ini sebagai rukun di dalam ekonomi. Ini adalah satu fahaman yang tidak betul, satu fahaman yang salah yang perlu dikikis dan dibuang. Saya rasa itulah beberapa pandangan yang dapat saya kemukakan untuk menjadi pertimbangan kerajaan. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]:** Kluang.

**11.43 pagi**

**Tuan Hoo Seong Chang:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk bahas pada pagi ini.

Tuan Yang di-Pertua, krisis kewangan yang menjejaskan rantau Asia Timur ini mengakibatkan mata wang di Asia Timur menjadi sangat tidak stabil. Malaysia juga tidak terkecuali daripada penularan kesan krisis serantau. Krisis ini memaksa kerajaan mengambil beberapa langkah tegas bagi memastikan kestabilan negara tidak terus terjejas. Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri membentangkan Kertas Putih dalam sesi Parlimen kali ini bertujuan untuk menerangkan kedudukan sebenar ekonomi Malaysia dan prospeknya.

Di samping itu juga mendedahkan kepada rakyat bahawa negara kita telah berjaya menangkis beberapa kesan buruk dari krisis tersebut dan keupayaan tersebut adalah hasil daripada asas ekonomi negara kita yang kukuh serta sektor kewangan yang mapan serta langkah segera dan pragmatik yang telah diambil oleh pihak kerajaan. Kita yakin dan percaya kerajaan akan terus berusaha untuk mengekalkan pertumbuhan pesat serta memastikan pembangunan seimbang dan pengagihan faedah yang saksama di kalangan rakyat Malaysia, di antara negeri-negeri dan di antara penduduk bandar dan penduduk-penduduk di luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, pada 22 April 1999 yang lepas Yang Amat Berhormat Perdana Menteri membentangkan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketujuh. Kalau kita imbas kembali, Rancangan Malaysia Ketujuh dilancarkan pada tahun 1996 semasa ekonomi berkembang pesat dengan asas yang kukuh iaitu mencapai pertumbuhan pada kadar purata sebanyak 8.5% tetapi Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketujuh akan dikenal sebagai tempoh sukar di mana ekonomi negara menghadapi pelbagai rintangan akibat daripada kelembapan ekonomi yang dihadapi sejak hujung tahun 1997 yang lalu, maka ia digubal dalam keadaan yang sangat mencabar, dan kita merasa berbangga dan merakamkan terima kasih kepada pihak kerajaan kerana sanggup membentangkan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketujuh yang menumpu sepenuhnya pada keperluan rakyat dan kepentingan negara.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai teknologi maklumat dan multimedia, sejumlah RM4 bilion telah diperuntukkan bagi program dan projek berkaitan dengan IT dalam Rancangan Malaysia Ketujuh. Kerajaan sedang membuat persediaan untuk menyertai era maklumat dalam alaf baru dengan membuat perubahan ke arah ekonomi berasas pengetahuan, menyedari teknologi maklumat (IT) dan multimedia merupakan teknologi penggerak masa depan untuk meningkatkan kecekapan produktiviti dan daya saing ekonomi. Pelbagai inisiatif telah pun diambil dalam tempoh kajian semula untuk menggalakkan penggunaan dan pembangunan IT. Agenda teknologi maklumat negara telah pun digubal pada tahun 1996 untuk menyediakan rangka kerja bagi mewujudkan pendekatan bersepadu dan terserlah dalam memajukan tiga elemen penting dan tujuh aplikasi multimedia. Koridor Raya Multimedia (MSC) dilancarkan sebagai pemangkin kepada perkembangan industri IT dan multimedia.

Jadi, dalam tempoh akhir rancangan ini, usaha akan dipergiatkan untuk memperkukuhkan asas ke arah pembangunan masyarakat dan ekonomi yang berasaskan pengetahuan yang membolehkan ekonomi negara kita disepadu keadaan ekonomi elektronik global. Jadi dalam hubungan ini, infrastruktur IT akan diperluaskan dan dipertingkatkan dan beberapa program serta projek berkaitan IT akan dilaksanakan bagi mempercepatkan penggunaan IT secara meluas dalam berbagai-bagai sektor ekonomi dan ini akan membolehkan Malaysia mengekalkan daya saing serta menarik pelaburan baru dan mewujudkan peluang ekonomi dalam industri dan perkhidmatan berkaitan dengan IT.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai usaha membangunkan MSC, tujuh industri multimedia telah dikenal pasti untuk tujuan membangunkan menjelang tahun 2000 bagi menggiatkan pertumbuhan MSC seterusnya mempercepatkan kemajuan Malaysia ke arah kepentingan era informasi. Saya sangat berharap kerajaan dapat memaklumkan perkembangan yang terbaru tentang MSC, khususnya tentang wujudnya industri multimedia iaitu:

- (i) Kerajaan Elektronik;
- (ii) Sekolah Pintar;
- (iii) Teleperubatan;
- (iv) Kelompok R&D;

- (v) Kad Pintar
- (vi) Pusat Pasaran tanpa Sempadan; dan
- (vii) Web pembuatan seluruh dunia.

Saya bangkitkan perkara ini khususnya tentang kedudukan kerajaan elektronik, sekolah pintar, teleperubatan dan kad pintar ini. Keempat-empat bidang ini telah pun banyak disentuh oleh pihak kerajaan, saya berharap dalam sesi Parlimen ini, kerajaan dapat memaklumkan keadaan yang sebenar tentang perkembangan dan kemajuan di dalam MSC ini. Di samping itu juga adalah menjadi harapan kita iaitu Multimedia Development Corporation (MDC) yang merupakan penggerak, penyumbang dan rakan kepada syarikat-syarikat yang memilih untuk beroperasi di MSC akan terus memainkan peranannya dan menggandakan segala usaha untuk memastikan kejayaan MSC.

Saya juga ingin tahu dalam Dewan yang mulia ini, adakah MDC selama ini menghadapi apa-apa masalah dalam urusan mereka dan peranan mereka setakat ini adakah dapat memberikan kemajuan tentang pembangunan MSC di negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai golongan yang berpendapatan pertengahan, kadar kemiskinan negara kita terus berkurangan daripada 8.9% pada tahun 1995 kepada 6.1% pada tahun 1997, tetapi meningkat balik kepada 7% pada tahun lepas akibat kegawatan ekonomi dan kejayaan mengurangkan kadar kemiskinan pada tempoh tahun 1996 hingga 1997 adalah disebabkan kepesatan pertumbuhan ekonomi pada kadar 8.2% setahun dan mewujudkan pekerjaan baru serta peluang perniagaan yang lebih luas.

Walau bagaimanapun, kelembapan ekonomi yang bermula pada pertengahan tahun 1997 telah mengubah arah aliran positif ini. Jadi, dengan kedudukan ekonomi yang dijangka akan pulih dalam tempoh akhir Rancangan Malaysia Ketujuh, program pengagihan tetap membabitkan usaha mencapai sasaran untuk mengurangkan kemiskinan dan menyusun semula masyarakat. Prospek tahun 1999 hingga 2000 akan terus menumpukan perhatian kepada pelaksanaan Program Pembangunan Rakyat Termiskin (PPRT) yang diharapkan dapat mengurangkan kesan negatif kelembapan ekonomi atas isi rumah berpendapatan rendah dan miskin.

Jadi, dalam Rancangan Malaysia Ketujuh, golongan yang berpendapatan pertengahan didefinisikan sebagai isi rumah yang berpendapatan di antara RM1,000 hingga RM3,000 sebulan. Jadi, berdasarkan definisi ini, saiz golongan berpendapatan pertengahan meningkat daripada 47.1% pada tahun 1994 kepada 48.1% pada tahun 1997. Manakala peratusan isi rumah berpendapatan kurang dari RM1,000 sebulan berkurangan daripada 35.7% kepada 26.3% dalam tempoh yang sama. Ini dari sudut pengagihan pendapatan yang menyedari ketidaksamaan yang semakin meningkat, kerajaan harus menetapkan objektif jangka panjang bagi mewujudkan golongan berpendapatan pertengahan yang lebih besar dan makmur bersama golongan berpendapatan rendah dan tinggi yang lebih kecil.

Jadi, Kajian Separuh Penggal yang berpegang kepada prinsip asas Dasar Pembangunan Nasional turut menegaskan saiz golongan berpendapatan pertengahan perlu ditingkatkan. Maka kita sangat-sangat berharap pihak kerajaan akan mengadakan rancangan-rancangan yang khusus dan konkrit untuk membantu golongan berpendapatan pertengahan agar jangan jatuh ke tahap golongan miskin setelah memberi bantuan kepada orang-orang di golongan miskin.

Tuan Yang di-Pertua, peruntukan pembangunan untuk Program Pembangunan Sosial pada tahun 1996 hingga 2000 ataupun di dalam Rancangan Malaysia Ketujuh ini, pertama tentang perumahan kos rendah. Dalam tempoh akhir rancangan ini, usaha akan diteruskan untuk memperkukuhkan pembangunan sosial dengan memberi tumpuan kepada peningkatan dan penyediaan perkhidmatan sosial

yang berkualiti terutamanya di luar bandar. Program perumahan akan terus memberi tumpuan ke arah peningkatan accessibility kemampuan dan menyediakan perumahan yang mencukupi dan berkualiti terutamanya untuk golongan yang berpendapatan rendah.

Kerajaan menyediakan peruntukan tambahan iaitu RM2.2 bilion atau 2/3 peratus daripada peruntukan asal iaitu RM9.5 bilion menjadikan jumlahnya sehingga RM11.7 bilion bagi melaksanakan program pembangunan sosial dalam tempoh akhir Rancangan Malaysia Ketujuh. Daripada jumlah itu, tambahan RM697.5 juta telah pun disediakan bagi pembinaan rumah-rumah kos rendah untuk golongan yang berpendapatan rendah dan miskin serta rumah-rumah untuk kakitangan sektor awam menjadikan peruntukan keseluruhannya sebanyak RM4.3 bilion.

Jadi, di sini saya sangat-sangat berharap peruntukan yang disediakan oleh kerajaan dapat dibelanjakan dengan sepenuhnya demi kebaikan dan kepentingan penduduk-penduduk ataupun rakyat yang berpendapatan rendah dan terus membantu menyediakan tanah sesuai untuk membina lebih banyak rumah-rumah kos rendah.

Tuan Yang di-Pertua, dari segi kesihatan, pada pagi ini saya ingin membangkitkan satu perkara di kawasan saya iaitu di Parlimen Kluang ini mengenai hospital baru di daerah Kluang ini. Pada awal-awal tahun 1996, kerajaan telah pun mengumumkan bahawa peruntukan pembelian tanah untuk tapak hospital baru di Kluang sebanyak RM1.8 juta telah pun disediakan dan akan disediakan dalam penggal pertama Rancangan Malaysia Ketujuh dan kos pembinaan ataupun projek pembinaan hospital baru Kluang akan dilaksanakan dalam tempoh penggal kedua Rancangan Malaysia Ketujuh.

Tetapi sehingga awal tahun 1998, kami pula dimaklumkan bahawa pembelian tanah untuk tapak hospital baru di Kluang akan dijalankan dalam penggal kedua Rancangan Malaysia Ketujuh iaitu dalam tempoh sekarang ini dan pembinaan hospital baru akan dilaksanakan dalam penggal pertama Rancangan Malaysia Kelapan.

Di sini saya ingin merayu kepada pihak kerajaan supaya pengumuman ini dapat dikekalkan dan harus dilaksanakan. Sejak tahun 1995 penduduk-penduduk di Kluang telah pun bersedia untuk mendapat sebuah hospital baru di daerah Kluang, tetapi ia cuma tinggal pengumuman sahaja. Jadi, saya sangat-sangat berharap pengumuman pada kali ini iaitu pembelian tanah untuk tapak hospital baru Kluang dapat diselesaikan dalam penggal kedua Rancangan Malaysia Ketujuh dan benar-benar dapat dilaksanakan dalam penggal pertama Rancangan Malaysia Kelapan.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai peruntukan pembangunan bagi infrastruktur dan kemudahan awam khususnya tentang jalan-jalan. Dalam tempoh kajian semula, peningkatan keupayaan rangkaian infrastruktur dan kemudahan awam telah dipercepatkan di bawah senario pertumbuhan ekonomi yang tinggi. Peningkatan ini dicapai melalui penswastaaan, penggunaan dan penyesuaian teknologi baru serta proses dan kaedah pelaksanaan secara cekap. Di samping itu, kualiti perkhidmatan dipertingkatkan lagi melalui langkah mempertingkatkan produktiviti dan kecekapan.

Walau bagaimanapun, kepesatan pembangunan tidak dapat dikekalkan terutamanya oleh sektor swasta akibat krisis kewangan yang bermula pada bulan Julai tahun 1997. Jadi, menyedari sumbangan projek infrastruktur dan kemudahan awam dalam memulihkan ekonomi menerusi rangkaian dan kesan implikasinya, pembangunan projek melalui pembiayaan sektor awam akan diteruskan meskipun secara terpilih.

Jadi, dalam tempoh dua tahun pertama kajian semula, pelaksanaan projek jalan raya dan lebuh raya adalah pesat bagi memenuhi permintaan untuk rangkaian jalan raya berikutan kegiatan perdagangan dan aktiviti perniagaan yang kukuh selaras dengan pertumbuhan ekonomi yang tinggi.

Dalam kajian semula ini, rangkaian jalan raya di seluruh negara bertambah sebanyak 3,743 kilometer ataupun 6.1%. Jadi, daripada jumlah tersebut, bahagian jalan berturap meningkat daripada 74.3% pada tahun 1995 kepada 74.9% pada tahun 1998. Jadi, jalan raya baru yang memberi beberapa pilihan laluan manakala jalan raya disediakan yang dinaik taraf dan dipulih menambah keselesaan dan peningkatan keselamatan pengguna. Pada keseluruhannya terdapat peningkatan dalam petunjuk pembangunan jalan raya.

Tuan Yang di-Pertua, saya membangkit perkara ini ialah ingin juga saya membawa satu perkara di kawasan saya juga iaitu di kawasan Kluang, saya mempunyai beberapa kawasan luar bandar dan dari pekan Paloh iaitu kampung saya sendiri, dari Paloh ke Kluang akan melalui empat tempat iaitu dari Paloh ke Central Paloh, dari Central Paloh ke Chamek dan Chamek ke Nyior, Nyior kemudian ke Kluang.

Jadi, antara jalan dari Paloh ke Kluang ini akan melalui tiga, empat kampung. Kita ucapkan terima kasih kepada pihak kerajaan di mana dari Paloh ke Central Paloh telah pun dijalankan projek pembinaan jalan oleh pihak kerajaan negeri. Dari Paloh ke Central Paloh telah pun selesai. Dari Chamek ke Nyior dan ke Kluang telah pun diselesaikan.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin)  
*mempengerusikan Mesyuarat*]

Maka cuma tinggal dari Central Paloh ke Chamek. Bererti kalau dari Central Paloh ke Chamek dapat diselesaikan, ini bermakna dari Paloh ke Kluang akan disempurnakan dengan seluruh jalan tar di kawasan saya.

Jalan yang lebih kurang lima kilometer ini telah pun dianggar memerlukan kos berjumlah lebih kurang RM600,000 untuk membina jalan dari Central Paloh ke Chamek. Jadi, saya sangat-sangat berharap kerajaan dapat melalui Kementerian Pembangunan Luar Bandar supaya dapat menghulurkan peruntukan untuk membina jalan-jalan kampung khususnya di jalan kampung Central Paloh ke Chamek untuk kepentingan penduduk-penduduk di luar bandar ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:**  
Yang Berhormat, minta gulung.

**Tuan Hoo Seong Chang:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya saya hendak habiskan ucapan saya. Jadi, dengan ini saya sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua yang telah memberi peluang kepada saya. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:**  
Kota Bharu.

12.01 tgh.

**Puan Hajah Ilani binti Dato' Haji Isahak [Kota Bharu]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucap tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di atas pembentangan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketujuh yang bertujuan untuk melaksanakan strategi dan juga program serta menyediakan peruntukan bagi mencapai hasrat dan matlamat Dasar Pembangunan Nasional.

Selaku rakyat Malaysia, marilah kita berusaha dengan lebih gigih dan penuh keazaman ke arah memastikan kejayaan Rancangan Malaysia Ketujuh supaya cita-cita kita untuk menjadikan Malaysia sebuah negara maju menjelang tahun 2020 tercapai.

Kejayaan Rancangan Malaysia Ketujuh adalah tanggungjawab bersama kerajaan dan rakyat, kejayaan itu terhalang jika kita tidak menyelesaikan masalah ekonomi negara yang berpunca dari krisis ekonomi serantau. Realitinya ialah kita berada di dalam era globalisasi, era tanpa sempadan di mana masalah senang berjangkit, negara kita tiada pilihan, kita harus menerima globalisasi sebagai realiti dan bersedia untuk menikmati kesan positif globalisasi serta bersedia juga untuk mempertahankan diri daripada kesan negatif globalisasi.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun negara kita kecil, Malaysia tetap mampu memainkan peranan untuk menjadi salah satu pencorak arkitek baru kewangan global, dengan izin, new global financial architecture. Pada awal krisis ekonomi Asia Timur lagi, Kerajaan Malaysia menunjuk minat untuk terlibat di dalam usaha-usaha memperbetulkan kepincangan-kepincangan yang sedia ada yang wujud di dalam sistem kewangan global iaitu yang jelas tidak berkemampuan menyekat serangan spekulasi ke atas mata wang beberapa negara sehingga menyebabkan negara-negara berkenaan mengalami krisis ekonomi.

Kerajaan Malaysia mengambil sikap proaktif dan di setiap forum kewangan ataupun ekonomi sama ada di Hong Kong, di Durban, Afrika Selatan, di Geneva, di Hanoi mahupun di Kuala Lumpur semasa Persidangan APEC, saranan telah dibuat agar dibentuk satu arkitek baru bagi sistem kewangan global, bagi memastikan keadilan dan keselamatan ekonomi untuk semua.

Tuan Yang di-Pertua, mengambil contoh dari kerajaan maka IPU Malaysia juga telah bekerja keras di Persidangan IPU di Brussels awal April ini bagi mengajak 137 buah Parlimen yang bergabung dengan IPU supaya membincang pembentukan arkitek baru kewangan dan ekonomi global. Alhamdulillah, berkat kerja ikhlas dan gigih IPU Malaysia telah berjaya bersepakat dengan negara-negara ASEAN serta negara-negara dari rantau Asia Pasifik untuk menetengahkan isu tersebut.

Pada 14 April 1999, Jawatankuasa Eksekutif IPU dalam mesyuaratnya telah memilih untuk menyokong permintaan kita agar Persidangan IPU Yang Ke-102 pada bulan Oktober ini di Berlin membincang secara khusus serta mengeluarkan resolusi IPU mengenai arkitek atau model baru kewangan dan ekonomi dunia.

Selanjutnya, semua 137 buah Parlimen yang bergabung dengan IPU melalui Inter-Parliamentary Council yang bersidang pada 16 April 1999 meluluskan permintaan kita itu yang saya sebutkan tadi. Kejayaan delegasi Malaysia ke Brussels itu, menaikkan nama baik Parlimen Malaysia dan sekali gus negara Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, jelaslah delegasi Ahli-ahli Parlimen Malaysia ke Brussels merupakan delegasi patriotik yang mengambil berat pembelaan dan peningkatan nama baik negara. Di sini saya ingin merujuk kepada perbahasan Ketua Pembangkang tempoh hari yang menuduh delegasi Malaysia hanya ke Brussels untuk makan angin percuma. Delegasi itu telah menjalankan tugas dengan cemerlang sedangkan Ketua Pembangkang yang turut hadir di persidangan ke sana semata-mata untuk membela nasib anaknya, bekas Ahli Parlimen kawasan Kota Melaka.

Di dalam aspek hak asasi manusia, delegasi turut mengambil bahagian, Yang Berhormat Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir, Timbalan Menteri Dalam Negeri selaku Ketua Delegasi di dalam Perbahasan Perdana dalam Sidang Pleno telah menyeru supaya IPU Pusat lebih proaktif di dalam membela mangsa-mangsa penghapusan etnik Albania dari Kosovo. Beliau telah menyarankan supaya IPU Pusat nampak lebih berwibawa menangani masalah pelanggaran hak asasi manusia secara besar-besaran dan IPU Pusat tidak seharusnya dilihat hanya proaktif di dalam membela hak asasi Ahli-ahli Parlimen.

Tuan Yang di-Pertua, IPU Pusat juga telah merakam penghargaan di atas kerjasama yang ditunjukkan oleh IPU Malaysia dan track record yang baik ini akan pasti dijaga baik oleh IPU Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, peristiwa penghapusan etnik di Kosovo dan sebelum itu di Bosnia-Herzegovina dan lain-lain tempat, memberi iktibar kepada kita, betapa pentingnya negara-negara yang memiliki masyarakat majmuk supaya sentiasa memberi tumpuan kepada integrasi kaum. Di Kosovo dan di Bosnia terdapat banyak laporan ngeri seperti orang Serb sanggup membunuh atau melakukan kekejaman terhadap jirannya yang bukan Serb, sedangkan Serb dan bukan Serb telah hidup beratus-ratus tahun sebagai masyarakat majmuk. Peristiwa serang menyerang antara kaum juga terdapat di England dan Amerika Syarikat walaupun segera dikawal.

Di rantau kita pula, telah berlaku peristiwa genocide iaitu pembunuhan rakyat secara besar-besaran. Ini berlaku di Kemboja di bawah pemerintahan Khmer Rouge dan baru-baru ini pembunuhan dan kekejaman turut berlaku di negara jiran kita berpunca dari masalah perkauman dan tekanan krisis ekonomi.

Tuan Yang di-Pertua, mana-mana rancangan pembangunan sosio-ekonomi hanya boleh berjaya jika keadaan dalam negara stabil, oleh itu negara kita harus memberi penekanan berterusan kepada integrasi kaum. Pemahaman antara kaum mesti ditingkat dari masa ke semasa. Program-program spesifik harus diperkenalkan melalui sekolah dan media massa. Kebaikan dan keunikan sesuatu budaya harus ditonjol bagi diketahui semua masyarakat. Perasaan saling menghormati hanya boleh timbul atau secara kekal di kalangan rakyat majmuk jika lebih banyak usaha dijalankan bagi memastikan majoriti mengetahui dan memahami budaya serta agama yang terdapat dalam masyarakat kita. Sukar untuk kita menjaga sensitiviti sesuatu kaum jika kita tidak mengetahui mereka sensitif atas perkara-perkara tertentu.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Malaysia bercita-cita di dalam lebih kurang dua dekad sahaja lagi agar negara kita mencapai matlamat sebuah negara yang bersatu-padu di mana masyarakatnya berkeyakinan diri, berteraskan nilai-nilai moral dan etika dan hidup sebagai masyarakat demokrasi, berfikiran terbuka, bertoleransi, penyayang, menikmati ekonomi yang adil dan saksama, maju dan sejahtera serta memiliki ekonomi yang mantap, berdaya saing, dinamis dan berdaya tahan.

Cita-cita tersebut mampu dicapai jika semua warganegara Malaysia memiliki cita-cita yang sama, berminat dan berazam yang mendalam serta kesungguhan untuk merealisasikannya. Tetapi cita-cita ini akan hanya menjadi mimpi indah jika pendidikan sivik di sekolah-sekolah termasuk pendidikan moral dan agama tidak menjurus ke arah pencapaian cita-cita itu. Warganegara Malaysia yang sudah tinggal bangku sekolah tidak harus dibiarkan, kita juga boleh dididik melalui program-program terancang sama ada melalui TV, radio, Internet, media cetak, ceramah dan lain-lain pendekatan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh peranan tokoh-tokoh negara termasuk Sasterawan Negara dalam pembentukan masyarakat ideal atau idaman kita. Saya berpendapat tokoh-tokoh beragama Islam harus memahami bahawa masyarakat Islam ingin berbangga dengan akhlak tokoh-tokoh pilihan negara.

Nabi Muhammad s.a.w. merupakan insan yang mempunyai kebaikan dan kemuliaan yang tertinggi iaitu baginda adalah manusia yang sempurna atau insan yang kamil. Tentunya kemuliaan dan keistimewaan baginda tidak dapat ditandingi oleh mana-mana manusia yang lain. Tetapi tokoh-tokoh negara seperti Sasterawan Negara Shanon dianggap akan memahami akhlak. Mereka tidak boleh terlalu jauh berbeza dari kemuliaan akhlak Rasulullah.

Nabi Muhammad s.a.w. merupakan seorang yang memiliki kesantunan. Baginda seorang yang berbudi bahasa dan bersopan-santun. Isteri baginda, Aisyah r.a.

dan ramai sahabat baginda termasuk Annas dan Ali mengatakan baginda adalah seorang yang penyabar, berbudi bahasa dan sangat sopan terhadap sesiapa sahaja. Baginda sentiasa gembira dan tersenyum. Muka baginda sentiasa kelihatan cerah dan berseri.

Abu Ishak meriwayatkan bahawa Al Barah telah ditanya, adakah muka Nabi Muhammad s.a.w. berkilau seperti pedang? Beliau menjawab, "tidak, tetapi terang seperti bulan!". Abdullah bin Amru mengatakan bahawa Nabi Muhammad s.a.w. tidak pernah menggunakan bahasa yang tidak sopan sama ada secara sengaja atau tidak sengaja. Baginda tidak pernah melukakan hati atau menjatuhkan air muka orang lain sama ada dengan kata-kata atau perbuatan. Tidak siapa yang pernah mendengar apa-apa yang buruk daripada baginda dan beliau tidak pernah bercakap dengan bahasa yang kotor atau kasar. Ramai sahabat baginda termasuk Saidina Umar bin Al Khattab, Abu Hurairah dan Abu Dardak meriwayatkan bahawa tidak ada yang lebih berat di dalam neraca Allah bagi orang yang beriman dengan Hari Akhirat daripada sifat sopan-santun kerana Allah tidak menyukai orang yang kasar dan biadab. Jabir bin Abdullah meriwayatkan bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda yang bermaksud, "*siapa di antara kamu yang kasih kepadaku dan akan hampir kepadaku pada hari pembalasan ialah orang yang mempunyai akhlak yang baik dan bersopan-santun. Sesiapa di antara kamu yang aku tidak suka akan dijauhkan daripada aku pada hari pembalasan adalah mereka yang bersifat kasar dan biadab terhadap orang lain*". Oleh itu saya ingin memesan kepada diri saya dan semua pemimpin beragama Islam termasuklah tokoh-tokoh negara seperti Sasterawan Negara, Shahnnon. Sentiasalah kita berikhtiar mencontohi akhlak Nabi Muhammad s.a.w. dan segera balik ke pangkal jalan. Jika kita .....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ya, Bagan Datok, bangun.

**Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya ingin penjelasan daripada Yang Berhormat Kota Bharu. Adakah hasil-hasil sastera dalam apa bahasa sekalipun harus mempunyai unsur-unsur mendidik dengan cara yang bijaksana dengan cara tatasusila dan adakah sesuatu mesej, risalah yang mahu disampaikan itu mesti tidak menggunakan istilah-istilah yang memualkan, menjijikkan agar masyarakat boleh mentafsir dan boleh terbentuk dengan pendekatan yang terbaik?

**Puan Hajah Ilani binti Dato' Haji Isahak:** Saya bersetuju dengan pandangan yang dikeluarkan oleh Yang Berhormat dan saya sekali lagilah mengulangi pesanan tadi iaitu agar kita yang boleh dipanggilkan pendidik seperti Sasterawan Negara haruslah lebih cermat di dalam tutorkata kita dan juga tulisan kita. Dan saya juga ingin mengajak sesiapa juga yang telah terkeluar dari pangkal jalan jika kita dapati kita telah terkeluar balikkah ke pangkal dan kalau kita tergelincir balikkah ke jalan lurus.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya mengakhiri ucapan saya, saya ingin merakam penghargaan kepada Perdana Menteri di atas keprihatinan beliau terhadap kedudukan wanita. Ucapan beliau mengenai Kajian Separuh Penggal, Rancangan Malaysia Ketujuh di bawah tajuk, "Meningkatkan Kualiti Hidup" menyatakan hasrat kerajaan untuk terus memberi tumpuan kepada golongan wanita serta untuk terus berusaha meningkatkan peranan dan sumbangan kaum wanita dalam pembangunan sosial ekonomi.

Tuan Yang di-Pertua, peningkatan, peranan dan sumbangan kaum wanita dalam pembangunan sosial ekonomi harus melibatkan juga dimensi politik. Sesuatu masyarakat merupakan 50% lelaki dan 50% wanita. Maka para penggubal polisi atau dasar di semua peringkat haruslah terdiri dari lelaki dan wanita. Jumlah penggubal lelaki dan jumlah penggubal wanita haruslah imbang bagi mengelakkan kepincangan yang menjejaskan kesejahteraan dan kemajuan masyarakat.

Pada tahun 1997, semua 137 buah Parlimen termasuk Parlimen Malaysia yang bergabung dengan IPU telah bersetuju dengan deklarasi sejagat IPU mengenai demokrasi di mana prinsip nombor empatnya menyatakan, "pencapaian demokrasi hendaklah berteraskan perkongsian sejati antara lelaki dan wanita di dalam mengurus hal-ehwal masyarakat di mana mereka bekerja dalam persamaan dan saling melengkapi serta memanfaatkan perbezaan mereka" atau dengan izin, "the achievement of democracy presupposes a genuine partnership between men and women in the conduct of the affairs of society in which they worked in equality and complementarity. Drawing mutual enrichment from their differences".

Saya percaya persetujuan Parlimen Malaysia melalui IPU itu terhadap deklarasi sejagat mengenai demokrasi dan khususnya prinsip nombor empat deklarasi itu adalah sealiran dengan hasrat kerajaan. Oleh itu, saya sungguh mengharapkan semua pihak di dalam kerajaan tidak berlengah-lengah untuk mempercepatkan proses meletakkan lebih ramai lagi wanita di tempat-tempat yang membolehkan wanita dengan berkesan bersama dengan lelaki mencorakkan pembangunan sosial ekonomi serta menjayakan Rancangan Malaysia Ketujuh.

Sehubungan dengan ini, saya juga ingin menyeru kepada semua parti politik supaya ikhlas dengan wanita. Janganlah mengguna wanita semata-mata untuk mendapat sokongan. Wanita dipujuk, wanita dipuji supaya mengundi mereka, tetapi akhirnya wanita tidak diberi tempat yang wajar dalam masyarakat

Saya sangat mengharapkan agar semua parti politik akan menambahkan calon-calon wanita di dalam pilihan raya yang akan tiba tidak lama lagi. Dengan itu, saya mohon menyokong usul. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yan.**

**12.20 tgh.**

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin [Yan]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Pertamanya saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan kerajaan kerana mengemukakan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketujuh ini. Saya dapati walaupun dalam keadaan ekonomi yang kurang selesa tetapi kerajaan banyak mementingkan untuk mempertingkatkan, mempertinggikan lagi pendapatan rakyat, memberi bantuan kepada orang miskin, mempertingkatkan pertanian, pendidikan, IT dan sebagainya.

Jadi, di sini Tuan Yang di-Pertua, kita perlu fikir panjang, jauh ke hadapan di dalam sebuah negara yang majmuk ini, bahawa ini semua tidak dapat dijalankan dengan baik seandainya kestabilan politik dalam negara itu tidak wujud. Kalau negara huru-hara, Tuan Yang di-Pertua, maka kita tidak dapat menjalankan rancangan-rancangan yang ikhlas oleh kerajaan untuk membela nasib rakyat. Saya ingin membidas sedikit di mana pembangkang terutama sekali Ketua Pembangkang yang saya dapati sejak saya menjadi Ahli Dewan Rakyat ini, tidak pernah langsung mengemukakan cadangan-cadangan yang bernas kepada kerajaan, apatah lagi sama ada parti PAS atau DAP yang langsung tidak mengemukakan cadangan-cadangan untuk membantu kerajaan dari segi membangun negara kita ini.

Mereka juga tidak membantu kerajaan dari segi menstabilkan keadaan politik dalam negara kita ini. Saya bersetuju parti politik, kita kena berpolitik, tetapi apakah politik itu perlu kita jalankan – ideologi fahaman politik itu perlu kita pertingkatkan sedemikian rupa sehinggakan kita menghasut rakyat di bandar dan luar bandar supaya benci kepada kerajaan, benci kepada pemimpin, memfitnah kerajaan, memfitnah pemimpin-pemimpin, memfitnah tokoh-tokoh politik sehinggakan ia tidak ada batas.

Saya amat bersetuju dengan Yang Berhormat dari Kota Bharu tadi, bahawa apatah lagi kita sebagai pemimpin Islam, tidak kiralah sama ada pemimpin di peringkat akar umbi ataupun pemimpin di peringkat kebangsaan ataupun pemimpin tertinggi

parti, kita perlu sedar bahawa apa yang kita lakukan ini, kita akan bertanggungjawab di akhirat kelak. Jangan kita hendak mengejar populariti di dunia ini hinggakan kita lupa bahawa kita satu hari nanti akan berada di akhirat dan di sini akan menentukan nasib kita.

Jadi, biarlah apa yang kita lakukan di atas muka bumi Allah ini, benar-benar untuk membela rakyat, membela agama, bangsa dan tanah air. Saya dapati Ketua Pembangkang pada hari beliau bangun untuk berucap dalam pembentangan Kajian Separuh Penggal ini, begitu lantang sekali memaki kerajaan dan juga pemimpin sedangkan beliau sendiri, parti beliau sendiri berada dalam keadaan kucar-kacir. Beliau menjalankan tugas sebagai Ketua Parti dengan begitu keras sekali hinggakan ramai ahli partinya keluar meninggalkan parti. Ahli-ahli wakil rakyat Parlimen DAP sendiri banyak tinggalkan parti kerana tidak bersetuju, kerana tugas beliau dalam parti ini adalah mementingkan diri sendiri – anak dia, keluarga dia, bukan tujuan mereka untuk membantu kerajaan, membantu rakyat negara ini untuk membangunkan negara kita ini.

Saya amat berasa dukacita, Tuan Yang di-Pertua, dalam keadaan kita tertekan oleh dunia luar, parti-parti pembangkang dalam negara ini patut membantu kita bersama-sama mengadakan benteng mempertahankan serangan daripada luar ini. Bukan kita membuka laluan, bukan kita pergi luar negeri, cerita pada luar negeri – inilah keadaan Malaysia, tidak adil, kuku besi, tidak ada peluang untuk media, tidak ada peluang untuk berceramah dan sebagainya.

Saya hendak tanya, negeri mana lagi dalam dunia ini adil, cuba pergi tengok. Di negeri kita ini, Tuan Yang di-Pertua, hendak ceramah tidak minta kebenaran polis pun ceramah, polis hendak tangkap, mereka maki polis, sedangkan mereka sendiri adalah pemimpin parti termasuklah DAP dan PAS. Kalau ceramah tidak ikut peraturan, kalau kita buka agenda dalam surat khabar *Harakah*, Tuan Yang di-Pertua, tengok dia punya diari itu ada. Saya hendak tanya, diari-diari yang ada dalam surat khabar *Harakah*, adakah mereka meminta kebenaran polis untuk buat ceramah di sana dan di sini. Itukah dikatakan tidak ada kebebasan dan hak bercakap, hendak bercakap, bercakaplah di tepi-tepi jalan cakaplah – kalau orang mahu dengar, dengarlah; kalau tidak mahu, sudahlah.

Tetapi bercakap dengan menggunakan fikiran, menggunakan akal, jangan bercakap dengan penuh perasaan marah, apatah lagi kita orang Islam. Kepong, apa tengok-tengok, apa angkat tangan? Kepong satu orang sahaja baik dalam DAP, hak lain semua teruk, dia bagus, Kepong bagus, cuba beritahu, nasihat kepada Presiden-presiden, Setiausaha Agung parti supaya menjadi seorang tokoh yang dihormati.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Tanjong Karang bangun.

**Tuan Haji Noh bin Omar:** Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat ada sebut fasal DAP dan rakan-rakan DAP, hari ini kita baca surat khabar *Utusan* di headline, parti-parti pembangkang ada curi ahli-ahli DAP. Jadi, parti-parti DAP ini dia selalu cadangkan kalau ada sesuatu masalah negara, dia suruh cadangkan tubuhkan Suruhanjaya Diraja. Tidakkah Yang Berhormat ingin cadangkan kepada DAP supaya tubuhkan satu Suruhanjaya Diraja menyiasat kes ahli-ahli DAP ini dicuri oleh parti-parti pembangkang yang lain?

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin:** Macam mana Kepong, Kepong bersetujukah? Senyap, tidak berani angkat kepala, bila hendak perkena taukeh dia, dia takut, bila hendak perkena kita, dia kemas. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, ini orang kampung kata, kita jangan selak kain orang, kalau kita selak kain orang, nanti orang selak kain kita, malu besar. Ini orang kampung cakap macam itulah Tuan Yang di-Pertua, maknanya kita jangan jatuhkan maruah orang, nanti orang jatuhkan maruah, kita susah.

Jadi, DAP dan PAS pun termasuk Keadilan, saya hendak beritahu, jangan anggap bahawa UMNO ini parti yang tidak berani, kalau kita seru, Tuan Yang di-Pertua, jentera Barisan Nasional kita, takut tidak cukup tanah mereka hendak lari. Tapi kita tidak mahulah buat, pasal kita ini parti memerintah, kita ikut peraturan-peraturan, kita menghormati undang-undang, menghormati rakyat Malaysia ini, sampai Perdana Menteri sakit, mereka kata macam-macam. Dalam Internet kata, macam-macam, ini jenis manusia apa ini yang tidak menghormati orang, macam Kota Bharu kata tadi, Rasulullah kita, orang yang sentiasa senyum, manis muka. Petua orang tua-tua, Tuan Yang di-Pertua, orang yang suka senyum, orang yang suka beri senyuman ini, dia akan nampak muda – macam saya Tuan Yang di-Pertua, saya selalu senyum [*Ketawa*], pasal apa, senyuman itu rezeki. Jadi, hendak tengok muka cerin, hendak marah orang pasal apa.

Jadi, saya haraplah, hari ini saya merayu kepada parti pembangkang terutama sekali kepada DAP ini, Setiausaha Agung dia ini, jadilah seorang pemimpin yang berwibawa, jangan jadi pemimpin yang masuk hantu ini, bila bercakap dalam Parlimen, macam orang hendak menurun nombor ekor. Sampai tenggelam punca, Tuan Yang di-Pertua, maki sana, maki sini, apa pemimpin ini, anak dia buat salah, hakim bubuh dalam penjara, yang dia susah hati pasal apa. Bukan kerana politik bubuh dia dalam penjara, dia tidak mahu ikut undang-undang, dia tidak ikut peraturan. Undang-undang kita buat, kadang-kadang saya biasa, pihak polis tahan kereta saya kerana kita lari laju sedikit menjalankan tugas, saya terus beri kad pengenalan dan lesen memandu saya, saya beritahu, saya minta maaf buat kesalahan hendak buat macam mana jalankan tugas. Saya tidak berani kata, Encik tidak bolehkah tolong, pasal kita yang buat undang-undang. Tetapi polis itu bagus, dia kata tidak apalah, lain kali Yang Berhormat jangan lari deras-deras sangat. Janganlah maki dia. Ini macam tunjuk perasaan ini, takkan hendak suruh polis .....

**Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tanya penjelasan Yang Berhormat dari Yan ini, kalau lari deras dan polis kata jangan lari deras sangat sebab nasihat dia, takut ada pilihan raya kecilkah, kalau berlaku apa-apa di Yan?

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin:** Macam mana? Tidak berapa dengar.

**Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi:** Hendak tanya, polis yang baik tadi, yang nasihatkan Yang Berhormat jangan lari deras tadi, kalau lari deras takut ada pilihan raya kecilkah di Yan. [*Ketawa*]

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin:** Itu tanda mereka sayangkan saya, Tuan Yang di-Pertua, polis pun tahu, mereka manusia macam kita, makan nasi macam kita, anak-anak, bini macam kita juga. Ini hendak maki sampai tidak ada had, Tuan Yang di-Pertua, dia naik geram, birulah muka, hendak buat macam mana. Ini takkanlah polis kalau tunjuk perasaan, dia hendak bawa coklat dari kilang Nestle – nah, coklat ambil pergi balik, jangan kacau, adakah macam itu. Sudah beritahu elok-elok mereka tidak mahu, kereta polis mereka terajang, kereta polis itu kereta rakyat, Tuan Yang di-Pertua, kita bayar, orang kampung bayar, mereka pergi terajang kereta buat apa, beli guni beras – tendang guni itu belajar taekwando. Kereta TV3 – mereka hendak cari makan, yang pergi serang buat apa TV3 ini, kesianlah mereka. Kita tidak pernah serang pun pejabat *Harakah*, mereka biasa serang bangunan UMNO, Tuan Yang di-Pertua, habis gambar-gambar pemimpin-pemimpin negara kita dahulu yang memperjuangkan kemerdekaan, mereka koyak, terajang, ini budak-budak jenis apa, Tuan Yang di-Pertua.

Jadi, saya harap janganlah, tolonglah DAP atau PAS, PAS pun ada seorang ini, yang ini bagus, cakap tidak banyak [*merujuk kepada Ahli Yang Berhormat dari Kuala Krai*][*Ketawa*] Ha, Ahli Yang Berhormat dari Bagan Lina. Ahli Yang Berhormat dari Kepong tidak tahu apa yang difikirkannya. Dia, kalau air-cond tidak

ada tidak boleh duduk, Tuan Yang di-Pertua, kerana dia ini penyakit kulit, bila panas keluar peluh sahaja, gatallah. *[Ketawa]*

Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya harap sungguh termasuk KeADILan, negara demokrasi kita amalkan demokrasi, kempen secara bersih. Jangan kita ini bawa keluar dalam Internet, hantar surat layang tuduh menteri itu ada akaun di Bank Israel, menteri ini ada duit, menteri itu ada duit. Adakah layak kita buat macam itu? Menteri kita ini, kalau ada duit, takkanlah sampai banyak itu, makan gaji tara mana sahaja. Kereta, kereta kerajaan; rumah, rumah kerajaan. Jadi, kalau menteri kita pakai segak sedikit, pakai smart sedikit, salahkah? Dia menteri, Perdana Menteri – takkan hendak suruh dia pakai selekeh, pakai selipar, orang hendak tengok jadi Perdana Menteri, siapa yang hendak percaya. Jadi, jangan kita tuduh yang bukan-bukan. Kita meracuni fikiran rakyat di kampung. Orang kampung yang tidak faham, dia percaya. “Eh, betul ya, sampai banyak ini duit bubuh di Bank Israel pula”.

Jadi, kita tidak patut buat aniaya kepada orang kerana orang kata, fitnah ini lebih dahsyat daripada membunuh. Jenis ini, Tuan Yang di-Pertua, bila lepas talqin sahaja, malaikat sambar, rimbuk dah. Dia tidak ada banyak soal jawab. Ini saya hendak pesanlah kepada ahli-ahli PAS ini semua, tok haji-tok haji PAS ini pergi terangkanlah ke kampung-kampung. Bersyarah elok-elok. Kalau PAS memerintah, kita hendak buat itu, hendak buat ini, tidak apa. Kalau DAP memerintah kita hendak buat jambatan Pulau Pinang tiga atau empat lapis, khabar cerita tidak apa. Kalau PAS memerintah, kita hendak buat jalan sampai tiga atau empat di luar bandar, cerita tidak apa hak itu tetapi jangan pergi beritahu yang itu tidak elok, yang ini tidak elok, wakil itu tidak elok, wakil ini tidak elok, dia sahaja yang elok. Macam mana, Tuan Yang di-Pertua? Datang pilihan raya terjun habis mereka.

Jadi, saya sangat-sangat berharaplah bahawa baliklah tunjuk kita ini pemimpin. Tunjuk yang kita ini pemimpin. Jadi, Ahli Yang Berhormat dari Kepong tolong beritahu fasal ketua Kepong tidak ada hari ini, beritahu kepadanya. Jadi seorang pemimpin yang berwibawa, seorang pemimpin yang dihormati. Ini Barisan Nasional seorang pun tidak hormatkan dia. Hendak hormat macam mana, bercakap masuk para yang ketiga sudah jadi macam orang gila. ‘Menurun’ dalam Parlimen, maki menteri, maki kawan itu, maki kawan ini, sampai tidak ada asas yang sebenarnya.

Tuan Yang di-Pertua, demi untuk kita menjayakan pembangunan negara kita ini, ekonomi negara kita ini, saya minta kepada parti-parti pembangkang, jangan meracuni fikiran budak-budak di universiti. Ini yang kena tangkap banyak budak universiti. Saya berharap kepada Menteri Pendidikan – Kementerian Pendidikan, jangan beri chance kepada mereka lagi. Yang mana tunjuk perasaan pecat daripada universiti termasuk pensyarah-pensyarah, guru-guru dan sebagainya. Tuan Yang di-Pertua, banyak lagi anak-anak daripada kampung sana yang hendak masuk universiti tetapi tidak ada peluang. Banyak lagi orang yang hendak jadi pensyarah, guru dan sebagainya. Kalau mereka ini tidak tahu hendak kenang budi, tidak tahu hendak menghormati undang-undang, tidak tahu hendak menghormati kerajaan, pecat mereka keluar. Tidak usah hendak panggil dan temu bual apa, gambar sudah ada, mereka lompat dan terajang semua. Hantar balik ke kampung, baru mereka sedar bahawa keamanan yang ada ini bukan begitu mudah untuk kita hendak cipta pada hari ini. Jadi, budak-budak ini jangan mereka ini merasa megah, besar dan sudah pandai sangat. Jadi, saya minta Menteri Pendidikan, tegas dalam perkara ini, jangan bertolak ansur. Termasuklah kementerian-kementerian lain kalau ada anak-anak buah dia buat tunjuk perasaan, kita bertindak. Masa pilihan raya tidak apalah. Ini daftar pengundi, pergilah mendaftar elok-elok, datang hari pilihan raya undi elok-elok, parti mana yang kita hendak, sudah tentulah mereka akan pilih Barisan Nasional kerana parti yang telah terbukti kejayaannya, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi – penswastaaan. Saya merayu kepada kerajaan, penswastaaan ini pun kena tengok. Projek-projek yang terlibat dengan rakyat miskin,

projek-projek yang terlibat dengan rakyat sederhana, kita tidak usahlah swasta. Macam kita kata hospital hendak diswasta. Ada dua, tiga benda lagi hendak diswasta. Yang itu tidak usahlah, biarlah social obligation kerajaan kepada rakyat. Kalau kita habis swastakan semuanya, baru-baru ini yang hendak tembak babi tidak ada siapa pun mahu minta swasta, Tuan Yang di-Pertua. Kalau-kalau mereka hendak privatise tembak babi tetapi tidak adapun. *[Ketawa]* Yang itu fasal mereka takut mati.

Jadi, saya mintalah kepada kerajaan, jasa baik kerajaan, ini orang kampung merayu, Tuan Yang di-Pertua. Saya difahamkan mesin haemodialysis ini.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ya, Muar bangun ya.

**Tuan Abdul Aziz bin Mohd. Yassin:** Tuan Yang di-Pertua, saya minta sedikit penjelasan daripada Yang Berhormat dari Yan. Semenjak kita merdeka dahulu lebih daripada 20 agensi kerajaan telah ditubuhkan untuk menolong pekebun-pekebun kecil, nelayan-nelayan dan penternak-penternak kecil. Baru-baru ini kita tengok kebanyakan agensi itu telah dicerobohi dengan idea baru, kononnya agensi-agensi ini patut dikorporatkan dan ada yang telah diswastakan.

Tugas dan tanggungjawab kita menubuhkan *[menepuk-nepuk meja]* agensi-agensi ini hendak menolong pekebun-pekebun kecil, nelayan-nelayan kecil dan penternak-penternak kecil yang beratus-ratus ribu jumlahnya. Kalau agensi-agensi ini diswastakan, bagaimanakah kedudukan orang-orang yang hendak kita bela. Soalan saya yang hendak disoal kepada Yang Berhormat dari Yan, kalau saya katakan, saya minta dan merayu kepada kerajaan, agensi-agensi yang ditubuhkan untuk membantu pekebun-pekebun kecil, nelayan-nelayan kecil dan penternak-penternak kecil, jangan dikorporatkan, jangan diswastakan dan diteruskan dalam keadaan yang ada sekarang ini dan sekiranya ada kesulitan-kesulitan atau kelemahan-kelemahan dalam akta-akta itu, akta-akta itu patutlah dipinda untuk disesuaikan dengan keadaan semasa sekarang ini. Terima kasih.

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin:** Terima kasih, Yang Berhormat dari Muar. Amboi, Yang Berhormat hari ini naik angin, *[Ketawa]* tidak pernah saya tengok Yang Berhormat tepuk meja. Jadi, memang betul, Tuan Yang di-Pertua, kadang-kadang hak orang-orang miskin ini kalau kita swastakan kasihan, Tuan Yang di-Pertua.

Saya difahamkan, mesin haemodialysis untuk orang-orang yang sakit buah pinggang ini pun hendak diswastakan. Tuan Yang di-Pertua, penyakit buah pinggang ini ia penyakit papa kedana. Bila dia kena penyakit itu Tuan Yang di-Pertua, kalau pergi swasta sekali cuci buah pinggang RM200. Manalah orang kampung kalau pegi ke laut hendak boleh RM20 pun kadang-kadang ikan bebal tidak mahu timbul, ia tidak naik, jadi tidak adalah rezeki mereka. Jadi, macam mana? Begitu juga rumah-rumah sakit ini. Saya merayulah.....

Ini sungguh-sungguh sedih, Tuan Yang di-Pertua. Kadang-kadang kita pun – saya ini wakil rakyat kampung. Mereka ini bila kita kata “Pak cik, pergilah ke hospital”. Kemudian dia kata “Aku takut, aku takut”. Yang sebenarnya bukan takut tetapi hendak pergi tidak ada duit. Dia tidak ada duit tetapi kalau kita aturkan elok-elok dia pergi. Dia kata, “Yang Berhormat, pergilah nasihat” – bukan Yang Berhormat pergi nasihat tetapi Yang Berhormat pergi atur. *[Ketawa]* Siapa sakit tidak mahu berubat, Tuan Yang di-Pertua, beritahu kepada saya. Laratkah sakit sedikit telan penadol, sikit-sikit telan penadol, Tuan Yang di-Pertua. Kalau dia sakit, dia kena pergi ke hospital.

Jadi, saya mencadangkan tidak usahlah swasta benda-benda macam itu. Yang terlibat macam Yang Berhormat dari Muar kata tadi, yang kecil-kecil ini, yang ini biarlah, kerajaan bantulah. Tidak apa, insya-Allah, hak ini ahli-ahli PAS dan DAP

tidak payah bising, kami dalam UMNO dan Barisan Nasional pun tegur juga. Jadi, kita jangan pergi ke kampung beritahu itu, beritahu ini. Tidak apa, kita pun dok bela orang kampung ini, bukan tidak bela orang kampung. Orang kampung letak kita di sini kita kena bantu mereka. Jadi, saya mintalah kepada kerajaan, kepada Perdana Menteri jangan swasta. Saya takut tidak lama apabila mereka swastakan Kementerian Kebajikan dan Pembangunan Masyarakat, kacaulah, siapa hendak bantu orang miskin. *[Ketawa]* Jadi, Yang Berhormat Menteri pun ada di sini, tolong beritahu kepada Kabinet, ya. Tidak usahlah swasta, swasta hak yang lain tidak apa, hendak swasta kapal terbangkah, pergilah swastalah, orang kampung bukan selalu naik kapal terbang. Mungkin kalau mereka ada duit, pergi Mekah itu lain cerita. Hendak swasta kereta api, swastakanlah kalau hendak memudahkan. Penswastaan ini idea yang cukup baik, untuk memudah, menyenangkan dan sebagainya tetapi kalau ia melibatkan kos yang melibatkan rakyat, maka ia akan menyusahkan rakyat. Jadi, inilah yang saya minta. Macam lebu rayu itu tidak apa. Lebu rayu itu okay, hendak swasta tidak apa dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi mengenai Dasar Pertanian Negara. Yang ini cukup bagus. Saya minta kepada Kementerian Pertanian – alhamdulillah, kerajaan beri peruntukan begitu banyak dalam Mid-Term Review ini, kaji balik. Tuan Yang di-Pertua, bendang di negeri Kedah dan lain-lain negeri cukup banyak, cukup luas.....

**Tuan Abdul Aziz bin Mohd. Yassin:** *[Bangun]*

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin:** Ada lagi, Yang Berhormat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat, masa dia sudah habis.

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin:** Ya?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Sila gulung, masa sudah habis.

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin:** Saya hendak gulung, Yang Berhormat hendak selak lagi? *[Ketawa]*

**Tuan Abdul Aziz bin Mohd. Yassin:** Satu sahaja.

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin:** Tidak mengapa, kasihan Tuan Yang di-Pertua, sahabat saya.

**Tuan Abdul Aziz bin Mohd. Yassin:** Dasar Pertanian Negara yang baru diumumkan. Kita Ahli-ahli Yang Berhormat di sini hanya baca melalui surat khabar sahaja. Saya hendak tahu dari Timbalan Menteri Pertanian yang ada di sini, mengapa kita tidak diberi satu salinan Dasar Pertanian Negara yang ketiga itu.

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin:** Terima kasih, yang ini Timbalan Menteri jawab ya, saya Ahli Parlimen sahaja, hendak jawab tidak kena. *[Ketawa]* Cuma, Tuan Yang di-Pertua, saya minta kerajaan kaji balik dasar ini ya. Macam bendang ini kita tengok, bendang di Kedah, Perlis, Kelantan dan sebagainya – di Kelantan usah kiralah, fasal PAS memerintah mereka segan buat kerja tetapi di Kedah, Perlis, Terengganu semua ini, Tuan Yang di-Pertua..... *[Ahli Yang Berhormat dari Bukit Mertajam bangun untuk keluar Dewan]* Hah, ingat 'Flinstone' bangun hendak bercakap. *[Ketawa]* Cuma saya hendak minta kaji balik. Dia tanam ada masanya, bila padi itu tidak ditanam, hendak tunggu tanam pul semusim lagi, bendang itu dibiarkan begitu sahaja. Jadi, buat kajian apa yang kita boleh tanam, jagungkah atau sebagainya kerana Tuan Yang di-Pertua, harga ayam naik di pasaran, kita hendak salahkan penternak pun tidak boleh juga, fasal apa, bila harga makanan ayam mahal – harga makanan ayam kita import. Sekarang ini dua, tiga kompeni dok kontrol harga makanan ayam masuk. Bila harga makanan ayam naik, harga ayam akan naik. Yang penternak ini tidak menaik pun, sudahlah harga makanan ayam mahal. Jadi, kita buat kajian....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Masa cukup, ya.

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin:** Tuan Yang di-Pertua, mereka tidak beritahu pula ada masa lagi. Boleh atau tidak saya minta lima minit fasal ini orang kampung pesan sungguh-sungguh, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Satu minit ya.

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin:** Kesihan kepada mereka. Kalau saya tidak habis ini, balik tidur tidak lena. Kalau saya mati pun kempunan sahaja, Tuan Yang di-Pertua. *[Ketawa]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Sila gulung, ya.

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya sambung lagi lima minit ya.

Jadi, saya harap kalau boleh kerajaan beri lagi satu subsidi kepada syarikat yang hendak menjaga dari segi pertanian ini. Kerajaan kena beri subsidi pasal pertanian ini Tuan Yang di-Pertua, dia punya risiko tinggi dengan cuaca dan sebagainya. Jadi, bila pelaburan risikonya tinggi, orang-orang tak berani hendak melabur tetapi kalau kerajaan beri jaminan ataupun kita adakan joint venture antara syarikat dengan pihak kerajaan memastikan bahawa bidang pertanian ini diberi satu tumpuan yang khusus, maka kita akan dapat selesai tukaran wang kita yang berbilion ringgit untuk mengimport makanan ini.

Jadi, saya berharap kepada pihak kementerian supaya buat yang ini, kita panggil tokoh-tokoh korporat kita, kita atur mereka beritahu kita beri tax holiday, tak holiday ke, bagi. Kalau di industri kita boleh beri tax holiday pasal apa di sektor pertanian kita tak boleh beri kerana ini makanan kita. Jadi, kalau boleh kita minta Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua pun dari kampung banyak pertanian di sana dan Tuan Yang di-Pertua, faham keadaan-keadaan di kampung, cukup susah. Jadi, infrastruktur jalan-jalan di luar bandar itu Tuan Yang di-Pertua, untuk memudahkan pertanian ini, macam di kawasan Tuan Yang di-Pertua, sendiri pun jalan hendak kena ada banyak, Kinabatangan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Masa sudah cukup. Yang Berhormat, masa sudah lebih. Yang Berhormat dari Gelang Patah.

12.42 tgh.

**Tuan Chang See Ten [Gelang Patah]:** Terima kasih saya ucapkan kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk membahas Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketujuh.

Tuan Yang di-Pertua, ketika Rancangan Malaysia Ketujuh dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad pada 6 Mei 1996. Keadaan ekonomi negara sedang mengalami pertumbuhan pada kadar yang positif. Tanpa disangka setahun selepas itu krisis ekonomi mula menular. Walau bagaimanapun kerajaan telah mengambil keputusan untuk meneruskan dasar belanjawan defisit pada tahun 1999 dengan mengekalkan perbelanjaan yang tinggi bagi membiayai projek-projek pembangunan.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ketika membentangkan laporan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketujuh dalam Dewan yang mulia ini juga mengumumkan bahawa Kerajaan Persekutuan bersedia menambah peruntukan

pembangunan di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh sebanyak RM22 bilion menjadi RM89.5 bilion berbanding dengan syiling peruntukan asal RM67.5 bilion.

Di samping itu kerajaan juga memberi jaminan sebagaimana yang terkandung dalam Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong ketika perasmian mesyuarat untuk terus membangun dan memajukan kawasan luar bandar. Saya menyokong penuh komitmen serta kesungguhan pihak kerajaan untuk terus membangunkan kawasan bandar mahupun kawasan luar bandar walaupun keadaan ekonomi negara masih kurang stabil.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh tentang soal pembangunan, penyediaan kemudahan infrastruktur asas merupakan salah satu agenda yang utama. Pembinaan kemudahan infrastruktur asas ketika kegawatan ekonomi bukan sahaja dapat mencergaskan semula aktiviti ekonomi tetapi juga menyediakan negara kita untuk pertumbuhan ekonomi pada alaf yang akan datang. Walau bagaimanapun, sebagaimana yang kita ketahui, pihak kerajaan akan terus mengamalkan dasar penswastaan dalam kebanyakan projek pembinaan kemudahan infrastruktur. Sungguhpun dengan berbuat demikian, beban kewangan kerajaan akan dapat dikurangkan namun sama ada secara sedar ataupun tidak beban ini sebenarnya dipindahkan kepada para pengguna kemudahan ini.

Pengenaan sejumlah bayaran untuk menikmati kemudahan infrastruktur asas yang dioperasikan oleh pihak swasta yang mendapat konsesi memanglah wajar dalam dunia kapidilis ini tetapi kerajaan diberi amanah untuk menjaga kesejahteraan rakyat mesti mengambil langkah untuk memastikan bahawa rakyat mempunyai pilihan sama ada untuk menggunakan kemudahan yang dioperasikan oleh pihak swasta ataupun tidak. Apabila kerajaan mengurniakan konsesi kepada sesebuah syarikat swasta untuk membina sebatang jalan yang baru dan kemudiannya memungut tol jalan daripada para pengguna jalan untuk satu masa yang tertentu, pihak kerajaan mesti memastikan para pengguna jalan masih boleh memilih untuk menggunakan jalan lama yang sedia ada secara percuma. Jalan lama yang sedia ada, ini juga mesti diselenggarakan secara berkala oleh pihak kerajaan walaupun jalan lama ini mungkin tidak selesa seperti lebuh raya baru yang menggunakan tol. Jalan lama mesti selamat digunakan dan tidak berlubang-lubang. Sebagai contoh, walaupun kita telah mempunyai Lebuh raya Utara-Selatan yang selesa, jalan-jalan lama yang sedia ada sebelum pembinaan Lebuh raya Utara-Selatan mesti terus diselenggarakan supaya para pemandu tidak dipaksa secara tidak langsung untuk menggunakan lebuh raya baru yang mengenakan bayaran tol.

Tuan Yang di-Pertua, begitu juga setelah siap pembinaan laluan kedua Malaysia-Singapura, Tambak Johor mesti tetap diselenggarakan dan kerajaan patut memberi kebebasan kepada para pemandu untuk memilih sama ada untuk menggunakan laluan kedua atau Tambak Johor. Kita mesti menghormati pilihan para pengguna jalan walaupun sekiranya mereka menggunakan Tambak Johor, mereka mungkin terperangkap dalam kesesakan lalu lintas. Kerajaan cuma boleh menasihati mereka yang menggembara di antara Malaysia-Singapura menggunakan laluan kedua dan pada pendapat saya sebarang arahan yang membawa kesan mewajibkan penggunaan laluan kedua adalah kurang munasabah.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya masih ada cara lain yang boleh mengurangkan kesesakan lalu lintas di Tambak Johor, antaranya ialah dengan membuka ke semua pondok imigresen ketika waktu puncak lalu lintas pada sebelah pagi dan sebelah petang. Tindakan menjalankan pemeriksaan kastam ke atas bas-bas pelancongan yang masuk dari negara Singapura di luar kawasan kompleks Imigresen Tambak Johor iaitu di kawasan zone bebas cukai yang berhampiran dengan Taman Iden juga merupakan satu tindakan bijak yang boleh melicinkan aliran lalu lintas di Tambak Johor.

Sekiranya pihak pemaju laluan kedua, ingin menarik lebih banyak pemandu menggunakan laluan tersebut, mereka harus mempertimbangkan untuk mengurangkan kadar bayaran tol.

Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengan kemudahan yang diambil alih secara keseluruhan oleh pihak swasta misalnya perkhidmatan pembedungan di 144 pihak berkuasa tempatan di seluruh negara oleh Indah Water Consortium, kerajaan harus memastikan charge perkhidmatan yang perlu ditanggung oleh para pengguna tidaklah terlampau tinggi. Sehingga hari ini masih banyak pihak terutamanya badan perdagangan atau industri tidak bersetuju dengan formula yang digunakan oleh pihak IWK dengan pengiraan charge perkhidmatan.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan Kempen Anti-Nyamuk dan Kebersihan Kebangsaan, kalau ditanya apakah pengajaran yang dapat kita perolehi daripada krisis JE kali ini. Salah satu jawapannya ialah rakyat Malaysia sekali lagi diingatkan tentang malapetaka yang dibawa oleh nyamuk. Sebenarnya dalam buku teks sekolah rendah pun sudah diajar tentang bahayanya nyamuk sebagai vektor berbagai-bagai penyakit serta cara-cara untuk mengurangkan pembiakan nyamuk. Dukacitanya masih terdapat rakyat Malaysia yang sama ada secara sedar ataupun tidak membantu menyediakan persekitaran yang sesuai untuk pembiakan nyamuk.

Masih ada orang yang suka membuang tin atau botol kosong di kawasan lapang atau di tepi jalan sehingga air bertakung di dalamnya dan menjadi tempat pembiakan nyamuk. Kita juga sering melihat sampah-sarap dibuang ke dalam longkang sehingga air di dalamnya tidak dapat mengalir dan menggalakkan pembiakan nyamuk. Perbuatan yang tidak bertanggungjawab ini bukan sahaja membahayakan kesihatan akibat daripada penyakit yang disebarkan oleh nyamuk tetapi juga menjejaskan ekonomi negara sebagaimana yang dapat kita perhatikan berikutan krisis virus JE dan Nipah kali ini. Industri pelancongan juga turut terjejas dan proses pembelajaran pelajar-pelajar di kawasan hitam wabak JE terganggu.

Tuan Yang di-Pertua, oleh yang demikian saya menyokong penuh Kempen Anti Nyamuk dan Kebersihan Kebangsaan yang dilancarkan baru-baru ini. Pada pendapat saya, usaha menyedarkan orang ramai supaya lebih mengambil berat tentang kebersihan persekitaran serta kebersihan awam memanglah tidak wajar dipandang ringan ketika menuju kepada Wawasan 2020. Kemajuan yang dicapai oleh negara tidak akan bermakna sekiranya kesihatan rakyat sering terdedah kepada ancaman pelbagai penyakit yang berpunca daripada persekitaran yang tidak bersih. Sebagai contoh, menurut statistik jumlah kes demam denggi yang disebabkan oleh nyamuk aedes yang dilaporkan dalam tahun 1986 adalah kurang daripada 1,500 kes tetapi dalam tahun 1998, lebih 27,000 kes demam denggi dilaporkan. Peningkatan kes demam denggi dengan kadar melebihi 18 kali ganda dalam masa 12 tahun adalah satu titik hitam dalam kecemerlangan pembangunan kita kerana ini menunjukkan kualiti kesihatan awam kita tidak bertambah baik dan sebaliknya menjadi semakin buruk.

Tuan Yang di-Pertua, bukan sahaja nyamuk aedes dan culex yang membawa penyakit, nyamuk-nyamuk jenis lain seperti 'anopheles' serta 'mansonis' juga menyebarkan penyakit. Rakyat Malaysia perlu sedar bahawa walaupun kita telah banyak menggunakan peralatan komputer dalam era ledakan maklumat ini, kita masih belum dapat menemui satu formula yang boleh menghapuskan nyamuk untuk selamanya. Oleh yang demikian, apa yang patut kita lakukan ialah menumpu kepada usaha mengurangkan populasi nyamuk dengan menjaga kebersihan persekitaran kita dan tanggungjawab ini tidak harus dan tidak boleh dipikul oleh kerajaan semata-mata.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dalam ucapan pelancaran Kempen Anti Nyamuk dan Kebersihan Kebangsaan mengharapkan rakyat mengubah sikap dan menjaga kebersihan persekitaran tanpa paksaan. Pada pendapat saya, sekiranya keadaan memerlukan, hukuman tertentu

seperti denda boleh dikenakan kepada mereka yang didapati tidak bekerjasama dalam memelihara kebersihan persekitaran. Saya juga mencadangkan supaya jumlah denda yang diperuntukkan dalam undang-undang yang sedia ada dipertingkatkan dan usaha pemeriksaan ke rumah-rumah atau bangunan diperbanyakkan.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada nyamuk, tikus yang banyak kelihatan di tempat-tempat longgokan sampah dan longkang-longkang, di restoran-restoran juga merupakan vektor penyakit yang merbahaya. Walaupun pada masa sekarang ancaman virus 'plague' yang boleh membawa maut tidak menjadi isu yang kritikal di negara ini, saya berharap kita juga dapat menjadikan penghapusan tikus sebagai satu sasaran dalam usaha penjagaan kebersihan kita. Serangan wabak virus JE dan Nipah kali ini tidak dijangka oleh sesiapa. Begitu juga tidak ada sesiapa yang akan mengetahui bilakah virus 'plague' atau virus lain yang disebar oleh tikus akan menyerang kita. Justeru itu, seperti kata pepatah, 'mencegah adalah lebih baik daripada merawat'.

Tuan Yang di-Pertua, tentang kegiatan ekonomi berasaskan pengetahuan dan teknologi canggih, seperti yang kita tahu Rancangan Malaysia Ketujuh akan menyediakan ekonomi negara untuk melangkah masuk ke abad 21 serta meratakan jalan untuk kita menuju Wawasan 2020. Saya amat gembira melihat pihak kerajaan semakin menitikberatkan aktiviti ekonomi yang berasaskan pengetahuan serta menggunakan teknologi yang canggih. Sebagaimana yang dapat kita perhatikan, perdagangan antarabangsa telah menjadi bertambah bebas dan lambat-laun dasar-dasar yang melindungi ekonomi negara daripada persaingan luar akan terpaksa dihapuskan. Lantaran itu, penekanan yang sewajarnya perlu diberikan kepada ekonomi yang berasaskan pengetahuan serta teknologi canggih demi memantapkan daya saing negara di peringkat ASEAN mahupun antarabangsa pada masa akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, ekonomi yang berasaskan pengetahuan sebenarnya relevan kepada semua sektor ekonomi negara. Ini termasuklah sektor pembuatan, perkhidmatan mahupun pertanian. Ekonomi berasaskan pengetahuan akan dapat membawa penambahan nilai kepada hasil-hasil pengeluaran dalam sektor-sektor ini. Kita akan dapat menghasilkan barangan kilang dengan kos pengeluaran yang lebih rendah tetapi mempunyai kualiti yang lebih baik, sekiranya dibantu dengan pengetahuan dalam pengurusan serta penggunaan peralatan yang sofistikated. Begitu juga sektor pertanian kita akan bertambah maju dengan adanya pengetahuan dan teknologi berkaitan dengan cara penanaman yang lebih baik serta pengurusan tanah yang lebih bijak. Kesemua hasil pengeluaran daripada apa jua sektor mesti dipasarkan. Dalam soal ini, pengetahuan tentang cara pemasaran serta citarasa para pengguna menjadi amat mustahak.

Tuan Yang di-Pertua, apabila kita membincangkan tentang ekonomi berasaskan pengetahuan serta teknologi canggih, ini tidak bermakna kita menyetepikan sektor-sektor pembuatan, perkhidmatan mahupun pertanian yang selama ini menjadi tulang belakang ekonomi negara. Sebaliknya, ekonomi pengetahuan harus diterapkan ke dalam aktiviti-aktiviti ekonomi negara yang sedia ada supaya hasil pengeluarannya dapat dijual dengan harga yang lebih tinggi. Teknologi terkini juga mesti digunakan dalam aktiviti-aktiviti pengeluaran yang pada masa sekarang masih bersifat intensif buruh bagi meningkatkan daya produktiviti serta memperbaiki kualiti hasil pengeluaran. Hasil-hasil pengeluaran ini apabila dieksport akan dapat menambahkan pendapatan negara.

Tuan Yang di-Pertua, walau bagaimanapun, kita perlu sedar bahawa negara kita akan dijajah oleh negara lain dari segi ekonomi jikalau pengetahuan yang kita gunakan banyak bergantung kepada negara asing. Untuk mengelakkan penjajahan ekonomi ini, pihak kerajaan mahupun pihak swasta mesti melipatgandakan pelaburan wang dan tenaga dalam program-program penyelidikan dan pembangunan. Program-program penyelidikan dan pembangunan yang terancang serta strategik merupakan sumber utama pengetahuan yang boleh digunapakai demi menggerakkan ekonomi

berasaskan pengetahuan yang kita cita-citakan. Pendek kata, demi kemerdekaan yang bererti, Malaysia mesti mengambil inisiatif untuk menjadi pembekal pengetahuan dan teknologi dan bukannya hanya memainkan peranan pasif sebagai negara pengguna pengetahuan dan teknologi.

Tuan Yang di-Pertua, saya pun ingin mengambil peluang keemasan ini untuk meminta pihak Kementerian Pendidikan supaya dalam .....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat, masa untuk pagi ini sudah cukup. Yang Berhormat ada dua minit lagi untuk menyambung.

**Tuan Chang See Ten:** Dua minit lagi, nanti sambung. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ditangguhkan sekarang sehingga jam 2.30 petang.

*Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.00 tengah hari*

*Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang*

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Gelang Patah sila sambung.

**Tuan Chang See Ten:** Tuan Yang di-Pertua, saya berharap Kementerian Pendidikan dapat mengadakan Sekolah Kebangsaan Taman Universiti yang sedia ada di kawasan saya mempunyai lebih 2,000 pelajar dan adalah hasrat penduduk-penduduk tempatan supaya pihak Kementerian Pendidikan mewujudkan sebuah sekolah menengah kebangsaan yang baru. Di sini saya ingin meminta Kementerian Pendidikan mengadakan sebuah sekolah wawasan yang mana mempunyai sekolah kebangsaan, sekolah jenis kebangsaan (Cina) dan sekolah jenis kebangsaan (Tamil) di Taman Universiti kerana penduduk di kawasan itu yang populasi lebih daripada 60,000 orang yang terdiri daripada 40% orang Melayu, 40% orang Cina, dan 20% orang India dan adalah penting diwujudkan sebuah sekolah wawasan di sana.

Tuan Yang di-Pertua, tentang kepentingan kesihatan kepada para penduduk di kawasan Parlimen Gelang Patah, saya harap pihak Kementerian Kesihatan dapat mewujudkan sebuah poliklinik di Taman Universiti yang mana ada terkandung dalam Rancangan Malaysia Ketujuh. Saya pernah dijanjikan oleh pegawai kanan kesihatan di Johor Bahru bahawa poliklinik ini ada dalam rancangan dan akan dilaksanakan secepat mungkin. Saya harap dalam kajian ini, poliklinik ini akan dapat dipercepatkan pembinaannya. Saya ingin meminta supaya di kawasan Taman Perlin agar pihak Kementerian Kesihatan dapat mewujudkan sebuah poliklinik sejajar dengan rancangan Kementerian Kesihatan untuk decentralization of clinical services, dengan izin, ini akan mendatangkan faedah kepada penduduk di taman-taman.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan Kementerian Dalam Negeri, saya harap pihak Kementerian Dalam Negeri akan dapat mewujudkan sebuah balai polis di Taman Universiti, sebuah di Taman Tun Aminah.....

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, berkenaan perkara yang hendak dibahaskan sekarang ialah Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketujuh, bukanlah hendak minta sesuatu benda yang baru untuk kawasan masing-masing. Kita berucap atas kajian, review di atas perkara-perkara yang telah pun berlaku, bukan untuk menambahkan polis stesen, sekolah dan sebagainya. Sila, sila teruskan.

**Tuan Chang See Ten:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih di atas nasihat itu, saya ambil peluang ini untuk meminta pembangunan kerana terdapat dalam Rancangan Malaysia Ketujuh, cuma belum diwujudkan. Oleh sebab ini dalam kajian, saya harap mereka dapat wujudkan apa yang terkandung dalam Rancangan Malaysia Ketujuh tersebut.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, baiklah.

**Tuan Chang See Ten:** Sebelum saya mengakhiri ucapan saya, saya ingin mengambil peluang ini untuk membuat satu cadangan kepada Kementerian Dalam Negeri iaitu kadar kemalangan di Malaysia sangat tinggi. Saya berpendapat bahawa jika kita boleh ikuti cara negara asing seperti Singapura yang mana kes kemalangan yang tidak menyebabkan kecederaan tidak dijadikan kes polis dan rujuk kepada syarikat insurans sahaja. Misalnya jika seseorang itu cuma melanggar 'bumper' sebuah kereta dan tidak ada apa-apa kecederaan, pada masa sekarang pemandu akan dikompaun atau disaman dan ini tidak menyebabkan apa-apa kecederaan tetapi pemandu dikompaun dan jadi kes polis, dengan ini kita dapat jumlah kes kemalangan yang tinggi dan tidak sewajarnya kita kompaun kepada pemandu. Sebab itu saya ingin mengambil peluang ini supaya kita kena prihatin kepada pemandu-pemandu ini yang mereka tidak sengaja dapat kes-kes kemalangan tanpa kecederaan, supaya ia tidak dijadikan kes polis dan tidak perlu membebankan tenaga polis untuk siasat kes seperti ini, tidak perlu kompaun. Ini akan dapat menurunkan kadar kemalangan di negara kita dan tidak menunjukkan kepada negara asing bahawa kadar kemalangan di negara Malaysia sangat tinggi.

Dengan kata-kata demikian, saya ucapkan terima kasih. Sekian.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tumpat.

2.39 ptg.

**Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood [Tumpat]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberi kesempatan kepada saya untuk berucap dalam Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketujuh (1996-2000) daripada Yang Berhormat Perdana Menteri pada 22 April 1999. Satu persoalan yang masih menjadi tanda tanya Tuan Yang di-Pertua, mengapakah sekarang Proton mahu di jual kepada Petronas ataupun sudah dijual. Proton adalah kepunyaan HICOM. Siapakah pemegang saham yang besar di Proton?. Saya difahamkan pemegang saham yang terbesar di Proton ialah Almarhum Tan Sri Yahya dan Yang Berhormat Menteri Kewangan sekarang. Saya ingin mendapatkan penjelasan di Dewan yang mulia ini, berapakah saham mereka berdua sebenarnya?

Menurut satu kajian yang telah dilakukan oleh para ahli, kedudukan industri automobil akan mengalami persaingan yang hebat oleh beberapa syarikat pengeluaran kereta yang terkenal. Pengeluaran akan jauh melebihi permintaan dijangka di antara 70% sehingga 140%. Ini bererti perindustrian automobil akan menghadapi masa depan yang cukup gawat.

Kedua, untuk men'develop'kan satu-satu model baru kereta memerlukan paling kurang RM3 bilion dan ketiga, Malaysia termasuk di dalam lingkungan AFTA, di mana setelah gagasan AFTA dilaksanakan tidak lama lagi, maka secara automatik duti kenderaan bermotor akan dikenakan sebanyak 5% sahaja. Ertinya harga kereta juga akan ikut jatuh harganya kerana bayaran duti hanya 5% sahaja sedangkan HICOM sekarang mengalami bebanan hutang yang amat mencemaskan sama ada di dalam mahu pun di luar negara.

Bagi pandangan saya, proton sudah pasti tidak mampu menghadapi cabaran di masa-masa akan datang. Walaupun beberapa langkah penyelamat mulai dilaksanakan, di antara lain membeli kereta Proton tanpa duti dan tanpa deposit seerta pihak bank sanggup memberi pinjaman seratus peratus dengan kadar bunga yang rendah.

Pekerja-pekerja Proton banyak yang telah berhenti atau diberhentikan di atas beberapa alasan. Inilah maka HICOM terpaksa menjual proton kepada Petronas. Setelah Proton dijual kepada Petronas, jika Proton akan mengalami kerugian nanti, bukan HICOM atau Menteri Kewangan sebagai pemegang sahamnya yang besar akan

rugi tetapi pada masa itu yang akan mengalami kerugian ialah Petronas. Ini adalah rasionalnya.

Tuan Yang di-Pertua, isu kedua yang saya ingin bangkitkan di sini ialah kenapa Nor Mohamad Yaacob dikembalikan bertugas di Bank Negara - Tidak ada yang bangun hendak bertanya? - Setelah Ali Abul Hassan dilantik, apakah kerana ia merupakan kroni kepada Menteri Kewangan yang ada sekarang sedangkan dari segi rekod Bank Negara Nor Mohamad Yaacob pernah dibuang dari Bank Negara. Salah satu daripada kesilapannya yang besar ialah bank pusat mengalami kerugian tidak kurang daripada RM20 bilion hasil daripada spekulasi yang dimainkan oleh beliau bersama-sama Soros semasa beliau berada atau bertugas di Bank Negara.

Tuan Yang di-Pertua, kalau inilah keadaannya tidak hairanlah kalau Rahim Tamby Chik yang tersingkir, khabarnya akan bertanding di kawasan Encik Ghafar Baba di Jasin dalam pilihan raya umum akan datang. Inikah kepimpinan melalui teladan?

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, adakah perkara itu bersangkutan dengan kajian Rancangan Malaysia Ketujuh itu?

**Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood:** Itu kajian, ini kajian, ini kajian.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, bukanlah tidak boleh bercakap tetapi kenalah kena mengena dengan tajuk yang diucapkan.

**Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood:** Nanti akan masuk Tuan Yang di-Pertua. Nanti akan masuk juga, mukadimah.

Tuan Yang di-Pertua, siapakah orang yang paling berkuasa di dalam negara kita sekarang. Saya difahamkan orang yang paling berkuasa di dalam negara kita sekarang ialah kalau dulu PM kita, kemudian Robert Koh, kemudian bekas Timbalan Perdana Menteri kita dan yang keempat adalah Daim. Sekarang PM kita, kalau yang nombor satunya yang paling berkuasa di dalam negara kita semua orang akan mengakui ialah Perdana Menteri kita, yang kedua Robert Koh dan yang ketiga Tan Sri Daim, Menteri Kewangan. Barangkali akan datang tidak mustahil orang yang paling berkuasa di negara kita ialah Tun Daim Zainuddin, Menteri Kewangan yang ada sekarang ini.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, adakah benda itu dalam kajian Yang Berhormat, ya? *[Ketawa]*

**Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood:** Nanti ada sangkut paut Tuan Yang di-Pertua. Saya minta Tun Daim boleh menjawab soalan ini, insya-Allah. Berita-berita ini saya dapat daripada luaran daripada Parlimen ini dan saya sendiri masih menjadi tanda tanya, apakah berita itu betul ataupun tidak dan insya-Allah, Menteri Kewangan I akan memberi jawapan dalam Parlimen ini, paling tidaknya untuk menghilangkan keraguan yang ada dalam kepala saya sekarang ini.

Usaha-usaha awal yang dilakukan sekarang ini ialah sama ada di dalam kerajaan ataupun parti ialah membersihkan kerajaan dan parti daripada pengaruh-pengaruh Dato' Seri Anwar terutama daripada kalangan yang memegang jawatan penting dan strategik sedang kroni-kroni mereka diselamatkan seperti Konsortium Perkapalan, KUB, Renong dan sebagainya. Sebagaimana kata pepatah Melayu, "Cakap tidak sama bikin." Betullah sebagaimana kata pepatah orang Putih, "Politik itu adalah kotor."

Tuan Yang di-Pertua, pemimpin negara kita mengecam Soros, mengecam Inggeris dan mengecam Yahudi dan mengecam Amerika tetapi dalam masa yang sama mereka telah melakukan hal-hal yang sebaliknya. Inilah yang membingungkan saya. Satu kenyataan yang pernah dibuat oleh pimpinan negara kita, di Jepun pada tahun yang lepas apabila beliau ditanya oleh wartawan, kenapa Perdana Menteri menyingkir

Anwar daripada jawatan dan parti? Secara spontan Perdana Menteri menjawab, "Kerana bekas Timbalan Perdana Menteri pro kepada Barat, sedangkan saya pro kepada Timur dan banyak lagi kenyataan yang menggambarkan pimpinan negara kita benci kepada Barat. Apakah betul tuduhan-tuduhan sebagaimana yang dikeluarkan di dalam Internet yang membutirkan simpanan wang yang begitu banyak oleh pimpinan negara kita terutama dalam bank Israel.

Tuan Yang di-Pertua, mungkin dari segi jumlahnya tidak betul tetapi dari segi simpanan sebagaimana yang didakwa, apakah betul ataupun tidak betul? Yang kedua Tuan Yang di-Pertua, pelaburan yang paling besar di negara kita ialah pelaburan daripada negara-negara Inggeris dan juga Amerika selain daripada Jepun. Inilah rhetoric yang telah dilakukan oleh aktor handalan dalam sejarah negara kita sejak merdeka tetapi ingat, pelanduk tidak akan terlepas daripada jeratnya, kalau tidak di dunia, di akhirat akan terkena jua.

Tuan Yang di-Pertua, sistem kewangan kawalan modal yang dijalankan di negara kita sekarang sepatutnya ini telah dilaksanakan atau diperkenalkan sebelum daripada krisis ekonomi atau semasa krisis bermula. Langkah yang dilakukan sekarang hanyalah sekadar "dari tidak ada, baik ada", kata orang kerana ia merupakan kata bidalan, "habis burung terbang baru hendak tutup lubang". Sepatutnya apa yang terjadi itu benar-benar akan memberi kesedaran dan keinsafan tetapi apa yang terjadi adalah sebaliknya. Projek mega masih diteruskan, kronisme, nepotisme masih diamalkan. Badan-badan kehakiman dan keselamatan di persimpangan terutama yang melibatkan pemerintah atau penguasa, mass media digunakan habis-habisan untuk membelasah musuh-musuhnya dan menyebarkan propaganda-propaganda yang tidak bertanggungjawab.

Tuan Yang di-Pertua, semenjak negara kita mencapai kemerdekaan, bukan sekali negara Malaysia dilanda oleh kegawatan ekonomi sebelum daripada kegawatan yang masih kita rasai sekarang. Pada awal tahun 80-an, negara juga mengalami keadaan yang sama tetapi kegawatan yang dialami semasa itu jauh lebih ringan daripada apa yang berlaku sekarang ini walaupun negara kita pada masa itu masih disebut sebagai negara 'agrarian' iaitu negara pertanian. Kewangan, kegawatan yang menimpa pada masa itu tidak sampai 2% sedangkan yang sekarang ini kerana ekonomi negara kita telah merosot sebanyak melebihi 7%. Sepatutnya kemerosotan pada awal tahun 80-an adalah lebih ketara kerana sektor pertanian amat terdedah dengan keganasan yang berlaku.

Hari ini sektor perindustrian jauh lebih kehadapan daripada sektor pertanian di negara kita. Kenapa nampaknya semakin terdedah dengan perkembangan luar negara. Ini membuktikan kepada kita bahawa perkembangan luar negara itu membuktikan kepada kita bahawa sektor perindustrian tidak menjamin kemakmuran dan pertumbuhan ekonomi di sesuatu negara. Atas asas inilah satu pengalaman oleh beberapa buah negara Eropah seperti Belanda, Belgium dan Denmark selain daripada Jepun dan Amerika sendiri, di samping mereka mempertingkatkan dalam sektor perindustrian, mereka juga tidak melupai sektor pertanian. Hasil pertanian mereka bukan sahaja untuk kegunaan di dalam negeri tetapi mereka juga mampu mengeksport ke luar negara.

Jepun sebagai satu contohnya, subsidi pertanian kepada para petani melebihi daripada 80%. Semua alat pertanian, perikanan mereka telah mereka tingkatkan semaksimum mungkin dengan menggunakan alat-alat yang terkini dan canggih-canggih belaka, misalnya jika mereka keluar menangkap ikan, bukan ikan yang mereka bawa pulang tetapi yang mereka bawa pulang adalah sardin-sardin yang telah ditinkan.

Di negara kita sektor pertanian telah jauh ketinggalan jika dibandingkan dengan sektor perindustrian. Punca yang paling besar ialah krisis ekonomi yang

mengganas sebegitu rupa di negara kita bermula pada tahun 1997-1998, sampailah sekarang ini di antara lain berpunca oleh beberapa faktor.

Yang pertama, pergantungan besar-besaran modal daripada luar negara seperti Telekom, MAS dan juga Tenaga, hampir 80% modal daripada luar negara.

Yang kedua, pergantungan pada sumber pinjaman, kadang-kadang projek bermodal RM1 pun boleh membuat pinjaman sampai RM1 bilion.

Yang ketiga, projek-projek mega ataupun mewah yang mengakibatkan pengimportan yang amat ketara seperti KLCC dan sebagainya.

Yang keempat, bank terlalu ghairah memberi pinjaman kepada sektor-sektor yang tidak wajar.

Yang kelima, kerajaan tidak mendengar nasihat pakar, contohnya pertumbuhan dipaksakan jika boleh 10% setahun sedangkan nasihat pakar tidak perlu pertumbuhan sebanyak itu. Paling tinggi hanyalah 6% sahaja tetapi mahu dipaksakan juga.

Yang keenam, pengurusan ekonomi yang dijalankan tidak berhemat dan strategik.

Yang ketujuh, campur tangan pemimpin terlalu ketara di dalam semua aspek sama ada pinjaman bank atau dalam pelaksanaan projek-projek dan sebagainya. Pasaran saham sudah jelas, sektor hartanah dianggarkan tidak kurang daripada 80 bilion yang belum terjual. Rizab kita terlalu kecil, kurang daripada RM60 bilion sedangkan 'citycord' rizabnya adalah RM600 bilion. Bagaimana pipit hendak berlagak seperti helang, tidak mungkin.

Tuan Yang di-Pertua, setelah Dasar Ekonomi Baru dilaksanakan dan akibatnya daripadanya peristiwa 13 Mei 1969 oleh Almarhum Tun Abdul Razak antara lain bertujuan pencapaian 30% ekuiti ataupun ekonomi orang-orang Melayu pada tahun 1990. Pelbagai usaha telah dijalankan, pada masa itu kita tidak pernah dengar istilah kronisme, nepotisme dan negara kita belum lagi dituduh sebagai negara pengamal rasuah yang agak ketara di rantau ini. Ternyata setelah 20 tahun berlalu, pencapaian 30% yang kita idam-idamkan itu masih jauh ke belakang, kata orang tidak sampai pun kepada angka 5%. Ertinya Dasar Ekonomi Baru yang telah mendapat sokongan dan dokongan yang bulat daripada seluruh lapisan masyarakat, tidak dapat dicapai.

Kemudian kerajaan menggubalkan Dasar Ekonomi Nasional bagi menggantikan Dasar Ekonomi Baru. Bagi saya pertukaran istilah itu sama sahaja dengan pertukaran baju, dari segi rupa parasnya masih ditakat itu juga, masih orang-orang itu juga. Saya sokong 100% pandangan Yang Berhormat dari Parti Sulong, pada pagi ini, kerana Yang Berhormat dari Parit Sulong mengingatkan kerajaan dan meminta kepada kerajaan supaya membuat kajian yang teliti kesan kegawatan ekonomi negara terhadap bumiputera khususnya orang Melayu daripada segenap bidang dan lapisan masyarakat.

Cadangan saya, Tuan Yang di-Pertua, jika perlu, satu jawatankuasa khas perlulah ditubuhkan supaya laporan itu nanti benar-benar jitu dan tidak berat sebelah tanpa ada sebarang prejudis dan sentimen, mestilah secara jujur dan juga secara ikhlas.

Tuan Yang di-Pertua, kenaikan harga makanan yang besar ini berlaku berikutan dengan kemerosotan nilai ringgit yang menyebabkan barangan import seperti gula, beras, roti, bijiran, minyak, lemak, kopi dan teh naik mendadak, Tambahan pula kerajaan telah membenarkan kenaikan harga minyak masak sebanyak 5% mulai pertengahan Disember 1997 dan tepung sebanyak 20%, gula sebanyak 21% dan susu 6% mulai daripada 1 Februari 1998. Harga makanan penting yang lain juga naik mendadak. Lihat misalnya, kecuali Kelantan, harga ikan meningkat sebanyak

8.1%, ini adalah sumber utama protein untuk kebanyakan rakyat, harga daging pula meningkat sebanyak 8.1%, harga buah-buahan dan sayur-sayuran adalah di antara yang paling teruk terjejas dengan peningkatan sebanyak 14.1%, harga gula meningkat paling tinggi, pada kadar 19.3%. Harga beras, roti dan bijiran lain yang merupakan makanan utama rakyat Malaysia meningkat sebanyak hampir 7%.

Tuan Yang di-Pertua, ini menunjukkan bahawa rungutan orang ramai mengenai harga bahan-bahan makanan yang mahal memang berasas, kemelesetan ekonomi benar-benar lebih membebankan golongan rakyat berpendapatan rendah dan sederhana. Kemelesetan ekonomi juga menyebabkan kehilangan pekerjaan dan pendapatan. Bilangan pekerja merosot sebanyak 1.7% dalam tahun 1998, pengangguran pula meningkat kepada angka 7.9%, sementara kadar upah di sektor perkilangan hanyalah meningkat sebanyak 0.3%, jauh lebih kecil daripada kenaikan harga.

Tuan Yang di-Pertua, ingin saya sentuh sedikit mengenai sistem perbankan yang dihantui oleh hutang bermasalah yang tinggi. Mungkin sistem perbankanlah yang paling teruk terjejas akibat daripada kemelesetan ekonomi yang melanda. Dalam tahun 1997 hutang bermasalah institusi-institusi kewangan sejumlah RM25.1 bilion atau hanyalah 5.9% daripada jumlah pinjaman. Hutang bermasalah ini telah melonjak melebihi 100% kepada RM59.3 bilion dalam tahun 1998 ataupun 16.8% dari jumlah pinjaman termasuk pinjaman yang dijadual kepada Danaharta. Ini adalah besar, apa yang lebih mengemparkan ialah sebanyak 22.1% ataupun RM13.1 bilion daripada hutang bermasalah ini, merupakan hutang bermasalah tiga buah institusi perbankan.

Ini sekali gus mempersoalkan keupayaan dan ketelusan pengurusan bank yang berkenaan atau mungkinkah ada pengaruh lain sehingga pengurusan bank mengkompromi amalan berhemat dalam urusan pemberian pinjaman. Mungkin bank-bank ini telah berulang kali diselamatkan dan setiap kali wang rakyat menjadi mangsanya.

Tuan Yang di-Pertua, dari segi sektor insiden pinjaman bermasalah dalam pembiayaan saham amat ketara di mana hampir satu pertiga daripada pinjaman ke sektor ini bermasalah. Ini diikuti sektor hartanah sebanyak 30.7% dan sektor pembinaan sebanyak 21.7%, pembiayaan pengguna iaitu kad kredit, penggunaan personal dan pembiayaan barangan pengguna tahan lama adalah antara sektor yang dihantui oleh insiden pinjaman bermasalah yang paling tinggi.

Ini adalah tanda-tanda yang menunjukkan bahawa kesan kemelesetan ekonomi adalah meluas menjejaskan semua sektor perekonomian negara.

**Tuan Yang di-Pertua:** Masa Yang Berhormat telah habis, ya.

**Tuan Haji Wan Mohd Jamil bin Wan Mahmood:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengakhiri. Akibatnya kualiti aset bagi institusi kewangan telah merosot, peruntukan hutang lapuk yang besar perlulah dibuat. Di samping itu bank juga mengalami kerugian besar melebihi daripada RM2 bilion dalam tahun 1998. Ini semuanya melemahkan kedudukan kewangan dan modal institusi perbankan. Dilaporkan bahawa dalam tahun 1998 modal bank telah merosot sebanyak 9.2%. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Bukit Bendera.

3.00 ptg

**Tuan Chia Kwang Chye [Bukit Bendera]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Perkembangan teknologi maklumat atau dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, information technology diberikan penekanan yang amat penting dalam Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketujuh yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, di mana lebih daripada enam perenggan dalam ucapannya

adalah berkaitan dengan teknologi maklumat atau IT. Tuan Yang di-Pertua, perbelanjaan untuk sektor ini telah berganda meningkat daripada RM2.01 bilion kepada RM4.1 bilion dengan anggaran perbelanjaan IT yang berjumlah RM976.6 juta bagi tahun 1996 sehingga 1998, maka bagi dua tahun terakhir bagi Rancangan Malaysia Ketujuh ini baki RM3.3 bilion akan disediakan untuk perkembangan sektor IT.

Penekanan atas perkembangan IT memanglah satu langkah yang bijak dan tepat pada masanya, apabila kita menanti-nanti untuk melangkah ke abad ke-21, satu revolusi yang besar sedang berlaku dengan cara agak senyap dalam bidang ekonomi manusia iaitu manusia sekarang sedang dalam proses untuk mengalih dari zaman industri ke satu zaman baru iaitu zaman maklumat atau dengan izin, information age. Revolusi zaman maklumat ini walaupun secara agak senyap, ketibaannya sudah agak ternyata dan pasti dengan pelbagai perkembangan kebelakangan ini berbeza dengan zaman industri yang menekankan modal sektor pembuatan dan pekerja teknik. Dalam zaman maklumat yang baru ini maklumat merupakan satu sumber ekonomi yang utama, pemerosesan maklumat merupakan kegiatan ekonomi utama dan pekerja-pekerja maklumat yang memerlukan kegiatan ekonomi utama yang berpengetahuan dan berteknologi tinggi. Ini akan merupakan tenaga manusia yang paling penting dalam perkembangan ekonomi keseluruhan.

Seiringan dengan trend pembangunan bidang ekonomi ini kehidupan manusia dalam bidang-bidang lain turut akan mengalami perubahan yang pesat. Sebagai contoh, Tuan Yang di-Pertua, pandangan global akan digantikan dengan pandangan nasionalisme. Global village atau kampung global, dengan izin, yang tidak bersempadan akan menggantikan institusi negara, sikap keanekaan (multism) akan digantikan dengan sikap monoism atau kesatuan, sikap bersaing yang berfalsafah survival of the fitters akan digantikan dengan sikap yang bermuafakat, yang bekerjasama untuk kemenangan kedua-dua pihak atau satu situasi win win. Secara ringkas Tuan Yang di-Pertua, zaman maklumat memerlukan nilai-nilai yang agak berbeza dengan zaman sebelumnya. Manusia dalam zaman maklumat ini mestilah berpengetahuan dan berteknologi tinggi. Pandangan dunia yang bersifat global, sikap liberal dan bertoleransi terutamanya terhadap bahasa, budaya dan agama yang berlainan, sedia untuk berkongsi untuk kekayaan dan bukan ingin membolotkan semata-mata.

Tuan Yang di-Pertua, Perdana Menteri semasa membentangkan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketujuh telah menggariskan pelancaran Multimedia Super Corridor sebagai mangkin untuk perkembangan IT dan multimedia negara kita. Pelbagai langkah telah diambil untuk memajukan keadaan perniagaan, menarik pelaburan baru, mempercepatkan pemindahan teknologi dan menggalakkan penglibatan usaha tempatan dalam bidang IT ini. Sejak pelancaran Rancangan Malaysia Ketujuh pada 1995 bidang IT mencapai perkembangan yang agak merangsangkan. Pelaburan dalam bidang IT telah berkembang dengan kadar 8.4% sehingga tahun lepas. Pemasangan telefon meningkat daripada 16.6% unit bagi 100 penduduk ke kadar 2.5% unit tahun lepas dan peningkatan pengguna-pengguna Internet paling dahsyat, melonjak dari cuma 42,000 pengguna pada tahun 1995 ke 425,000 pengguna tahun lepas. Masa depan yang agak cerah juga dilukiskan bagi perkembangan bidang IT ini termasuklah permintaan software yang dianggarkan akan meningkat daripada RM1.5 bilion pada tahun 1997 kepada RM2.3 bilion pada 2000. Perkembangan IT itu memerlukan pekerja IT yang agak besar atau ramai, bermakna banyak peluang pekerjaan baru dicipta, satu-satu tandanya baik bagi masa negara dilanda oleh kegawatan ekonomi.

Tuan Yang di-Pertua, sedang kita menuju ke abad ke-21 dan satu alaf baru, ramai masih belum insaf bahawa manusia sedang melangkah ke satu zaman baru. Apa yang saya katakan tadi zaman maklumat atau information age, yang mana saya

kata tadi maklumat akan menjadi satu sumber ekonomi yang pertama. Negara kita telah pun mengambil satu langkah ke arah perkembangan multimedia. Walau bagaimanapun, usaha untuk menjayakan MSC ini masih tidak merangsangkan. Galakan dan insentif istimewa harus ditawarkan untuk memastikan kejayaan projek yang begitu penting untuk membawa negara dan rakyat ke zaman baru. Tekanan MSC sahaja tidak memadai, malahan kerajaan harus kaji semula pelbagai aspek untuk menyedarkan generasi kita untuk menghadapi cabaran zaman maklumat ini. Untuk menjayakan sesuatu projek adalah dua aspek iaitu hardware dan software. Yang ketiga ialah 'human ware', dan yang keempat ialah satu iklim yang sesuai untuk pelaksanaannya. Masalah hardware dan software mungkin tidak begitu rumit, kerana semua boleh diperolehi atau dibeli dengan wang, walaupun harga mungkin tinggi, maka tanggungjawab yang paling penting dalam menggalakkan perkembangan IT terletak pada tenaga manusia atau 'human ware' dan latihan dan bekalan tenaga manusia yang berkualiti dan juga penyediaan satu iklim yang menjamin perkembangan IT yang sihat untuk jangka masa yang panjang.

Tuan Yang di-Pertua, pendidikan itu amatlah penting untuk melatih tenaga manusia di masa akan datang. Untuk menepati permintaan penggunaan IT berpengetahuan di masa akan datang dasar pendidikan harus dikaji semula dan patutlah kalau boleh diubah secara drastik supaya anak-anak kita dilatih menjadi manusia yang menepati permintaan zaman maklumat, berpandangan global, berpengetahuan, fasih dalam aneka bahasa, berfikiran terbuka dan cekap dalam membuat keputusan. Latihan seumpama ini bukanlah setakat di peringkat pengajian tinggi sahaja malah merangkumi semua tahap pendidikan termasuk prasekolah, sekolah rendah, sekolah menengah dan pengajian tinggi.

Perubahan perlu bermula dari tadika kerana itulah masa anak-anak kita yang boleh menguasai berbilang bahasa dengan lebih berkesan dan dengan bimbingan yang betul dari guru. Semua pihak termasuk guru dan pegawai pendidikan harus bekerja sama untuk mencari satu rumusan baru yang mana boleh berdepan dengan cabaran zaman maklumat ini khususnya dasar yang mementingkan satu bahasa sahaja patutlah dikaji semula untuk menggalakkan pelbagai bahasa kerana generasi hadapan akan menghadapi saingan yang hebat dari seluruh dunia.

Selain dari itu, pengambilan pekerja dan pakar asing juga merupakan cara berkesan untuk membekalkan tenaga manusia yang diperlukan. Salah satu sebab industri maklumat Amerika Syarikat giat berkembang kerana ia menarik ramai pakar dari negara lain dan Singapura yang merupakan jiran kita pun telah membuat demikian untuk menarik pakar-pakar dari negara Asian, India dan China dan telah memanfaatkan besar dari perbuatan ini. Maka adalah penting negara kita untuk mengamalkan dasar mengupah asli pakar asing khususnya dalam bidang teknologi maklumat yang boleh diperolehi.

Jadi, kerajaan haruslah lebih liberal untuk mendapat pakar dari Rusia, Kirgistan, China ataupun India dan gaji mereka lebih rendah tetapi kepakaran dalam IT mereka boleh setanding dengan Amerika Syarikat atau Eropah Barat. Dengan hal ini, peruntukan jaminan MSC berkenaan dengan pekerja maklumat ini adalah mustahak. Bagi pencapaian iklim yang baik untuk perkembangan IT dekad baru kerajaan untuk memainkan peranan proaktif sangatlah dialu-alukan. Akan tetapi saranan ini tidak mencukupi setakat janji sahaja. Pelabur dari luar negeri dan termasuk dalam negara akan boleh yakin jika ini dapat dilaksanakan melalui tindakan yang konkrit, maka galakan seperti yang dinyatakan tadi patutlah dijalankan.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong tindakan Kerajaan Malaysia yang mengeluarkan satu perintah menghentikan semua pihak berkuasa tempatan daripada segala tapisan atau censorship atas Internet. Semua langkah-langkah atau tanda-tanda yang merupakan tapisan perlulah dihentikan. Ini termasuk perintah yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa tempatan untuk mendaftarkan nama, alamat dan nombor kad

pengenalan pelanggan atau pengguna-pengguna sebelum ia dibenarkan menjalankan serving di dalam Internet. Komitmen Kerajaan Malaysia dalam hal ini amatlah dialu-alukan. Ini adalah sebab jaminan kerajaan Malaysia bahawa Internet dikecualikan daripada censorship adalah satu jaminan yang mustahak bagi kejayaan Multimedia Super Corridor.

Pihak berkuasa tempatan mempunyai peranan yang penting dalam usaha kerajaan untuk memastikan kejayaan dan pelaksanaan projek-projek MCS seperti saya nyatakan di dalam perbahasan berkenaan MSC dahulu, MSC merupakan dua komponen. Komponen pertama ialah dari segi fizikal ialah tempat atau tanah keluasan 15 kilometer x 50 kilometer termasuk rangkaian fiber optik dan alat peralatan telecommunication yang berkenaan. Komponen yang kedua ialah satu konsep yang 'world tour' tanpa sempadan. Jadi keputusan dan tindakan kerajaan tempatan seperti smart card untuk pengguna-pengguna Internet di kedai Siber atau Cyber Café dan keperluan kedai siber menggunakan peralatan untuk mengawal penggunaan Internet oleh pelanggan di tempat itu boleh dianggap sebagai satu langkah menapis Internet.

Dalam hal ini pihak berkuasa tempatan perlu diberi garis panduan ataupun diberi latihan untuk mencapai satu pelaksanaan garis panduan dalam hal yang berkenaan dengan Internet di kedai siber ini. Memang pihak kerajaan tempatan mempunyai tujuan yang ikhlas untuk menghenti sebaran bahan-bahan lucah dalam Internet. Tetapi pihak berkuasa tempatan perlu mewujudkan program-program atau dasar-dasar yang lebih kreatif untuk mengurangkan kehendak atau keinginan pengguna Internet di rumah atau di kedai siber melawat tempat web site yang mungkin tidak sesuai.

Pendekatan yang lebih bermakna dan kreatif memerlukan kita mewujudkan golongan rakyat Malaysia khususnya pemuda-pemudi yang bertanggungjawab dan berdisiplin yang mempunyai nilai-nilai sosial dan persendirian yang baik. Melalui pendekatan ini barulah kita dapat mempertahankan masyarakat kita daripada serangan bahan-bahan yang tidak sesuai dalam Internet. Semasa kita memerlukan teknologi maklumat, dalam usaha kita menuju ke alaf baru di mana kita yakin rakyat bangsa Malaysia yang berilmu di dalam ekonomi yang berdasarkan maklumat adalah satu keyakinan. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua: Parit Buntar.**

**3.20 ptg.**

**Tuan Abdul Rahman bin Haji Sulaiman [Parit Buntar]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Komponen terakhir dalam Usul yang sedang kita bahaskan ini berbunyi, "*Bahawa dalam meluluskan Kajian Separuh Penggal ini, Dewan yang mulia ini, menyeru semua rakyat Malaysia berusaha lebih gigih dan penuh keazaman ke arah membina satu bangsa yang adil, bersatu padu, maju, berdaya saing serta mempunyai tahap ketahanan yang tinggi selaras dengan cita-cita untuk menjadi sebuah negara maju menjelang tahun 2020.*"

Saya melihat sebenarnya inilah salah satu daripada semangat yang seluruh rakyat Malaysia perlukan, kalau kita ingin keluar daripada kegawatan yang kita hadapi sekarang dan seterusnya cuba mencapai setinggi mungkin objektif yang telah digariskan dalam Rancangan Malaysia Ketujuh ini di peringkat ia mula-mula dirancang.

Dalam mengemukakan Usul ini, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah menggariskan enam cabaran yang sudah pastinya harus disambut bukan sahaja oleh kerajaan tetapi juga seluruh rakyat Malaysia termasuklah sahabat-sahabat kita dari parti pembangkang. Seperti mana yang disebutkan, cabaran itu ialah:

- (i) pengukuhan asas ekonomi makro;

- (ii) peningkatan produktiviti;
- (iii) pemulihan sektor swasta;
- (iv) mengatasi rintangan yang dihadapi oleh sektor-sektor produktif dengan harapan untuk mempertingkatkan penggunaan teknologi dan menyebarkan industri yang berdasarkan kepada pengetahuan;
- (v) pencapaian objektif pengagihan; dan
- (vi) peningkatan kualiti dan taraf hidup.

Jadi, adalah jelas kepada kita bahawa kerajaan menerusi MTEN khususnya telah membuat pelbagai usaha untuk mengeluarkan negara daripada masalah-masalah yang dihadapi berikutan dengan kegawatan ekonomi. Tetapi memang tidak siapa yang inginkan masalah yang kita hadapi sekarang, seperti mana yang disebut oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, apa yang kita hadapi itu adalah memmeranjatkan dan boleh mematikan keyakinan kita dan sebab musabab masalah yang kita hadapi sudah banyak diterangkan sama ada dalam Dewan yang mulia ini, di luar Dewan yang mulia ini, dalam media-media dan sebagainya.

Oleh itu, kita terutama sekali dari barisan penyokong-penyokong kerajaan agak kurang faham kenapa sesetengah pihak terutama parti pembangkang terus menerus menudingkan jari mereka menuduh seolah-olah kerajaanlah yang bertanggungjawab yang mengakibatkan kegawatan yang kita hadapi sekarang.

Saya secara peribadi berasa bersyukur sebab walaupun pelbagai masalah yang telah kita hadapi, namun kita telah berjaya juga mengatasi masalah ini seperti mana yang kita lihat petanda-petanda yang wujud sekarang sama ada melalui perkembangan di BSKL dan sebagainya.

Walau bagaimanapun, seperti yang disebut, hasrat untuk mencapai kadar pertumbuhan sekurang-kurangnya 7% atau 8% setahun sehingga tahun 2020 sebagai satu usaha untuk mencapai matlamat Wawasan 2020 itu memang dari hasil Kajian Separuh Penggal ini agaknya sukar dipenuhi seperti mana yang disebutkan, walaupun di peringkat tahun pertama dan kedua rancangan ini, kadar pertumbuhan agak menggalakkan dalam lingkungan 8.2% tetapi akibat daripada pertumbuhan negatif yang dihadapi pada tahun 1998 dan kadar yang rendah yang diunjurkan pada tahun ini, maka keseluruhan kadar pertumbuhan yang dijangka dapat dicapai keseluruhan Rancangan Malaysia Ketujuh ini hanyalah di sekitar 3%.

Ini sudah tentulah jauh daripada target asal dan memang sesuai seperti mana yang disebutkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, untuk mengatasi masalah ini segala cabaran yang disebutkan itu terutama sekali dari segi meningkatkan produktiviti harus kita buat dan ini bermakna bahawa kalau unjuran bagi keseluruhan rancangan ini hanyalah 3%, kalau kita hendak capai 7% atau 8%, ini bermakna bahawa kita perlu berusaha dua kali ganda daripada apa yang kita buat sekarang untuk mencapai kadar pertumbuhan sebanyak 7% atau 8%, dan ini harus dibuat terus menerus sehinggalah kepada Rancangan Malaysia Kelapan, Kesembilan, Kesepuluh, hinggalah Rancangan Malaysia Yang Kesebelas sehingga tahun 2020.

Ini sebenarnya satu cabaran yang besar. Seperti yang saya sebutkan pada awal-awal tadi ia harus dipikul bersama oleh semua pihak, tidak kira sama ada ia penyokong kerajaan, parti pembangkang, sektor swasta, sektor awam dan sebagainya. Soal produktiviti, yang memang kalau kita bandingkan dengan negara-negara lain, misalnya termasuklah negara-negara jiran, memanglah produktiviti rakyat Malaysia ini sejak akhir-akhir ini sudah menurun dan ini telah banyak diperkatakan.

Saya tidak mempunyai angka untuk dikemukakan tetapi pada hakikatnya produktiviti kita masih boleh ditingkatkan dan kita harus mencari sebab kenapa

agaknyanya ini berlaku. Kalau kita pandang di sekitar kita, kalaulah kita ambil sektor awam misalnya, walaupun pelbagai usaha telah dibuat untuk meningkatkan efisiensi dan produktiviti, tetapi pencapaian setakat ini masih boleh diperbaiki lagi dan mungkin kita harus bertanya kepada diri kita sendiri sama ada kita telah melakukan sesuatu dengan jujur dan ikhlas demi untuk meningkatkan produktiviti kita.

Kita masih mendengar cerita-cerita misalnya pejabat-pejabat kerajaan, kantin-kantin jabatan, kantin-kantin sekolah digunakan untuk berbual-bual kosong yang langsung tidak ada kena mengena dengan tugas dan jawatan masing-masing. Kita masih mendengar cerita-cerita misalnya peralatan sekolah, peralatan pejabat, mesin faks digunakan untuk mencetak bahan-bahan propaganda yang disebarikan melalui Internet dengan menggunakan peralatan kerajaan.

Ini bukan sahaja merupakan satu kesalahan dari segi undang-undang perkhidmatan tetapi tidak langsung menyumbang ke arah peningkatan produktiviti. Jadi, kalau kita betul-betul ikhlas, jujur, kegiatan-kegiatan begini harus kita hentikan. Begitu juga dengan ucapan-ucapan yang terus menerus menghentam, mengkritik pihak-pihak tertentu tanpa sebarang jalan keluar, tanpa sebarang cadangan konkrit untuk memperbaiki keadaan. Ini juga adalah satu pembaziran yang langsung tidak menyumbang ke arah peningkatan produktiviti.

Ada tuduhan-tuduhan yang mengatakan kononnya kerajaan dalam keghairahan untuk memulihkan ekonomi, sudah melupakan objektif nasional. Salah satu perkara yang disebut sama ada secara terang-terang atau secara bisik-bisik ialah semua objektif di bawah Dasar Ekonomi Baru telah dilupakan kerana kerajaan terlalu ghairah untuk mengejar pertumbuhan tanpa mengira faktor-faktor lain.

Sebenarnya daripada kenyataan dan daripada huraian yang dibuat dalam buku Kajian Separuh Penggal ini sudah jelas bahawa pendapat ini meleset dan tidak berasas seperti mana yang digariskan salah satu daripada cabaran ialah untuk meningkatkan pencapaian objektif pengagihan kekayaan dan pembasmian kemiskinan. Ini merupakan salah satu daripada objektif yang digariskan di bawah NEP dan kemudian diteruskan di bawah rancangan pembangunan nasional yang masih diteruskan walaupun sebenarnya kalau kita ambil kira dari segi pulangan yang mungkin diterima daripada perbelanjaan dalam sektor ini, tidaklah sebegitu lumayan kalau kita bandingkan dengan sektor-sektor lain.

Satu lagi petunjuk yang meyakinkan kita bahawa kerajaan tidak berniat dan tidak akan mengabaikan objektif penyusunan semula masyarakat ini ialah tentang penekanan yang disebut dalam teras pembangunan, teras program itu iaitu meningkatkan semula usaha-usaha pembasmian di samping usaha-usaha mengurangkan kemiskinan dan menyusun semula masyarakat, juga digariskan tentang usaha untuk meningkatkan semula sektor pertanian dan luar bandar. Salah satu daripada cara yang diusulkan ialah untuk menggalakkan apa yang disebut, dengan izin, *estatisation of the farming sector*. Sebenarnya, memang kalau kita lihat di seluruh negara termasuklah dalam sektor sawah misalnya, masih banyak lagi saiz tanah kita yang tidak ekonomik, yang terus menerus dikerjakan dan ini sebenarnya bukan sahaja tidak memberi pulangan yang sepatutnya malah merugikan. Kalau kita buat perhitungan, kalau kita buat arithmatic tentang berapa banyak biaya yang dikeluarkan untuk input, berapa hasil, dari satu segi kalau orang yang buat sawah melalui holdings atau saiz sawah yang kecil, ia memang tidak menguntungkan.

Usaha telah dibuat sejak beberapa tahun yang lalu untuk menggalakkan pertanian secara estet ini dengan menggunakan peralatan-peralatan moden, tetapi saya rasa kemajuannya agak malap. Walaupun ada kemajuan tetapi masih lagi kepadatan banyak tanah sawah dan lain-lain tanah pertanian yang diusahakan dan digunakan secara kecil-kecilan. Kalau diambil kira semua input pengeluaran, kalau kita buat banciaan memang kadang-kadang mungkin hasilnya adalah defisit. Tetapi petani-petani

secara kecil-kecilan ini sebenarnya tidak ada pilihan lain, itulah sahaja yang mereka boleh buat, itulah cara mereka mencari pendapatan sejak dahulu sampai sekarang.

Kalau kita hendak memperkenalkan pertanian yang lebih moden, yang memerlukan saiz ataupun skala yang lebih besar, masalah yang sering kita hadapi, ini dari pengalaman saya sendiri, ialah keengganan para petani itu untuk menyerahkan hakmilik tanah mereka kepada satu organisasi atau entiti yang lebih besar, yang boleh mengumpul semua saiz ini untuk diusahakan secara besar-besaran. Kadang-kadang ia melibatkan juga petani-petani sewa. Jadi, kalau kita hendak gunakan tanah yang sedia ada untuk menggalakkan pertanian berskala besar ini, ia mungkin memakan masa yang lama seperti mana pengalaman yang telah kita lalu pada masa-masa yang lalu.

Dalam hubungan ini, saya ingin mencadangkan, sebab dalam negara ini masih terdapat banyak tanah terbiar, kalau menurut tinjauan saya, di kawasan saya sendiri terdapat hampir 1,000 ekar tanah terbiar dan kalau kita ambil kira di tempat-tempat lain mungkin jumlah beribu hektar yang telah terbiar begitu lama tanpa dikerjakan oleh sesiapa.

Ada ura-ura kerajaan-kerajaan negeri yang bercadang untuk mengambil tanah ini menyerah kepada sektor swasta untuk digunakan atau untuk dibangunkan secara moden. Tetapi progress atau kemajuan dalam bidang ini juga tidak begitu menggalakkan. Setengah-setengah kerajaan negeri yang ada inisiatif, sebagai contoh misalnya Kerajaan Negeri Perak, saya dapati telah pun mengorak langkah ke arah ini. Tetapi saya mencadangkan kalau boleh Kerajaan Pusat gunakan peruntukan-peruntukan yang ada di bawah Kanun Tanah Negara meminta kerajaan negeri menyelaraskan kegiatan ini dengan mengambil semula tanah-tanah yang terbiar ini untuk diserahkan kepada pihak-pihak yang berminat untuk dikerjakan secara komersial dan secara moden.

Sebenarnya menurut tinjauan saya, sesetengah daripada tanah-tanah yang terbiar ini kadang-kadang sampai kita tidak tahu tuan empunya. Siapa tuan punya, alamat dia tidak ada, di mana dia. Kadang-kadang sampai berpuluh-puluh tahun tidak pernah bayar cukai tanah. Di bawah peruntukan Kanun Tanah Negara saya difahamkan kalau tuan tanah itu gagal menyempurnakan cukai dalam tempoh-tempoh tertentu pihak berkuasa sudah boleh mengambil alih ataupun merampas semula tanah-tanah itu. Jadi, kenapa dalam keadaan sekarang ini kita tidak boleh buat ini? Sebab kita menghadapi keadaan yang mendesak, jadi suasana yang mendesak sebenarnya memerlukan penyelesaian (solution) yang mendesak juga. Jadi, saya rasa ini satu perkara yang boleh difikirkan mungkin oleh Kementerian Pertanian ataupun oleh ICU di Jabatan Perdana Menteri.

Satu perkara lagi yang ingin saya sentuh ialah tentang saranan kerajaan untuk menghidupkan semula sektor swasta. Ini sebenarnya satu langkah yang mesti, sebab kalau kita lihat apa yang dibuat sekarang ini kita fahamilah sebab kita baru sahaja mahu keluar daripada kegawatan dan memang lojiknya pertumbuhan yang hendak kita capai ini haruslah di'initiate' ataupun dimulakan oleh sektor awam. Saya harap ini hanyalah merupakan langkah awal yang harus diikuti pula oleh sektor swasta dan kita tidak boleh terus-menerus mengharapkan growth kita ini didorong oleh sektor awam. Bagi pihak kerajaan saya rasa apa yang perlu dilakukan sudah dilakukan. Beberapa projek infrastruktur yang pada satu masa dahulu ditangguhkan telah pun di'revive' ataupun dilaksanakan semula atau dikaji semula untuk pelaksanaan. Ini termasuklah projek-projek jalan dan projek-projek pelabuhan.

Jadi, dalam hubungan ini saya ingin memohon supaya diambil kira juga satu cadangan yang telah dikemukakan beberapa tahun dahulu oleh Kerajaan Negeri Perak untuk membina sebuah lapangan terbang untuk kegunaan wilayah utara. Sebenarnya sebidang tanah, saya tidak ingat berapa luas tetapi lebih seribu hektar, telah pun diperuntukkan oleh Kerajaan Perak untuk dibangunkan sebagai salah sebuah lapangan

terbang untuk wilayah utara. Ia terletak di Mukim Bariah di daerah Kerian berhampiran dengan kawasan Parlimen saya. Kerajaan Perak sebenarnya telah pun mengambil alih tanah ini dan sanggup menyerahkan kepada Kerajaan Pusat ataupun sektor swasta yang ingin membangunkan kawasan ini dengan percuma ataupun dengan bayaran yang nominal.

Kawasan ini sebenarnya, Tuan Yang di-Pertua, adalah sesuai untuk dibangunkan sebagai kawasan lapangan terbang sebab ia terletak berhampiran dengan sebuah pusat peranginan yang sedang membangun, juga berhampiran dengan sebuah kawasan industri. Kawasan ini juga merupakan kawasan yang 'terrain'nya, yang tidak berbukit-bukit, kawasan yang datar yang memang sesuai untuk dibangunkan sebagai sebuah lapangan terbang. Walaupun kita dimaklumkan bahawa kerajaan telah memutuskan untuk meletakkan lapangan terbang ini di satu tempat di Kedah yang akan menggunakan kawasan tambakan laut, tetapi ini tidak pula bermakna bahawa sebuah lagi lapangan terbang tidak boleh diwujudkan.

Di tempat yang saya sebutkan tadi iaitu di daerah Kerian untuk kegunaan bukan sahaja oleh rakyat di utara Perak, di Kedah, Pulau Pinang, malah juga di kawasan IMTGT di kawasan Kemajuan Segitiga Utara yang melibatkan Thailand, Indonesia dan utara semenanjung.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak berhajat untuk bercakap lebih daripada itu. Sekali lagi saya mengucapkan terima kasih dan saya menyokong usul ini. Sekian.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]:** Teluk Intan.

3.35 ptg.

**Tuan M. Kulasegaran [Teluk Intan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketujuh (1996 – 2000) menunjukkan bahawa masyarakat India telah mencapai kadar pembangunan tertinggi dari segi pendapatan bulan kasar iaitu 'household income' berbanding dengan masyarakat Cina dan bumiputera. Secara khususnya kaum India merekodkan pertumbuhan yang memberangsangkan, sebanyak 16.3% dalam purata pertumbuhan kasar jauh lebih baik daripada kaum bumiputera iaitu 12.7% dan kaum Cina yang hanya mencapai kadar pertumbuhan sebanyak 13.7%. Syabas kepada kegiatan kerajaan. Tetapi saya rasa perkara ini aneh, satu perkara yang tidak boleh dipercayai oleh masyarakat India. Ini adalah kerana kalau kita keluar dari Dewan ini kita tengok masyarakat India, situasi mereka sangat teruk dan kerajaan hendaklah membuat suatu kajian. Saya rasa tidak boleh diterima akal oleh saya dan ramai masyarakat India, bila saya menyentuh mengenai perkara dan pendapat yang terdapat dalam muka surat lebih kurang tiga ratus lebih ini yang menyatakan performance masyarakat India extraordinary, satu perkara yang tidak boleh diterima.

Jadi, saya pohon agar dengan ciri-ciri atau dengan terperinci beritahu kepada Dewan macam mana asas dan macamanakah boleh dikatakan masyarakat India, dengan izin, substantial success without meaning. Macam mana perkara ini boleh jadi? Saya enggan mengatakan perkara ini, di kawasan saya, untuk mengatakan seorang boleh dapat pendapatan RM1,000.00 sudah terlampau banyak. Tetapi dalam kajian ini - Rompin sudah tahu. Dalam kajian ini dikatakan pendapatan masyarakat India luar bandar adalah RM2,019.00 ini tidak masuk akal.

Tambahan lagi, kajian ini menunjukkan bahawa kaum India bandar merekodkan peningkatan dalam pendapatan sebanyak 16.3% berbanding lain-lain bangsa dan juga masyarakat India luar bandar merekodkan pertambahan sebanyak 16.5%.

Isu-isu yang mustahak adalah, pertama, majoriti daripada penduduk-penduduk luar bandar kaum India adalah pekerja ladang. Pekerja-pekerja ladang di ladang getah memperolehi pendapatan pada kadar maksimum di antara RM400 hingga RM500 sebulan. Pekerja ladang kelapa sawit pula mendapat pendapatan maksimum

sebanyak RM600 - RM700 sebulan. Keluarga yang mempunyai dua pekerja (suami dan isteri) mampu memperolehi pendapatan sejumlah RM800 - RM1,000 sebulan di ladang getah; pekerja di ladang kelapa sawit boleh mendapat sejumlah RM1,200 - RM1,400 sebulan.

Tambahan lagi pekerja ladang tidak dibayar gaji bulanan. Berdasarkan kepada upah (wages) ini, tidak kemungkinan bagi penduduk India luar bandar untuk memperolehi pendapatan sejumlah yang dikatakan dalam Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia, setiap keluarga masyarakat India mempunyai pendapatan sebanyak RM2,019 sebulan seperti yang ditunjukkan. Cadangan bahawa pertambahan pendapatan kaum India di bandar adalah tidak munasabah (preposterous). Apa yang perlu diberi perhatian adalah pekerja ladang kelapa sawit tidak mendapat sebarang faedah dari kenaikan harga kelapa sawit selama satu tahun lalu.

Tuan Yang di-Pertua, sekiranya kajian ini benar, kita boleh mengandaikan bahawa anak-anak yang bekerja yang bersekolah dan kanak-kanak yang mungkin tercicir dari sistem persekolahan telah melibatkan diri untuk menoreh getah dan sebagainya untuk menaikkan pendapatan keluarga sambil menaikkan isu-isu sosial yang lain. Ini bermakna pendapatan isi rumah perlu dibahagikan kepada tiga dan bukannya dua.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu tambahan pula, satu perbandingan antara kaum India dan bumiputera adalah seperti membandingkan apple and orange, dengan izin. Satu bahagian yang besar daripada kaum bumiputera di bandar mempunyai tanah, rumah, syarikat-syarikat kecil dan mendapat subsidi kerajaan dan lain-lain bentuk kemudahan sumber kewangan. Hak milik tanah bumiputera dan pembangunan ekonomi telah menjadi kenyataan sebahagian besarnya melalui Rancangan Penghapusan Kemiskinan Kerajaan. Pendapatan bumiputera dengan ini sepatutnya menggambarkan hak-hak istimewa yang disebutkan di atas.

Secara bandingan ramai dari masyarakat India yang bekerja di ladang-ladang tidak mempunyai tanah atau rumah dan tidak berpeluang mendapatkan subsidi kerajaan malah tiada peluang-peluang untuk perkembangan ekonomi. Jadi, untuk mencadangkan bahawa masyarakat India bandar mencapai keuntungan yang memberangsangkan adalah keseluruhannya tidak mungkin terutamanya jika berbanding dengan kaum bumiputera - di muka surat 72.

Untuk mencadangkan masyarakat India bandar telah mencapai kemajuan yang lebih berbanding daripada kaum lain ....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat Rompin bangun.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd Jarjis:** Ini boleh bacakah, Yang Berhormat, letak kertas di bawah ini.

**Tuan M. Kulasegaran:** Tidak perlu ajar, kalau .....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, bangun minta penjelasan sahaja.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd Jarjis:** Saya minta penjelasan, adakah Yang Berhormat membuat ucapan atau membaca?

**Tuan M. Kulasegaran:** Ini peraturan apa?

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd Jarjis:** Minta penjelasan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, dia minta penjelasan.

**Tuan M. Kulasegaran:** Saya tidak perlu buat penjelasan. Yang ini ....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, kalau tidak bagi laluan, teruskan. Masa berjalan.

**Tuan M. Kulasegaran:** Untuk mencadangkan masyarakat India bandar telah mencapai kemajuan yang lebih berbanding dengan kaum bumiputera bandar adalah pengakuan jelas kegagalan kerajaan dalam polisi pembanterasannya keistimewaan dan dengan itu polisi ini.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, Rompin bangun.

**Tuan M. Kulasegaran:** Penjelasan?

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd Jarjis:** Penjelasan. Saya tertarik dengan perbandingan Yang Berhormat buat, tetapi saya ingat Yang Berhormat sebagai parti DAP perjuangannya, katanyalah perjuangan bangsa Malaysia. Mengapa tidak bandingkan semua kaum? Mengapa Yang Berhormat bandingkan satu kaum bumiputera sahaja. Adakah kerana ini takut kepada kawan-kawan Yang Berhormat di hadapan? Kalau betul-betul kita ini bersemangat bangsa Malaysia, bandingkan semua kaum. Saya rasa semua dapat manfaat di negara ini, tidak begitu manis mengandaikan satu kaum sahaja, kaum lain tertinggal. Saya minta penjelasan sedikit dari Yang Berhormat.

**Tuan M. Kulasegaran:** Kalau Yang Berhormat tidak baca, tengok muka surat 72 - self explanatory. Ini kerana pendapatan isi rumah kaum India telah bertambah tanpa bantuan kerajaan tetapi dari titik peluh masyarakat itu sendiri. Campur tangan kerajaan perlu diganti dengan operasi pasaran bebas. Tuan Yang di-Pertua, pendapatan kaum India bandar dikatakan dari segi kajian yang telah dibuat adalah lebih kurang sebanyak - saya hairan ini lebih, lebih dari pendapatan saya, saya ingat - RM3,289 sebulan. Menurut kajian itu pada tahun 1997, dari jumlah kaum India yang bekerja pada tahun 1995, 74.5% atau 3/4 dari keseluruhan orang India yang bekerja adalah dalam pekerjaan berpendapatan rendah. Pecahan-pecahan sektor adalah guru dan jururawat (2.9%), kerani (10.2%), pekerjaan perkhidmatan (11.5%), pekerjaan jualan (8.6%), seperti yang terkandung dalam muka surat 78.

Bila pula syarikat-syarikat membayar pekerja-pekerja pengeluaran satu jumlah melebihi RM1,500 atau RM2,000? Guru-guru graduan sebagai contoh dibayar dari RM1,800 hingga RM2,000 setelah empat belas tahun berkhidmat dalam profession ini. Dengan ini untuk mencadangkan peningkatan keupayaan memperolehi pendapatan kaum India (earning capacity) adalah tidak benar dan tidak boleh diterima. Sebaliknya apa yang ditunjukkan oleh data ini adalah kaum India menjadi masyarakat kelas pekerja (working class) di mana lebih dari separuh dari masyarakat ini termasuk dalam kelas tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, saya difahamkan, dengan izin, even a master degree holder, pendapatan dia tidak sampai RM3,000. Untuk kajian ini mengatakan ahawa seorang rakyat masyarakat India luar bandar mendapat pendapatan RM3,289 ini, saya rasa tidak boleh dijustifikasikan. Saya rasa ini satu insaf kepada masyarakat India, saya pohon kerajaan memberi dengan jelas macam mana dan apakah asas bahawa pendapatan banyak seperti ini. Kalau kita pergi ke seluruh Kuala Lumpur dan sebagainya, mustahil untuk mendapat pendapatan sebegini.

Merujuk kepada angka-angka yang tidak realistik yang diberi ini, adalah wajar bagi kerajaan untuk membuktikan bagaimana angka-angka ini diperolehi. Tuan Yang di-Pertua, kajian separuh penggal menunjukkan satu trend yang merbahaya, iaitu satu pembahagian harta kekayaan yang memihak kepada orang kaya (pembahagian kekayaan antara golongan ini). Ini telah ditunjukkan di dalam 'Gini coefficient increase' dari 0.462 pada tahun 1995 kepada 0.470% pada tahun 1997. Fenomena 'concentration of wealth' ini nampaknya telah menjadi satu trend kepada semua

rancangan Malaysia. Apakah usaha kerajaan untuk menangani situasi ini ke arah kesaksamaan 'equitable distribution of wealth' dalam Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu sejauh manakah kajian separuh penggal yang diberi dalam masalah ekonomi semasa ini menjadi petunjuk yang boleh dipercayai? Saya ingin berfikir bahawa pendapatan masyarakat India di antara yang dikatakan pelbagai masyarakat telah berubah. Ini adalah kerana krisis ini telah mempengaruhi pelbagai komuniti dan kelas-kelas di dalam komuniti dan pelbagai cara yang berlainan. Begitu juga dengan krisis ekonomi ini dan inflasi, kadar pengangguran telah meningkat.

Tuan Yang di-Pertua, selain dari itu saya juga ingin menyentuh mengenai pembangunan sosial dan alam sekitar. Saya difahamkan di antara strategi kerajaan adalah untuk mendirikan lebih rumah-rumah kos rendah dan rumah-rumah di sekitar negara ini. Baru-baru ini, Tuan Yang di-Pertua, saya difahamkan di Jalan Cochrane, Kuala Lumpur dikatakan lebih 2,000 kakitangan kerajaan telah diusir keluar kerana tempat itu telah diambil alih oleh kerajaan untuk membangunkan tempat itu. Apakah rasionalnya?

Apakah sebab kakitangan kerajaan tidak diberi keutamaan untuk memperolehi tanah-tanah tersebut atau rumah-rumah kos rendah dibina untuk kegunaan mereka.

Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh mengenai pelancongan. Saya difahamkan daripada kajian yang telah dibuat bahawa pendapatan pelancongan sebanyak RM11.3 bilion pada tahun 1996 dan ini akan berkurangan dan akan mencapai setakat RM9.3 bilion pada tahun 1998. Dalam hal ini apakah pertolongan-pertolongan yang akan dibuat oleh kerajaan untuk mengatasi masalah ini.

Saya difahamkan occupancy rate di hotel-hotel di seluruh Malaysia telah menjadi satu situasi yang serius di mana dikatakan 20% atau 30% pun susah tetapi menteri berkenaan baru-baru ini telah pergi ke London dan menyewa bilik sebanyak 600 Pounds satu hari. Beliau sendiri mengaku, 600 Pounds iaitu lebih kurang RM4,200 untuk satu hari. Beliau sendiri mengaku telah berada di hotel tersebut untuk sepuluh hari, bermakna RM42,000 telah digunakan hanya untuk sepuluh hari dan dengan delegasi seramai sepuluh orang bermakna lebih kurang RM420,000 telah digunakan untuk sepuluh orang untuk mengadakan forum di London.

Menteri tersebut sendiri telah mengatakan ini bukannya satu perkara yang luar biasa tetapi berlanjutan setiap kali beliau ke luar negeri. Apakah asas bahawa perkara ini perlukan perbelanjaan sebegitu banyak begini. Apakah sebab beliau perlu pergi ke London setiap kali dan hari ini pun beliau tidak ada di Dewan ini – bukan satu perkara yang luar biasa dan berapa kalikah delegasi seperti ini telah pergi ke London dan sebagainya. Mengikut kajian ini, pelancongan akan jatuh bukan sahaja pada tahun ini tetapi mungkin berlarutan pada tahun hadapan. Apakah rancangan kerajaan selain daripada apa yang dikatakan di dalam kajian ini bahawa ada harapan yang cerah pada tahun hadapan dan sebagainya.

Saya difahamkan bahawa kerajaan telah bersalah membenarkan terlampau banyak hotel didirikan di negara ini tanpa memberi peluang kepada sektor pelancongan supaya kita ada check and balance. Bukan terlampau banyak hotel dibina seperti yang berlaku di Langkawi, ramai di antara peniaga membuat pengaduan mengatakan terlampau banyak hotel telah dibina di Langkawi atas usaha Yang Amat Berhormat Perdana Menteri seorang sahaja yang ada satu tujuan yang lain. Apakah definisi dan apakah keuntungannya kepada masyarakat di Malaysia ini. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]:** Kinabalu.

3.54 ptg.

**Tuan Henrynus Amin [Kinabalu]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya juga ingin mengambil peluang ini untuk membahaskan Mid-Term Review iaitu Rancangan Malaysia Ketujuh. Walau bagaimanapun, dalam tempoh yang singkat diberikan kepada saya, saya hanya ingin menyentuh tentang masalah pendatang asing, kad pengenalan palsu serta beberapa masalah berkaitan dengan pengundi hantu yang sangat berleluasa di negeri Sabah.

Masalah ini sebenarnya bukanlah suatu perkara yang baru, malah suatu masa dahulu, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri pernah mengakui bahawa masalah pendatang haram atau pendatang asing di negeri Sabah sudah sampai ke tahap yang amat membimbangkan. Selain daripada itu, masalah ini juga sudah berkali-kali disuarakan oleh pemimpin-pemimpin politik tempatan dari Sabah khususnya daripada Parti Bersatu Sabah dan ia juga sering ditimbulkan di Dewan yang mulia ini. Jaminan telah diberikan oleh pihak Kerajaan Persekutuan untuk menyelesaikan masalah ini secara menyeluruh.

Malang sekali, Tuan Yang di-Pertua, masalah ini saya nampak seolah-olah tidak ada penyelesaian. Semakin hari semakin merunsingkan dan apa yang menyedihkan saya dan seluruh penduduk negeri Sabah – Tuan Yang di-Pertua, dalam jawapan kepada ucapan penggulungan, saya fikir kalau tidak silap pada minggu yang lalu daripada Menteri di Jabatan Perdana Menteri, beliau telah mengatakan bahawa beliau telah menafikan bahawa adanya pengundi hantu yang telah mengundi di dalam Pilihanraya Negeri Sabah. Beliau juga telah menafikan ada pemindahan pengundi oleh SPR di negeri Sabah dan juga ada nama-nama di dalam daftar pemilih yang telah dikeluarkan tanpa pengetahuan pengundi-pengundi. Oleh sebab itu, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk membangkitkan soal-soal ini di dalam Dewan yang mulia ini supaya satu tindakan yang wajar dapat diadakan untuk menyelesaikan masalah ini.

Tuan Yang di-Pertua, satu cadangan saya sebelum saya pergi kepada hujah-hujah saya adalah untuk memastikan sama ada benar-benar tidak ada pengundi hantu di negeri Sabah, untuk memastikan sama ada benar-benar tidak ada kad pengenalan palsu di negeri Sabah, untuk memastikan sama ada tidak ada sindiket haram yang telah memindahkan nama-nama pengundi dari satu tempat ke tempat yang lain. Saya mencadangkan supaya diadakan satu Suruhanjaya Siasatan Diraja (Royal Commission Enquiry) untuk mengkaji, menyiasat dan melaporkan perkara ini kepada Dewan yang mulia ini, barulah kita akan berpuas hati bahawa memanglah keputusan itu satu keputusan yang terhasil daripada kajian yang menyeluruh. Tetapi daripada jawapan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tuan Yang di-Pertua, kita kesal dan amat sedih oleh kerana kenyataan itu adalah kenyataan yang disampaikan di dalam Dewan ini tanpa kajian, penyiasatan dan penyelidikan.

Oleh kerana kita mempunyai bukti, Parti Bersatu Sabah telah berkali-kali menyampaikan bukti di Dewan yang mulia ini, telah menyampaikan memorandum kepada SPR, malah kami telah menyuarakan di dalam surat khabar. Kami telah menyuarakan itu kepada pihak antarabangsa melalui surat-surat khabar antarabangsa kerana keinginan supaya melalui Dewan yang mulia ini, Kerajaan Persekutuan mengambil tindakan yang wajar untuk menyelesaikan masalah ini.

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini ada satu buku iaitu *IC Palsu Merampas Hak Anak Sabah* telah ditulis oleh seorang bernama Md. Mutalib dan satu laporan polis telah dilakukan terhadap buku ini mengenai IC palsu. Saya sendiri telah membaca buku ini yang telah mencatat secara terperinci bagaimana pendatang-pendatang asing dengan mudah sekali boleh mendapat kad pengenalan dan boleh pula mendaftar sebagai pemilih dan boleh juga menjadi ahli dalam parti-parti politik tertentu.

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini – saya berani mengatakan di sini, ramai di antara mereka yang telah mendaftar sebagai pengundi daripada pendatang asing telah mengundi di negeri Sabah. Kita minta perkara ini disiasat. Kenapa pula seorang menteri harus menjawab seolah-olah perkara ini tidak berlaku – menjawab dengan senang begitu sahaja, tidak ada pengakuan sama sekali! Adakah ini satu jawapan yang sistematik?

Pernah di luar sana saya melaporkan di dalam Dewan ini, seorang menteri pernah mengatakan....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, Sipitang bangun.

**Tuan Henrynus Amin:** Silakan.

**Datuk Dr. Haji Mohd Yusof bin Haji Yacob:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya minta penjelasan daripada rakan saya dari Kinabalu. Saya juga membaca buku tersebut. Apakah Yang Berhormat dari Kinabalu bersetuju bahawa buku itu mirip-mirip di 'sponsor' oleh PBS. Kalaulah perkara itu betul, kenapa tidak sama-sama PBS juga membuat laporan polis seperti yang dibuat oleh SUPP supaya perkara ini sama-sama kita tangani untuk menyelesaikan masalah. Terima kasih.

**Tuan Henrynus Amin:** Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, sama ada di 'sponsor' oleh PBS atau di 'sponsor' oleh UMNO atau mana-mana parti, tidak penting, Tuan Yang di-Pertua. Yang penting bahawa seorang penulis dengan berani tampil ke hadapan untuk mendedahkan masalah ini, yang dinafikan oleh seorang menteri, yang dinafikan di dalam Dewan yang mulia ini, dinafikan oleh kakitangan-kakitangan kerajaan yang terlibat untuk menangani masalah pendatang asing dan beliau mengatakan kenapa PBS tidak membuat laporan polis. I put it on record, Tuan Yang di-Pertua, kita telah berkali-kali membuat laporan polis, kita telah berkali-kali bersuara di dalam Dewan yang mulia ini. Kalau terpaksa untuk mendapatkan satu juta tandatangan di Sabah, kita berani melakukan, kalau inilah yang dapat membangunkan atau membuka mata menteri yang berkenaan untuk mengambil tindakan menyelesaikan masalah di negeri Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, penduduk negeri Sabah hanya 1.8 milion. Dalam statistik daripada IDS ada 800,000 pendatang asing di negeri Sabah, ertinya setiap empat orang penduduk negeri Sabah, seorang adalah daripada pendatang asing. Adakah kerajaan masih mengakui bahawa masalah ini tidak wujud? Adakah kerajaan masih mengakui bahawa masalah kad pengenalan palsu ini tidak wujud? Adakah Kerajaan Malaysia akan berdiam diri, tidak melakukan apa-apa dan terus menafikan masalah ini di Dewan yang mulia ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, Libaran bangun ya.

**Tuan Henrynus Amin:** Persilakan.

**Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman:** Saya cuma mohon penjelasan. Adakah Yang Berhormat sedar bahawa pihak polis sedang menyiasat tentang buku ini? Jika Yang Berhormat tidak sedar maka saya beritahu Yang Berhormat bahawa pihak polis sedang menyiasat tentang buku ini.

**Tuan Henrynus Amin:** Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, saya mengakui laporan polis telah dilakukan mengenai buku ini, saya mengakui dan polis telah mengatakan hari kelmarin dalam surat khabar telah memulakan penyiasatan. Saya mengatakan di dalam Dewan yang mulia ini, Tuan Yang di-Pertua, tidak cukup, tidak memuaskan hati oleh kerana kenyataan seorang menteri yang menafikan pada minggu yang lalu. Oleh sebab itu, Tuan Yang di-Pertua, saya berdiri di sini, saya minta dan merayu sebagai rakyat Malaysia, sebagai anak watan di negeri Sabah supaya menteri

jangan menafikan masalah ini wujud bagi pihak Kerajaan Malaysia - Menteri tidak ada di sini. Kalau pun setengah, even if, half the content of the book is true, I challenge all the ministers to resign.

Tuan Yang di-Pertua, kalau betul, oleh kerana mereka telah mengabaikan tanggungjawab untuk mempertahankan kedaulatan negara, untuk mempertahankan the territorial integrity of the country, membiarkan negeri Sabah, Tuan Yang di-Pertua, dimasuki pendatang asing dengan sewenang-wenangnya, di manakah tanggungjawab Kerajaan Persekutuan?

Tuan Yang di-Pertua, apabila Sabah telah menyertai gagasan Malaysia dalam tahun 1963, kita telah menyertai bukan faktor ekonomi. Persilakan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat dari Sipitang.

**Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob [Sipitang]:** Saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat dari Kinabalu. Apakah Yang Berhormat sedar bahawa selama ini kita memang mengakui bahawa wujudnya sindiket kad pengenalan palsu. Buktinya kalau pun orang yang terlibat telah pun ditangkap dan dimasukkan ke dalam tahanan ISA dan siasatan sentiasa dibuat supaya perkara seperti ini tidak berlaku, tetapi apakah juga peranan parti pembangkang PBS supaya sindiket-sindiket ini dapat dihapuskan dan tidak ada orang-orang yang menyokong PBS di Sabah yang juga sama-sama memelihara ataupun menggunakan pendatang-pendatang asing ini untuk mengaut keuntungan dalam keadaan yang sebegini?

**Tuan Henrynus Amin:** Tuan Yang di-Pertua, kawan baik saya dari Sipitang mengatakan baru-baru ini ada tangkapan di bawah ISA. Terima kasih kerana polis telah menangkap di bawah ISA, tetapi adakah tangkapan di bawah ISA itu sudah memadai? Apa yang terjadi sekarang? Apa yang saya mahu cabar kepada kerajaan, bawa mereka ini di mahkamah supaya segala bukti ini dapat didedahkan kepada publik. Kalau boleh biarlah pihak antarabangsa dapat melihat.

Saya ingin sambung, Tuan Yang di-Pertua. Kita masuk dalam gagasan Malaysia pada tahun 1963 bukan kerana faktor ekonomi. Kita masuk adalah kerana faktor keselamatan, takut kepada tuntutan Filipina terhadap negeri Sabah, takut kepada konfrantasi Indonesia dengan negeri Sabah. Oleh sebab itu, pemimpin-pemimpin negeri Sabah pada waktu itu bersetuju untuk menyertai gagasan Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, kita takut orang asing akan datang ke negeri Sabah, kita begitu terlalu takut sehingga kita minta kuasa imigresen supaya orang-orang Semenanjung sendiri pun tidak akan membanjiri negeri Sabah. Tetapi pada hari ini Tuan Yang di-Pertua, 800,000 orang di negeri Sabah ini menduduki bumi Sabah dan daripada mereka berapa orang yang mempunyai pasport. Yang lainnya pendatang asing yang sudah menganggap negeri Sabah itu sebagai negerinya, yang sudah menganggap bahawa dia juga mempunyai hak bumiputera, oleh kerana dia mempunyai kad pengenalan berwarna biru dan sekarang ini pula kad pengenalan bermutu tinggi yang dipanggil kad bunga raya.

Tuan Yang di-Pertua, ramai pula yang sudah mendaftar sebagai pemilih dan sebahagian daripada kawasan-kawasan, keputusannya ditentukan oleh bukan rakyat tempatan tetapi ditentukan oleh pendatang-pendatang asing yang sudah menganggap diri mereka sebagai rakyat tempatan. Malah tidak menghairankan 30,000 kata pegawai pendidikan pada suatu masa dahulu, pelajar-pelajar daripada pendatang asing dan ada juga yang cuba menjadi guru, askar dan ramai lagi Tuan Yang di-Pertua menjadi ahli politik. Tidak menghairankan pada saat ini sekali pun dalam Dewan Undangan Negeri Sabah ada pendatang asing, pada suatu masa dahulu pemegang kad pengenalan merah, sekarang sudah jadi Yang Berhormat. Apa akan terjadi kepada nasib rakyat Malaysia di negeri Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak berpuas hati dengan jawapan yang diberikan oleh menteri di Jabatan Perdana Menteri, seolah-olah beliau memperkecilkan usaha rakyat negeri Sabah bukan sahaja daripada parti pembangkang, tetapi juga daripada kerajaan yang membuat laporan polis adalah seorang menteri daripada Barisan Nasional. Yang berucap pada minggu-minggu yang lalu juga seorang ahli Parlimen daripada Barisan Nasional. Terima kasih, oleh kerana ada kesedaran, tetapi adakah beliau menafikan bahawa ada bukti-bukti pendatang asing yang telah memiliki kad pengenalan secara haram juga telah mengundi dan menentukan arah keputusan pilihan raya negeri Sabah baru-baru ini. Beliau juga menafikan tidak ada pemindahan beramai-ramai.

Tuan Yang di-Pertua, salah satu kawasan pemindahan beramai-ramai yang paling banyak adalah di kawasan Ranau. Tiba-tiba daripada 10,000 pengundi pada tahun 1994 melonjak hampir 15,000 pada tahun 1999. Kami telah membuat bantahan, penyiasatan dan mendapati 21 daripada mereka kononnya memohon pindah undi tidak ada tandatangan. Kami juga dapati bahawa kebanyakan di antara permohonan, ratusan tidak ada alamat, ada yang tidak ada saksi tetapi bantahan telah ditolak oleh SPR dengan sewenang-wenangnya.

Tuan Yang di-Pertua, orang-orang yang terlibat telah dipindahkan - saya mempunyai rekod di hadapan saya dan telah membuat laporan polis, tetapi sampai sekarang tidak ada penyiasatan sebab tidak ada keputusan. Kita membuat laporan polis oleh kerana orang yang dipindahkan mengakui dia telah dipindahkan tanpa pengetahuan dia dan minta keadilan supaya perkara itu disiasat. Tidak ada penyiasatan dan saya sendiri telah membuat laporan polis kalau tidak silap dalam tahun 1997. Saya sendiri pergi ke police station di Kota Kinabalu melaporkan bahawa kenapa permohonan yang pindah mengundi yang tidak bertandatangan telah diluluskan oleh pegawai SPR, Ranau untuk disampaikan kepada SPR dan sekarang ini sah sebagai pengundi-pengundi yang telah berpindah. Akibatnya, Tuan Yang di-Pertua, kucar kacir.

Kempen baru-baru ini melihatkan calon dari Barisan Nasional terpaksa melawat di kawasan-kawasan lain di mana ramai pengundi yang telah dipindahkan. Tujuan dia adalah suatu konspirasi untuk mengubah keputusan bagi kawasan-kawasan tertentu. Saya cabar kepada menteri berkenaan untuk membuat penyiasatan di kawasan Ranau, Kundasang dan juga di kawasan Tambunan, Bingkor di mana pemindahan secara besar-besaran telah berlaku. Saya amat hairan SPR, apabila saya telah menghadiri satu perjumpaan untuk menghantar memorandum kepada SPR, saya juga telah membangkitkan perkara ini kepada SPR tetapi seolah-olah discrepancy, irregularities itu tidak menarik perhatian mereka.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat ...

**Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman:** Saya cuma ingin memohon penjelasan, semasa kerajaan PBS memerintah dulu, apakah tindakan yang mereka ambil terhadap isu ini? Tadi sahabat saya ada bercakap bahawa dia mengucapkan terima kasih kerana kerajaan Barisan Nasional memang peka. Kita telah mengadakan operasi besar-besaran, operasinya bersepadu untuk mengatasi isu ini dan beliau juga telah berkata tadi bahawa kawasan Tambunan, Bingkor dan Ranau. Kedua-dua kawasan ini menang dalam pilihan raya baru-baru ini, cuma kawasan Yang Berhormat sahaja kalah. Jadi, adakah sebab Yang Berhormat tewas di pilihan raya ini Yang Berhormat begitu marah pada hari ini. Saya bersetuju, memang kerajaan telah mengambil tindakan.

**Tuan Henrynus Amin:** Beliau berucap, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat nanti dulu, saya akan beri.....

**Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman:** Ada pegawai-pegawai pendaftaran yang ditangkap dan sebagainya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, cuba padatkan soalan.

**Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman:** Ya, saya cuma mohon penjelasan bahawa kerajaan yang ada pada hari ini juga telah pun mengambil tindakan yang amat berat dan memastikan bahawa perkara-perkara yang disebut tidak timbul. Adakah Yang Berhormat dari Kinabalu bersetuju?

**Tuan Henrynus Amin:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak bersetuju oleh kerana saya tidak puas hati dengan apa tindakan yang ada sekarang ini. Beliau mengatakan apa yang telah dilakukan oleh PBS semasa memerintah. Saya ingin ingatkan kepada Ahli Yang Berhormat daripada Libaran bahawa masalah tanggungjawab tentang pendatang asing, kad pengenalan palsu adalah dalam bidang kuasa Kerajaan Persekutuan, polis, pendaftaran dan imigresen. Ini bukan di bawah bidang kuasa kerajaan negeri. Jadi, apa yang kita lakukan adalah untuk membangkitkan hal ini dalam forum-forum, saluran-saluran yang betul terutamanya di Dewan Rakyat ini, Dewan Undangan Negeri dan juga di dalam seminar-seminar dan banyak lagi saluran-saluran lain termasuk menulis memorandum kepada Kerajaan Persekutuan untuk menangani masalah ini.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang amat dikesalkan adalah kenyataan daripada Menteri di Jabatan Perdana Menteri yang jelas menafikan perkara ini berlaku. Saya ingin tanya kepada menteri berkenaan, di mana Kertas Putih dibentangkan dalam Dewan ini. Bilakah siasatan telah dilakukan? Ataupun adakah itu hanya kenyataan yang biasa, yang sudah diatur khas. Pernah di luar Dewan dulu Menteri itu mengatakan kepada saya, "Yang Berhormat, walau macam mana pun engkau bawa bukti, 'inside' kita tidak akan mengakui masalah ini". Adakah ini sikap pihak kerajaan terhadap satu masalah yang kini menggugat keselamatan negara. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin ingatkan kepada Dewan yang mulia ini tentang apa yang berlaku di kawasan di Borneo ini. Perkara ini amat sensitif, perkara ini amat merbahaya kalau dibiarkan.

Jadi sebagai rakyat Malaysia yang sayangkan keamanan, sebagai rakyat Malaysia yang inginkan bahawa kita terus hidup dalam aman dan damai kita merayu kepada Kerajaan Persekutuan untuk mengambil tindakan dan tindakan yang kita mahu cadangkan di sini adalah pembentukan Royal Commission of Inquiry ataupun Suruhanjaya Siasatan Diraja yang melibatkan daripada bukan sahaja bekas-bekas hakim tetapi juga kemungkinan badan-badan bukan kerajaan dan juga ahli-ahli parti bukan sahaja kerajaan tetapi juga pembangkang supaya kita boleh tangani masalah ini sampai ke akar umbinya.

Tuan Yang di-Pertua, selagi ada tindakan kita lihat, kita tidak akan berpuas hati, selagi masalah ini ada kita akan terus bersuara oleh kerana kita telah melihat dengan mata kepala kita sendiri bagaimana pendatang asing sudah mulai menggugat kehidupan, bukan sahaja ekonomi tetapi kini politik, sosial dan budaya negeri Sabah. Sehingga kalau kita tengok panggung wayang, paling laku adalah wayang dari Philippines dan wayang dari Indonesia. Sampai orang bercakap pun seolah-olah seperti loghat orang Indonesia, ramai orang yang datang berjumpa kita belum pandai bercakap bahasa Malaysia, mempunyai loghat orang asing tetapi menunjukkan kad pengenalan berwarna biru ataupun 'bunga raya' dan mengundi pula, datang mengatakan, "*Kalau kau beri kami duit, kami boleh undi begini*", ramai.

Tuan Yang di-Pertua, kemungkinan saya tidak tahu, ini Presiden yang akan merasakan bahawa election petisyen akan dibuat, ini disebabkan kita berpendapat bahawa banyak irregularities yang telah berlaku di negeri Sabah dalam pilihan raya baru-baru ini mengenai dengan pendatang asing, kad pengenalan palsu dan pengundi

hantu dalam daftar pemilih. Oleh sebab itu, saya merayu, sudah tiga, empat kali saya merayu kepada Menteri di Jabatan Perdana Menteri supaya beliau meminta maaf kepada Dewan ini, minta maaf kepada rakyat negeri Sabah tentang kenyataan yang beliau telah katakan dan mengambil tindakan melaporkan kepada Dewan ini, melaporkan kepada Perdana Menteri terutamanya Menteri Dalam Negeri supaya tindakan harus diambil tentang perkara ini dan saya ingin ingatkan, banyak laporan polis yang telah dilakukan sebelum ini, bukan sahaja laporan polis oleh seorang menteri dari Barisan Nasional, tidak tetapi laporan-laporan polis daripada orang biasa yang ingin masalah ini diselesaikan, disiasat. Kita tidak berpuas hati dengan tangkapan ISA, saya tidak tahu apa dia buat di ISA, malah ada orang menyatakan, "*Kami sudah diminta tulis, kami sudah tulis lapor semua tetapi tidak ada tindakan*", apa dia buat di Kamunting, saya tidak tahu, mungkin tidur, makan sahaja. Apa yang kita mahu ialah bawa perkara ini kepada mahkamah supaya dalang yang sebenarnya akan kita tahu, siapa sebenarnya dalang, sama ada, ada konspirasi sampai ke atas, kita perlu siasat.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, Libaran bangun tetapi saya hendak ingatkan Yang Berhormat .....

**Tuan Henrynus Amin:** Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana masa begitu terhad .....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, nanti dahulu, masa Yang Berhormat sudah suntuk ya, Yang Berhormat.

**Tuan Henrynus Amin:** Saya ingin gulung, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, pada pendapat saya, oleh kerana kehadiran 800,000 pendatang asing di negeri Sabah dan juga bukti-bukti bahawa banyak pendatang asing yang telah memiliki kad pengenalan palsu dan mengundi di negeri Sabah. Saya dapat simpulkan bahawa Kerajaan Persekutuan sebenarnya telah gagal untuk menghormati janji yang telah diberikan kepada rakyat di negeri Sabah dalam tahun 1963 untuk mempertahankan keselamatan negeri Sabah dan juga kedaulatan rakyat Malaysia di negeri Sabah dan juga 'the territorial integrity of the state' untuk menjamin semuanya ini. Oleh sebab itu, kesabaran semakin pupus, 'patient is running out', rakyat marah, rakyat merayu supaya ada tindakan daripada pihak kerajaan. Adakah kerajaan akan bertindak dengan cepat, dengan hanya ucapan di sini ataupun kerajaan menunggu kepada kita untuk memulakan 'must signature campaign', membuktikan bahawa rakyat negeri Sabah minta supaya Kerajaan Persekutuan akan bertindak dan kalau kerajaan mahukan itu, kita bila-bila boleh buat 200,000, 500,000 rakyat Sabah untuk menandatangani surat rayuan ataupun petisyen kepada kerajaan untuk menubuhkan Royal Commission of Inquiry dan .....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, masa Yang Berhormat sudah habis.

**Tuan Henrynus Amin:** .....sebagai akhir kata, saya minta juga supaya buku ini '*IC Palsu Merampas Hak Anak Sabah*' [*Sambil menunjukkan buku tersebut*]. Laporan polis oleh seorang pemimpin Barisan Nasional melaporkan seolah-olah penulisnya yang disiasat tetapi kita sebagai parti pembangkang meminta supaya kandungannya yang disiasat dan tidak cukup untuk ini sahaja, oleh kerana ini hanya di Lahad Datu, kita minta siasatan keseluruhan di negeri Sabah tetapi siasatan pihak polis setakat ini tidak cukup, kita juga insist the Royal Commission of Inquiry dan kita akan menanti hari demi hari bilakah Royal Commission of Inquiry itu akan dilantik oleh Kerajaan Barisan Nasional atau Kerajaan Persekutuan.

Tuan Yang di-Pertua, sekian dan terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]:** Sipitang.

**4.16 ptg.**

**Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob [Sipitang]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil bahagian dalam perbahasan ini. Keadaan sekarang ini memaksa kita mengubah semula atau mengkaji semula dasar pertanian kita seperti yang digariskan dalam buku Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketujuh. Sebenarnya apa yang kita hadapi sekarang, kita adalah negara pertanian yang boleh dikembangkan tetapi kerajaan nampaknya mempunyai pelbagai halangan yang ditekankan adalah soal kekurangan tanah yang sesuai untuk mengembangkan pertanian dan baru-baru ini juga telah pun dikaji semula Dasar Pertanian Negara menjadikan DPN kepada DPN3, ini ditekankan tentang produktiviti dalam pertanian iaitu soal teknik baru, misalnya torehan getah dan juga penjimatan buruh.

Tuan Yang di-Pertua, dari segi produktiviti ini kita memang tahu sekarang bahawa pertanian di kampung-kampung khususnya di luar bandar memang dari segi produktiviti adalah rendah tetapi apakah rancangan kerajaan untuk mempertingkatkan produktiviti di peringkat luar bandar ini. Beberapa teknik baru, contohnya torehan getah. Saya ada membaca di surat khabar, teknik baru yang tidak payah menoreh, cuma menusuk ke batang getah akan mengeluarkan susu getah tetapi teknik ini cuma sebagai satu cerita di peringkat kajian dan kalau kita pergi ke kampung-kampung, masih juga orang-orang di kampung-kampung ini menggunakan teknik lama, pisau penoreh yang lama tanpa ada pengajaran ataupun pemindahan teknologi secara sistematik kepada pekebun-pekebun kecil supaya mereka boleh mengubah cara mereka menoreh ataupun teknik baru supaya pendapatan mereka bertambah dan juga penjimatan buruh. Jadi, kita berharap kerajaan dapat mengatur supaya ini dapat dilaksanakan.

Mengenai dengan produktiviti yang lain, contohnya dalam sektor perikanan, beberapa perancangan telah dibuat untuk menambah produktiviti seperti ikan dalam sangkar tetapi ini juga kita mendapat kepincangan bahawa penglibatan penduduk di luar bandar adalah terhad. Jadi, kita minta penjelasan daripada kementerian apakah rancangan-rancangan dan berapakah peruntukan yang dikhususkan untuk mengembangkan teknik-teknik baru ini supaya penduduk luar bandar yang kebanyakannya masih miskin dapat menimba ilmu ini untuk mereka praktikkan.

Kita sekarang ini masih lagi mengimport barang-barang asas pertanian contohnya mesin dan juga baja ataupun makanan-makanan ternakan. Apakah rancangan kerajaan untuk mengkaji hal ini supaya barangan baja, barangan makanan ternakan ini dapat kita keluarkan sendiri secara besar-besaran supaya kita tidak bergantung kepada bahan-bahan import daripada luar negara dan bolehkah kita mengkaji kandungan bahan-bahan makanan ternak ataupun makanan haiwan ataupun ikan supaya disesuaikan kandungannya ini dengan barangan-barangan yang boleh kita keluarkan di negara kita sendiri.

Apa yang kita lihat bahawa barangan-barangan makanan-makanan ternak ini terdiri daripada protin, sumber ikan dan juga lain-lain bahan dan juga bijiran misalannya jagung. Kita memikirkan bahawa jagung cuma hidup di negara-negara Amerika, Australia dan juga Afrika. Apakah kita tidak ada kajian bahawa kita boleh bertanam jagung secara luas mengikut iklim negara kita sendiri yang sesuai supaya ia boleh dijadikan bahan makanan ataupun ada bahan-bahan lain yang ada di negara kita, contohnya sekoi, bahan-bahan daripada kelapa sawit, kelapa dan sebagainya yang boleh kita ubah menjadi makanan ternak ini untuk dibekalkan kepada petani-petani ataupun dijual di negara ini dengan harga yang lebih murah dan ini mengurangkan pergantungan kita kepada import daripada negara luar.

Bagi sumber protin apakah kerajaan ada membuat kajian bahawa apakah kandungan komposisi bahan makanan-makanan ternak ini untuk lembu, kerbau dan kambing dan juga makanan ikan yang kita import itu. Salah satu kandungan ialah

protin dan protin ini yang murah adalah bersumber daripada ikan. Apakah kerajaan tidak bercadang kita mempunyai ternakan ikan yang cepat membiak dan murah yang kita letak sahaja di mana-mana kolam ia boleh membiak dengan cepat tanpa makanan yang begitu mahal. Contohnya ikan talapia, salah satu ikan yang boleh kita ternak di mana-mana sahaja, kalau kita lihat di Sabah dan Sarawak, asal ada kolam atau longkang adalah ikan talapia yang boleh hidup dan bolehkah kita proses ikan talapia ini secara besar-besaran sebagai sumber protin makanan kepada binatang ternakan ataupun untuk campuran bahan-bahan lain.

Saya ingat perkara ini lebih murah daripada kita mengimort daripada negara luar yang secara keseluruhannya akan meninggikan atau menaikkan tukaran asing kita. Saya berharap kementerian dapat mengkaji dan kita mohon supaya kementerian memberi penjelasan sedikit mengenai rancangan-rancangan positif untuk menurunkan harga bahan-bahan makanan untuk binatang ternakan seperti lembu, kambing dan juga ikan dalam sangkar ataupun makan udang yang mana sekarang ini masalah yang dihadapi oleh pengusaha-pengusaha ternakan udang ini kos mereka meningkat kerana harga bahan makanan udang dan ikan ini juga meningkat.

Tuan Yang di-Pertua, perkara kedua yang saya ingin katakan ialah mengenai infrastruktur untuk membangunkan ataupun mempercepatkan pertumbuhan ekonomi negara kita. Kalau kita lihat bahawa di Semenanjung sekarang ini, jalan-jalan telah dibina, dua hari lepas saya melawat ke Grik, jalan tembus ke mana-mana sahaja, walaupun jalan kampung tetapi elok dan baik. Di sepanjang jalan itu terdapat banyak kampung baru, banyak tanaman-tanaman, banyaklah juga pusat-pusat pertumbuhan ekonomi yang boleh dimanfaatkan ataupun tempat-tempat pelancongan, restoran-restoran tepi tasik, di perlerengan gunung dan sebagainya.

Jadi, untuk mempercepatkan lagi proses ini saya melihat bahawa perkara ini juga perlu kita buat di seluruh Malaysia terutama sekali di Sabah dan Sarawak. Jadi, berapakah peruntukan Jabatan Perdana Menteri ataupun Jabatan Kerja Raya memperuntukkan untuk membuat jalan-jalan baru yang utama di seluruh Malaysia dan berapakah juga jalan-jalan baru yang akan dibuat di Sabah dan Sarawak khususnya jalan-jalan yang menghubungkan daerah-daerah ataupun merentasi kawasan-kawasan yang berpotensi ekonomi. Maksud saya di sini ialah jalan-jalan yang kita bina di lereng-lereng gunung kawasan pedalaman di mana kawasan tersebut mempunyai potensi pembangunan dari segi pertanian dan pelancongan.

Jadi, inilah yang kita minta, ini kawasan pembangunan mesti dia setuju oleh Yang Berhormat dari Kinabalu dan Tambunan. Kita minta jalan yang baik, kita boleh pusing seluruh Sabah dan Sarawak mengikut mana-mana hala sekalipun. Sekarang ini kira susah, kalau kita ingin berpusing daripada Sipitang ke Kota Kinabalu ke Kudat, mati di situ sahaja dan kita patah balik ke bawah baru kita ke Sandakan. Kalau boleh kita minta kerajaan atau Jabatan Kerja Raya mengkaji kalau boleh jalan dari Kota Kinabalu pusing sampai ke Kudat, daripada Kudat ke Kota Marudu-Pitas, daripada Pitas terus ke Beluran melalui kawasan-kawasan. Kemudian daripada situ terus ke Sandakan, Lahad Datu, Tawau yang ada sekarang dan daripada Tawau disambung terus ke Sepulut, Pensiangan dan pusing lagi ke Tambunan dan daripada Keningau...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]:** Ya, Yang Berhormat ada dua orang peminat di sini.

**Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob:** Dia berminat Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]:** Ya, Tenom dulu.

**Tuan Radin Malleh:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih dan terima kasih Yang Berhormat dari Sipitang. Ingin penjelasan sedikit, adakah kenyataan ataupun rayuan beliau itu suatu pengakuan bahawa Kerajaan Barisan Nasional di Sabah belum lagi menunaikan janji-janjinya dalam pilihan raya pada tahun 1994 di mana Kerajaan

Barisan Nasional negeri akan membina satu rangkaian jalan raya di Sabah 2,000 batu menjelang tahun 2000, ini tidak sampai satu tahun, Tuan Yang di-Pertua. Minta penjelasan, terima kasih.

**Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob:** Tenom berminat, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin memberi penjelasan di sini bahawa Kerajaan Barisan Nasional telah pun melaksanakan tanggungjawab beberapa projek besar, janji-janji pilihan raya 1994-1995 telah pun dilaksanakan. Salah satu ialah Universiti Sabah (UMS) dan lebuh raya daripada Inanam ke Tuaran, Tuaran ke Kota Belud dan banyak lagi yang lain.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin) *mempengerusikan Mesyuarat*]

Kerajaan Barisan Nasional juga telah pun melaksanakan banyak projek tetapi yang kita mahu banyak lagi dan keupayaan Barisan Nasional yang begitu baik kita mahu banyak lagi. Salah satu yang dikatakan oleh rakan kita daripada Tenom tadi janji Barisan Nasional untuk membina jalan 2,000 kilometer, ia ada silap sedikit, Tuan Yang di-Pertua, ini kita sambung jalan pendek-pendek yang tiga kilometer, lima kilometer yang akan dibuat juga dan ini telah pun dilaksanakan. Kalau satu-satu daerah contohnya 100 kilometer, jumlah keseluruhannya memang mencapai 2,000 kilometer. Yang saya maksudkan di sini ialah....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ya, Kinabalu bangun, Yang Berhormat.

**Tuan Henrynus Amin:** Terima kasih, sebelum saya bertanya, adakah Ahli Yang Berhormat dari Sipitang sedar bahawa dalam pilihan raya baru-baru ini jalan 2,000 batu itu telah dikurangkan kepada 300 batu sahaja dalam tempoh 100 hari. Tetapi soalan saya, minta penjelasan daripada Ahli Yang Berhormat dari Sipitang, mengapakah selepas 35 tahun merdeka sampai sekarang masih tidak ada jalan raya yang menghubungkan Sabah dan Sarawak dan masih lagi ada beberapa kilometer 'no man's land'?

**Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak membuat pembedaan kenyataan Yang Berhormat dari Kinabalu. Ada jalan, beliau silap, beliau mungkin tidak pernah menaiki kereta daripada Sabah ke Sarawak, sudah ada jalan, dua puluh tahun yang lalu pun sudah ada jalan, tetapi jalan yang sekarang ini sejak Barisan Nasional memerintah, jalan-jalannya adalah lebih baik berbanding dengan dahulu. Jadi ...

**Seorang Ahli:** Jalan lembulah! *[Ketawa]*

**Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob:** Kita ada jalan dan - selalu kita bercakap juga bahawa supaya jalan ini dibesarkan dan disiapkan segera. Itu permintaan kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin minta penjelasan daripada Kementerian Kerja Raya, rancangan-ancangan untuk membina jalan-jalan baru misalnya Keningau ke Kimanis, apakah ada rancangan lebuh raya daripada situ? Yang kedua, jalan dari Tenom ke Beaufort, dari kawasan Spong ke kawasan Bali Bata, Beaufort, apakah rancangan kerajaan untuk membina jalan ini? Yang ketiga, jalan dari Kamabong ke Sipitang, apakah juga rancangan yang dicadangkan?

Saya ingin memberi sedikit gambaran bahawa jalan-jalan ini perlu, Tuan Yang di-Pertua, contohnya jalan dari Tenom ke kawasan Beaufort. Sekarang ini cuma ada jalan kereta api sahaja menghubungkan daripada Tenom ke Beaufort dan dengan adanya jalan ini akan mempercepatkan lagi proses pertumbuhan ekonomi di kawasan Tenom dan juga Beaufort kerana mereka boleh meringkaskan perjalanan kalau ingin ke Sarawak melalui Wilayah Persekutuan Labuan. Penduduk-penduduk dari

Keningau, Tenom boleh terus turun melalui jalan dari Spong ke Bali Bata ini dan dengan sendirinya pekan Beaufort dan pekan Tenom akan menjadi lintasan ataupun laluan utama apabila mereka akan menggunakan jalan ini. Begitu juga dengan jalan di antara Sipitang dengan Kamabong. Ini juga akan memendekkan lagi perjalanan kenderaan dari Tenom yang akan berurusan dengan Sarawak dan juga Wilayah Persekutuan Labuan. Jadi, mereka boleh melalui jalan tersebut dan terus ke kawasan pedalaman Sabah.

Saya minta penjelasan juga daripada Kementerian Kerja Raya, apakah ada rancangan untuk membina satu jalan daripada kawasan pantai pedalaman, sama ada Tenom ataupun dari Sipitang yang terus ke Indonesia yang mana kawasan persempadanan ini adalah kawasan yang sekarang ini ada laluan tetapi cuma untuk berjalan kaki. Apakah kita akan membuka pertumbuhan ekonomi baru di kawasan pedalaman di sempadan Indonesia, Sabah dan Sarawak kerana kawasan ini adalah kawasan yang begitu berpotensi, mempunyai kekayaan dari segi hasil hutan dan juga kawasan pelancongan yang menarik yang mana boleh mempercepatkan pertumbuhan kawasan luar bandar dan penduduk-penduduk di situ dapat dibekalkan dengan kemudahan-kemudahan di masa akan datang.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:**  
Minta gulung, Yang Berhormat.

**Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin itu sahaja, saya ucapkan terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:**  
Keningau.

**4.35 ptg.**

**Datuk Seri Joseph Pairin Kitingan [Keningau]:** Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih atas peluang ini. Saya tertarik dengan perenggan 62 dalam ucapan pembentangan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketujuh oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di mana nampaknya penekanan ataupun tumpuan perhatian terhadap masa depan kita ialah untuk membangunkan negara kita sebagai satu negara yang membangung menjelang tahun 2020.

Di sinilah tujuan yang harus kita tumpukan perhatian sebagai negara yang membangun kerana Wawasan 2020, Tuan Yang di-Pertua, adalah satu wawasan yang memang harus diberi sokongan yang penuh. Dalam perkara ini bukan sahaja penting untuk kita membangunkan negara kita daripada segi ekonomi, tetapi kita perlu membangunkan negara kita daripada segi persefahaman dan daripada segi perpaduan yang sebenarnya. Ini bererti bahawa bukan sahaja rakyat perlu untuk mengenal pasti tentang perlunya kita berinteraksi dengan baik, dengan penuh keyakinan bahawa kita adalah adik beradik dalam sebuah negara yang besar dan justeru itu membangunkan sebuah bangsa Malaysia, tetapi juga ada perlunya bagi pemimpin-pemimpin dan kerajaan untuk menunjukkan bahawa penekanan terhadap perpaduan dan keyakinan terhadap masa depan negara kita ini untuk menyatupadukan masyarakat penyayang adalah amat diperlukan.

Inilah sebab, Tuan Yang di-Pertua, kita berkali-kali membawa kepada pengetahuan Dewan yang mulia ini bahawa sistem demokrasi adalah satu sistem yang harus dipegang dengan betul, baik dan ikhlas supaya apabila kita mengatakan kepada mata dunia di luar negara kita bahawa kita ini betul-betul sebuah negara yang demokratik dan mengamalkan kebebasan rakyat memilih kerajaan pada bila-bila masa dalam pilihan raya adalah benar-benar berasas. Bukan setakat kita bawa dan membanggakan di luar negara bahawa kita betul-betul sebuah negara yang memegang prinsip demokrasi tetapi apabila diperiksa di dalam negeri sendiri khususnya di negeri

Sabah dalam pilihan raya kita dapati bahawa prinsip demokrasi itu tidak dilaksanakan berasaskan keadilan ataupun prinsip undang-undang.

Dalam perkara ini, Tuan Yang di-Pertua, keperluan untuk meminta supaya Royal Commission of Inquiry terhadap pilihan raya ataupun asas buku daftar pemilih itu sama ada ianya mempunyai 'pengundi-pengundi hantu', mempunyai pengundi-pengundi yang memegang kad pengenalan palsu amatlah penting sekali. Ini disebabkan bahawa imej Malaysia amat terjejas sekarang ini daripada segi pelaksanaan ataupun mematuhi prinsip demokrasi.

Tuan Speaker, dalam pilihan raya apabila seseorang itu mahu mendaftarkan diri sebagai pengundi tentu ianya; pertama, adalah datang daripada warganegara Malaysia dan bukan orang asing, bukan datangnya daripada pendedatang-pendedatang tanpa izin yang masuk ke negeri kita ini dan dalam masa beberapa bulan sahaja boleh dapat kad pengenalan sama ada kad pengenalan betul ataupun kad pengenalan palsu.

Tuan Speaker, keyakinan terhadap pilihanraya-pilihanraya dan juga terhadap tanggungjawab Suruhanjaya Pilihanraya di negara Malaysia ini adalah satu perkara yang benar-benar perlu kita tumpukan perhatian. Kalau keyakinan terhadap perjalanan pilihan raya, kalau keyakinan terhadap pendaftaran pengundi-pengundi di negara kita ini tidak berasaskan keikhlasan ataupun tidak berasaskan undang-undang, tentu ia akan membawa dan menjejaskan masa depan kita di negara kita ini. Mungkin ada di antara kita yang mengatakan bahawa ini adalah perkara yang karut kerana ini tidak berasas, kerana apa yang dituduh berlaku kononnya dalam pilihan raya negeri Sabah baru-baru ini, tidak benar.

Tuan Speaker, kalau dikaji dan ditinjau selama ini Parti Bersatu Sabah telah membawa kepada perkara keselamatan negara kita, kedaulatan negara kita, prinsip demokrasi, kepentingan hak warganegara Malaysia, begitu lama dan kita tidak berhenti-henti untuk membawa perkara ini kepada pihak kerajaan supaya perkara ini benar-benar diambil berat. Sekarang sebuah buku telah pun dilaporkan kepada polis dan buku ini mengandungi banyak hal yang menunjukkan bahawa buku daftar pemilih itu mempunyai dan mengandungi pengundi-pengundi yang bukan warganegara Malaysia dan kalau pemimpin-pemimpin negara betul cintakan warganegara Malaysia, sudah tentu tiada sebabnya kita tidak dapat menerima cadangan ataupun permintaan daripada pihak pembangkang supaya Royal Commission of Inquiry dapat ditubuhkan untuk memeriksa sama ada tuduhan ataupun apa yang kami sampaikan itu betul atau tidak, kerana apa yang di hadapan kita ialah hak warganegara Malaysia yang akan terjejas jika sekiranya virus, dengan izin, dalam pilihan raya dan dalam perkara hak kewarganegaraan ini dibiarkan meresap tanpa diambil kira, hanya kerana membawa perkara yang penting ini ke hadapan kerajaan ialah daripada pihak pembangkang.

Tuan Speaker, saya rasa apa yang penting ialah masa depan kedaulatan negara kita dan juga ketenteraman dan keselamatan di negeri Sabah. Justeru itu, untuk meyakinkan Tuan Speaker dan juga Ahli-ahli Yang Berhormat di dalam Dewan ini, saya ingin membawa dua contoh di mana prinsip demokrasi dalam pilihan raya baru-baru lalu telah terjejas dan sebahagian daripada sebab kenapa berlakunya keputusan pilihan raya yang baru lepas. Memang benar, kalau dilihat begitu sahaja secara kasar, Barisan Nasional telah menang tetapi Tuan Speaker, masing-masing kita tahu apakah yang sebenarnya telah berlaku.

Di sini, saya ingin menyentuh dua borang, satu borang JPN 1/22 dibanding dengan satu lagi dokumen JPN 1/9, ini saya sendiri melihat yang original dan ini adalah fotoscanned dokumen yang berkenaan. Dalam JPN 1/22 yang dipunyai oleh seorang yang bernama Mudsi binti Majamit dan di sini, alamatnya ialah Kampung Tanjong Kapor, Kudat dengan nombor kad pengenalan H0146547, dan ianya bertarikh 17 Januari 1999 dan ada dua haribulan di sini, 17 Januari 1998. Borang JPN 1/22 ini, bernombor A8278270 keluaran Jabatan Pendaftaran Negara Malaysia resit penukaran

kad pengenalan dan pegawai yang menandatangani di sini ialah seorang yang bernama Justina Gidun, Pegawai Pendaftaran Kota Kinabalu. Dalam dokumen JPN 1/22, ada gambar seorang wanita dan juga dicop oleh Pegawai Pendaftaran Kota Kinabalu.

Tuan Speaker, di sebelah pula JPN 1/9, ini adalah resit dikeluarkan oleh Jabatan Pendaftaran Negara Malaysia, resit kad pengenalan sementara dikeluarkan kepada Siti Rabiah binti Yusof daripada Kampung Pangaraban, Kudat. Di sini, dikatakan jenis permohonan ialah kerana kad pengenalan rosak dan nombor kad pengenalan yang telah ditulis di sini ialah H0382802 dan dikeluarkan oleh Pegawai Pendaftaran Justina Gidun, pegawai yang sama dan ditandatangani pada 27 Ogos 1998.

Dan di dalam dokumen JPN 1/9 Tuan Yang di-Pertua, ada juga gambar, gambar yang dicop oleh Pegawai Pendaftaran Kota Kinabalu dan kedua-dua dokumen ini telah disertai dengan voting slip nama pengundi-pengundi di mana ianya telah dikeluarkan juga dengan salurannya. Jadi untuk kedua-dua dokumen ini ada voting slip yang dikeluarkan. Tarikh mengundi kedua-dua ialah 13 Mac 1999 dan untuk Mudsi bt Majamit yang di dalam JPN 1/22 tempat mengundi ialah SK Bangau dan untuk Siti Rabiah bt. Yusof, tempat mengundi ialah SMK Abdul Rahim, ini di Kudat.

Yang peliknya, Tuan Yang di-Pertua, ialah bahawa kedua-dua gambar di dalam dokumen ini adalah gambar seorang sahaja, gambar serupa. Jadi kedua-duanya ini jelas menunjukkan bahawa dengan adanya dua dokumen ini dengan kad pengenalan untuk berlainan orang, gambar yang sama adalah dicop dengan cop Pegawai Pendaftaran, menunjukkan Tuan Yang di-Pertua bahawa seorang yang serupa ini mempunyai dua dokumen dan pergi mengundi dua kali. Inilah satu daripada bukti yang kita dapati selain daripada bukti-bukti yang banyak.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ada yang bangun Yang Berhormat, mahu bagi jalan kah? Setiausaha Parlimen bangun.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan Kesenian dan Pelancongan [Dato' Mohd. Noh bin Rajab]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, cuma saya minta kenyataan daripada Yang Berhormat, pernahkah Yang Berhormat mendengar satu peribahasa Melayu yang berbunyi, "pelanduk dua serupa", itu sahaja. Pelanduk dua serupa, dua orang seakan-akan rupanya.

**Datuk Seri Joseph Pairin Kitingan:** Saya pernah dengar itu, Tuan Yang di-Pertua, tetapi ini bukan pelanduk yang dua serupa, tetapi ini satu pelanduk yang digambar dua kali diberi dokumen yang berlainan dan kedua-dua dokumen itu mungkin ada lagi tiga yang digunakan untuk masuk ke bilik pengundian untuk mengundi dua kali di lain tempat dalam kawasan yang sama.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, ada lagi satu di sini, ini saya serahkan kepada Tuan Yang di-Pertua nanti untuk dijadikan sebagai bukti. Satu lagi di sini Tuan Yang di-Pertua ialah dua dokumen juga, satu dokumen JPN 1/22 dengan nombornya A8278277 dikeluarkan Jabatan Pendaftaran Negara Malaysia, resit penukaran kad pengenalan dan nombor kad pengenalan tertulis di sini ialah H0496914 yang bernama Namlah bt Potun di alamat Kampung Tanjung Kapur, Kudat dan bertarikh 4 Jun 1998 dan dikatakan sila bawa resit ini untuk mengambil kad pengenalan baru pada 4 Jun 1999 di Kota Kinabalu dan ini dikeluarkan oleh pegawai yang sama Justina Gidun, Pengarah Pendaftaran Jabatan Pendaftaran Negara, Kota Kinabalu, Sabah. Dan ada gambar di sini juga dicop dengan cop Pegawai Pendaftaran Kota Kinabalu.

Di sebelahnya pula adalah JPN 1/9 yang asalnya juga dikeluarkan Jabatan Pendaftaran Negara Malaysia resit pengenalan sementara, dan ini diberi kepada seorang wanita bernama Masa bt Angkit yang bernombor kad pengenalan H057852 dan jenis permohonan di sini konon ialah kerana kad pengenalan rosak. Bayaran RM10 dan dikeluarkan oleh pegawai yang sama, Justina Gidun. Telah dikeluarkan

pada 5 November 1998. Begitu juga, Tuan Yang di-Pertua, ada gambar di sini yang dicop oleh Pegawai Pendaftaran Kota Kinabalu iaitu Justina Gidun dan untuk kedua-dua ini mereka mempunyai voting slip. Satu voting slip yang dikeluarkan adalah dalam bentuk brown colour yang diuntukkan kepada Namlah bt Potun, kad pengenalan H0496914 dan yang satu lagi telah dikeluarkan oleh Barisan Nasional yang diuntukkan kepada pengundi Masa bt Angkit dengan nombor H0575852. Tuan Yang di-Pertua.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat, sila gulung, masa sudah lebih.

**Datuk Seri Joseph Pairin Kitingan:** Okay. Yang pelik lagi, kedua-dua dokumen yang berlainan ini gambar yang dicop oleh pegawai pendaftaran itu adalah gambar orang yang sama, rupa yang sama, bererti bahawa sekali lagi bukti ada yang menunjukkan bahawa orang ini yang satu orang pergi mengundi dua kali.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, bukan ini sahaja yang sebenar, memang banyak lagi, hanya apabila kita membangkit perkara begini, Tuan Yang di-Pertua, pihak kerajaan ataupun Barisan Nasional selalu mengatakan bahawa ini tidak berasas. Sedangkan saya baru baca di surat khabar *The Sun* yang menunjukkan bahawa di Kelantan pun ada perkara yang mana pemindahan banyak pengundi itu daripada satu tempat ke lain tempat berlaku dan dalam TV kalau saya tidak silap Ketua Penerangan UMNO telah menegur tentang perkara ini dan dia mengatakan bahawa ini mungkin adalah perkara yang dibuat oleh pihak pembangkang, sedangkan yang memegang semua kuasa ini adalah pihak Kerajaan Persekutuan sendiri dan kita mengharapkan agar perkara ini disiasat dengan betul, dengan mendalam, dengan tulus ikhlas supaya masa depan negara kita dan juga anak-anak cucu-cicit kita yang bergantung kepada hak kewarganegaraan Malaysia betul-betul dipelihara dan dilindungi, jangan sampai apa yang berlaku di negeri Sabah. Kita ini macam kena experiment sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak tahu lagi apa yang harus kita lakukan, sedangkan kita minta apabila seorang itu pergi mengundi, dia diberi cop dalam tangannya itu supaya dia tidak boleh mengundi dua kali. Itu pun kita tidak dapat diterima....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat, itu tidak diterima, masa sudah lebih.

**Datuk Seri Joseph Pairin Kitingan:** Tuan Yang di-Pertua, Saya mengharaplah agar apabila kita menyentuh tentang perkara demokrasi, kita betul-betullah memegang prinsip.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat, masa sudah lebih Yang Berhormat. Masa sudah lebih lima minit.

**Datuk Seri Joseph Pairin Kitingan:** Saya menggulung. Di sini saya menyerahkan dua dokumen ini untuk bukti yang kita serah kepada Dewan Undangan Negeri. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Johor Bahru.

5.02 ptg.

**Tuan Mohamed Khaled bin Nordin [Johor Bahru]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, kerana membenarkan saya untuk turut mengambil bahagian membahaskan Usul pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, pembentangan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketujuh pada kali ini dibuat semasa negara kita masih belum pulih daripada masalah kegawatan ekonomi. Tetapi kita bersyukur kerana sudah ada tanda-tanda

pemulihan dan sudah semestinyalah dengan adanya pemulihan tersebut matlamat dan sasaran dasar-dasar negara boleh kita sama-sama capai.

Tuan Yang di-Pertua, pemulihan terhadap ekonomi negara dapat kita lakukan kerana walaupun dinafikan oleh pihak pembangkang tetapi umum mengetahui bahawa ekonomi negara kita telah diuruskan dengan baik. Kalau kita masih ingat kepada sejarah negara kita semasa berlakunya peristiwa 13 Mei, kita dapati bahawa rusuhan yang berlaku pada ketika itu adalah kerana berpunca daripada soal ekonomi iaitu ketidakpuasan rakyat ataupun kaum yang terdiri daripada bangsa Melayu terhadap penguasaan ekonomi daripada kaum Cina khususnya. Tetapi selepas daripada 13 Mei kita lihat negara kita tidak pun menghadapi sebarang rusuhan mungkin kerana peluang dan nikmat kemajuan yang di bawa oleh kerajaan dapat dirasai oleh sebilangan besar majoriti rakyat dalam negara kita. Walaupun ada rusuhan baru-baru ini ianya berpunca dan berkisar kepada soal politik, bukannya kepada soal ekonomi.

Atas sebab itulah kita berani menyatakan bahawa ekonomi negara kita telah diuruskan dengan baik. Walaupun dibangkitkan beberapa soal yang berhubung kait mengenai mungkin pemberian kontrak dan kerja-kerja yang berasaskan kepada soal kronisme dan nepotisme tetapi umum menerima hakikat bahawa perlunya dalam negara ini diwujudkan dan dilahirkan syarikat-syarikat besar yang dimiliki oleh usahawan-usahawan bumiputra.

Ini merupakan antara keputusan yang dibuat pada setiap kali kita mengadakan kongres ataupun seminar-seminar ekonomi anjuran badan-badan bumiputra, kerana kewujudan dan kelahiran mereka, syarikat-syarikat gergasi bumiputra ini perlulah dilihat dalam konteks untuk kaum bumiputra turut terlibat dan mengambil bahagian dalam kemajuan negara di samping bersaing dengan syarikat-syarikat besar milik kaum lain dalam negara ini ataupun syarikat-syarikat antarabangsa. Atas sebab itulah walaupun ada kontrak dan sebagainya diberikan kepada syarikat-syarikat besar bumiputera, ianya diterima umum dalam konteks seperti yang telah saya perkatakan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, dalam pembentangan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketujuh ini sudah tentunya rakyat dalam negara ini mengalu-alukan pertambahan peruntukan asal pembangunan iaitu sebanyak RM22 bilion daripada RM67.5 bilion kepada RM89.5 bilion. Saya mengalu-alukan pertambahan ini lebih-lebih lagi yang akan dapat pertambahan yang paling banyak ialah dalam bidang pendidikan dan latihan daripada peruntukan asal sebanyak RM10 bilion kepada RM16 bilion. Saya mengucapkan tahniah kepada pihak kerajaan kerana dalam keadaan kita masih menghadapi kegawatan tetapi kerajaan masih peka, masih memberi keutamaan kepada bidang pendidikan dan latihan yang menunjukkan bahawa kerajaan kita sentiasa mengutamakan tanggungjawab sosial mereka.

Dan dalam soal kerajaan menentukan peruntukan yang ditambah dalam bidang pendidikan dan latihan ini, dapat digunakan secara yang terbaik untuk rakyat dalam negara kita, saya berharap beberapa perkara dapat dilihat dan diberikan tumpuan supaya ianya benar-benar diberikan manfaat kepada kita semua iaitu dalam perkara-perkara seperti berikut, yang pertamanya dalam soal tulisan jawi. Saya ingat perkara ini telah banyak kali diperkatakan di dalam Dewan yang mulia ini, betapa pentingnya kita mengutamakan dan menentukan, memelihara, memaju dan memperkembangkan penggunaan tulisan jawi dan mereka yang boleh membaca dan menulis dalam soal tulisan jawi.

Ia bagi memudahkan dan membolehkan rakyat kita, khususnya yang beragama Islam bukan sahaja dapat membaca Al-Quran tetapi juga memperkembangkan pelajaran dan didikan agama mereka, dan kalau kita lihat kepada keadaan kita pada hari ini dalam soal penguasaan rakyat kita terhadap tulisan jawi keadaannya semakin lama semakin tidak begitu baik. Dan atas sebab itulah saya

percaya perlunya kita, pihak kerajaan sama-sama melihat kepada keadaan ini dan mengambil tindakan-tindakan yang sewajarnya menggunakan pertambahan peruntukan ini untuk memelihara, memaju dan mengembangkan lagi penggunaan tulisan jawi.

Yang keduanya, Tuan Yang di-Pertua, ialah soal perkembangan bahasa lebih-lebih lagi dalam soal peranan penterjemahannya. Kita sedar bahawa dalam negara kita soal Bahasa Malaysia merupakan satu soal yang dijadikan alat untuk kita menyatupadukan rakyat. Di samping itu, bahasa juga merupakan satu kaedah bagi kita mengukur, mencerminkan kemajuan yang dialami oleh bangsa kita itu sendiri. Dalam soal bahasa ini, satu badan yang telah diberikan peranan yang begitu penting untuk menentukan bahasa kita dapat mengikuti peredaran zaman, bahasa kita dapat dimodenkan sesuai dengan pemodenan negara itu sendiri telah pun diberi tanggungjawab kepada satu badan, kalau dahulunya Dewan Bahasa dan Pustaka tetapi sekarang kepada Institut Terjemahan Negara (ITN) untuk membuat kerja-kerja penterjemahan.

Tetapi kerana kerja-kerja ini diswastakan, penubuhan institut ini dilaksanakan berasaskan kepada konsep penswastaan, maka kita dapati bahawa kerja-kerja dan keluaran buku-buku yang telah terjemahkan oleh institut ini tidaklah sebagaimana yang kita harap-harapkan. Segala-galanya ditentukan mengikut sama ada sesuatu yang dilahirkan, diusahakan itu boleh mendatangkan balik hasil kepada pihak kerajaan. Maknanya dalam sesuatu keputusan yang hendak dibuat sama ada perlu diterjemahkan sesuatu buku itu ataupun tidak, ianya banyak bergantung kepada soal untung dan rugi.

Ini berbeza kalau kita lihat dalam konteks negara-negara yang lain, biasanya kalau sesebuah novel dikeluarkan, katalah di Amerika pada hari esoknya kita sudah dapati bahawa novel yang sama tetapi dalam bahasa yang lain seperti bahasa Itali ataupun Perancis keluar pada masa yang sama. Novel yang asli dikeluarkan dalam bahasa Inggeris. Jadi sekurang-kurangnya peranan yang sama dilakukan oleh Institut Terjemahan Negara supaya kita tidak ketinggalan supaya dalam soal bahasa ini kita dapat meningkatkan kedudukannya kerana sedikit sebanyak ia mencerminkan kemajuan bangsa kita dan menentukan maruah bangsa kita dapat kita pelihara.

Tuan Yang di-Pertua, yang ketiga ialah dalam soal kita mengatasi masalah sosial. Kita sedar bahawa dalam usaha kita untuk memperbaiki kedudukan dan nasib rakyat kita, pendidikan memainkan peranan yang utama dan dalam soal kita menentukan, kita dapat mengatasi masalah yang dialami oleh rakyat dalam negara kita, khususnya dalam soal sosial yang dihadapi, kita tahu peranan yang boleh dimainkan oleh pendidikan agama. Tetapi dalam konteks negara kita, kita lihat soal memberi pendidikan agama ini sebahagian besarnya adalah merupakan di bawah tanggungjawab negeri.

Kita lihat negeri-negeri yang mewujudkan sekolah-sekolah agama, kita lihat negeri-negeri yang mengadakan pelbagai pendekatan dan juga ruang untuk memberi didikan agama yang luas, yang mendalam, yang berterusan kepada anak-anak kita. Jadi, atas sebab itu, saya berpendapat dalam soal ini, lebih-lebih lagi dalam memainkan peranan menyumbang ke arah usaha untuk sama-sama mengurangkan masalah sosial yang dihadapi oleh rakyat kita di negara ini, tanggungjawab yang dimainkan oleh negeri dalam memberi pendidikan agama kepada anak-anak kita, mestilah turut sama-sama disumbangkan oleh pihak Kerajaan Persekutuan.

Misalnya, hari ini di Johor, kerana kalau satu ketika dahulu Kerajaan Pusat bercadang untuk membuat sekolah satu sesi tetapi kerana masalah kegawatan, usaha tersebut telah tidak diteruskan, Kerajaan Negeri Johor telah pun mewujudkan ataupun mulakan di beberapa sekolah agama, sekolah satu sesi juga yang mana sekolah agama menjadi asas persekolahan tetapi ditambah dengan mata pelajaran yang lain yang menjadikan sekolah-sekolah agama itu sebagai sekolah satu sesi. Dan sudah tentulah

sekolah-sekolah agama kerajaan negeri pula yang perlu mencari guru-guru yang boleh mengajar mata pelajaran yang lain, yang perlu membesarkan sekolah, yang perlu melengkapkan sekolah dengan librarynya, dengan perpustakaananya, dengan komputernya dan sebagainya. Sudah tentulah, kalau kerajaan negeri sama-sama mengambil usaha untuk membuat sekolah yang merupakan sekolah satu sesi, ia memerlukan perbelanjaan yang begitu banyak.

Saya mengharapkan supaya dalam soal ini, pihak Kerajaan Pusat sama-sama membantu melihat kepada semua kekurangan, lebih-lebih lagi dalam memberi peruntukan kewangan supaya usaha yang dilakukan oleh kerajaan negeri misalnya di Johor itu dapat dijayakan dan dapat dilaksanakan, mudah-mudahan sekolah satu sesi yang mana anak-anak kita bukan sahaja memberi tumpuan kepada pelajaran akademik tetapi dititikberatkan juga kepada soal pendidikan agama yang boleh dijadikan sebagai asas dan benteng mereka menghadapi sebarang cabaran dan juga dugaan boleh mendapat kejayaan sebagaimana yang kita harapkan.

Kita tidak mahu kerana masalah kekurangan kewangan dan sebagainya, sekolah tersebut tidak dapat diteruskan, bukan kerana masalah perancangan ataupun kelemahan dari segi bidang yang lain tetapi hanya semata-mata soal tidak cukup kewangan. Jadi, pertambahan dalam soal peruntukan pendidikan ini sekurang-kurangnya perlulah dilihat bagaimana boleh membantu sekolah-sekolah agama yang dikelolakan oleh kerajaan negeri kerana mereka turut menyumbang kepada usaha untuk mengurangkan masalah sosial yang dihadapi oleh anak-anak kita pada hari ini.

Selain dari itu, saya juga mengharapkan supaya pihak kementerian terus melihat kepada usaha-usaha untuk mengatasi kelemahan yang dialami oleh anak-anak murid kita dalam soal menguasai 3M (membaca, menulis dan mengira). Kita sedar bahawa ini merupakan pelajaran yang asas untuk anak-anak, kalau anak-anak kita di peringkat meningkat umur mereka masih tidak dapat menguasai soal membaca, mengira dan menulis, maka kita tidak hairanlah melihat betapa banyaknya kadar keciciran di kalangan anak-anak kita apabila mereka mengambil peperiksaan UPSR, PMR ataupun SPM.

Kita perlu mengeluarkan perbelanjaan yang banyak di peringkat yang rendah kerana kalau kita tidak melaksanakan itu, apabila anak-anak kita tercicir, kita juga terpaksa mengeluarkan perbelanjaan yang banyak untuk menentukan mereka dapat menyambung pendidikan mereka. Jadi, kalau kita tidak belanja di peringkat rendah, akhirnya kita terpaksa belanja di peringkat yang lebih tinggi untuk menentukan mereka tidak terus tercicir.

Tuan Yang di-Pertua, kita juga mengalu-alukan tumpuan yang diberikan oleh kerajaan semasa membentangkan kajian ini untuk terus melahirkan masyarakat yang bermaklumat. Kita sedar bahawa dalam keadaan dunia tanpa sempadan, dunia dengan ledakan maklumatnya, kita dapat melahirkan masyarakat bermaklumat, kita sudah tentulah dapat meningkatkan kecekapan produktiviti dan daya saing rakyat dalam negara kita. Tetapi kita sedar, bahawa dalam soal kita melahirkan masyarakat bermaklumat ini yang penting kita harus memahami ialah masyarakat bermaklumat adalah lebih daripada soal komputer peribadi ataupun soal cyber surfing, dengan izin, ataupun dunia tanpa sempadan dan perkampungan sejagat. Yang penting kita berikan perhatian ialah apabila kita hendak mewujudkan masyarakat bermaklumat, ia adalah juga mengenai tamadun manusia, mengenai budaya, peluang, nilai dan juga ilmu.

Saya mengatakan begini kerana kita juga dapat melihat kesan-kesan negatif yang lahir jika kita tidak mengambil tindakan yang bersesuaian seiring dengan usaha kita untuk melahirkan masyarakat bermaklumat dalam negara kita dan tidak perlulah saya nyatakan kesan-kesan negatif tersebut kerana saya percaya kita semua tahu tetapi yang pentingnya ialah, kerajaan juga bertindak secara seiring dengan usaha untuk melahirkan masyarakat bermaklumat dengan menerima hakikat kesan-kesan negatif

daripada usaha kita untuk melahirkan masyarakat bermaklumat, itu bermakna kerajaan sendiri mesti menentukan kerajaan proaktif, kerajaan memainkan peranan yang lebih untuk bersama-sama memberi maklumat menggunakan pendekatan ataupun menggunakan medium, dengan izin, yang memang diterima sebagai perkara-perkara yang ada dalam satu zaman maklumat.

Tuan Yang di-Pertua, misalnya samalah kalau hari ini kita kata ramai daripada rakyat kita membaca akhbar tetapi kalau kerajaan tidak membuat pengisian kepada akhbar-akhbar, tetapi pengisiannya dibuat oleh pihak-pihak yang lain, yang mungkin mempunyai matlamat yang tertentu untuk merosakkan negara dan kerajaan tidak memainkan peranan langsung dan rakyat semua membaca dan mendapat berita daripada akhbar yang sedemikian, tentunya rakyat akan terpengaruh dengan apa sahaja yang dimuatkan dalam akhbar tersebut.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:**  
Yang Berhormat, sila gulung.

**Tuan Mohamed Khaled bin Nordin:** Jadi samalah macam Internet kalau kerajaan tidak memainkan peranan tidak ada pengisian dan rakyat terdedah kepada soal-soal yang disediakan oleh pihak yang lain maka rakyat juga terpengaruh. Jadi kerajaan mesti proaktif, mesti memainkan peranan. Satu unit yang sentiasa bergerak, mengisi dan meninjau serta melihat kepada perkara-perkara yang ada, yang terdapat, yang disediakan melalui Internet dan sebagainya. Selain daripada itu, pihak kerajaan juga sewajarnya mewujudkan satu unit yang khusus dan tetap untuk sentiasa memantau setiap yang ada di dalam Internet supaya kita dapat menentukan hanya perkara-perkara yang benar-benar, yang sebenarnya memang benar diisi ataupun dinyatakan di Internet tersebut. Memanglah saya tidak nafikan bahawa ini bukan sesuatu kerja yang mudah. Ia merupakan sesuatu yang sememangnya susah tetapi itu tidak bermakna kerajaan tidak sewajarnya mewujudkan satu unit pemantauan untuk melihat kepada perkara-perkara tersebut.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:**  
Yang Berhormat, masa cukup.

**Tuan Mohamed Khaled bin Nordin:** Tuan Yang di-Pertua, masa gulung. Saya hanya ingin ambil satu minit.

Jadi, saya berharap dalam soal itu pihak berkuasa dapat melihat supaya dalam keadaan kita berusaha untuk melahirkan masyarakat bermaklumat, kita juga membuat persediaan, mempunyai kecekapan, mempunyai jentera untuk menentukan kita turut sama-sama memainkan peranan menyumbang ke arah melahirkan satu masyarakat yang bermaklumat, yang benar-benar bertanggungjawab, yang benar-benar boleh memainkan peranannya untuk menyumbang kepada kemajuan dan pembangunan negara. Dengan kata-kata itu, sekian, terima kasih.

5.22 ptg.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:**  
Kepong.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Tuan Yang di-Pertua, dalam masa yang singkat ini saya berharap di akhir tempoh Rancangan Malaysia Ketujuh yang tempohnya tidak sampai dua tahun lagi, kerajaan mestilah memastikan bank-bank dan syarikat-syarikat kewangan mempunyai aliran mudah tunai (cash flow), dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, yang cukup untuk urusannya. Setakat ini usaha-usaha Danaharta, Danamodal dan 'Corporate Debt Restructuring Committee' (CDRC) atau Jawatankuasa Penyusunan Semula Hutang Korporat adalah tidak memadai bagi membantu aliran mudah tunai ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya akan membuat beberapa cadangan. Dalam ucapannya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah memberi beberapa petunjuk ekonomi utama termasuk akaun semasa yang mencatatkan lebih sebanyak 13.7% daripada Keluaran Negara Kasar (KNK) pada tahun 1978, berbanding dengan defisit 5.1% pada tahun 1996. Tetapi modal jangka pendek mencatatkan aliran keluar bersih yang besar disebabkan oleh krisis kewangan. Terdapat aliran masuk bersih modal jangka panjang hasil pihak kerajaan untuk membiayai perbelanjaan 'counter cyclical' dengan izin, Tuan Yang di-Pertua.

Di sini, saya mencadangkan supaya kerajaan mengumumkan angka-angka aliran keluar dan masuk bersih modal jangka pendek dan panjang. Saya sebutkan di sini kerana saya belum lagi mendapat tahu setakat mana wang yang keluar daripada Malaysia dan jumlah yang masuk ke Malaysia. Cuma satu angka untuk pelaburan langsung asing FDI yang tidak membayangkan keadaan yang sebenar terutamanya yang keluar daripada Chenderoh kerana dia berminat untuk menonjolkan yang baik sahaja. Saya tidak membantah kerana hendak menonjolkan yang baik tetapi sekurang-kurangnya kita bagi petunjuk yang membayangkan keadaan yang sebenar.

Ketelusan adalah peri mustahaknya untuk mencapai cita-cita bagi menjadikan Malaysia sebagai negara maju menjelang tahun 2020. Saya setuju, saya akan berikhtiar untuk mencapai cita-cita ini. Untuk menyahut cabaran bagi merangsangkan semula ekonomi yang telah menguncup sebanyak 6.7% tahun lepas, kita mestilah berusaha dengan lebih.

Yang Amat Berhormat telah mengenal pasti 11 teras pembangunan utama bagi tempoh akhir Rancangan Malaysia Ketujuh seperti memperkukuhkan asas-asas ekonomi makro. Peruntukan asal pembangunan Kerajaan Persekutuan bagi rancangan ini akan ditambah sebanyak RM22 bilion daripada RM67.5 bilion kepada RM89.5 bilion. Semua ini memang kalau boleh digunakan dengan berkesan memang baik, cuma kita tidak tahu daripada mana wang ini akan diperolehi. Kita tidak tahu daripada mana. Kalau menurut Yang Berhormat dari Chenderoh, memang kita mati....

**Timbalan Menteri Kewangan [Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]:** Masa cukup.

**Dr. Tan Seng Giaw:** ....memang kita mati, semua dengan kegusaran, dengan sikap berang dia kita tidak dapat pinjam wang ini. Memang tidak dapat di dalam bidang antarabangsa, kalau kegusaran Chenderoh ini memang susah kita hendak dapat pinjaman. Sikap tidak betul. Diharap Grik boleh mengajar macam mana kita boleh mewujudkan sikap yang lebih mesra untuk mendapat pelaburan daripada luar. FDI sangat penting bagi negara ini kerana dengan negara yang sangat kecil ini kita memerlukan dana modal daripada asing. Asalkan dana dan modal ini tidak menjejaskan kepincangan negara ini, kita mesti memperolehi wang daripada mereka.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali]:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ya.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tidak cukup masa.

**Dato' Seri Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat dari Kepong sama ada beliau boleh bersetuju bahawa dengan adanya demonstrasi oleh puak-puak reformasilah yang menyebabkan keadaan ekonomi negara kita bertambah gawat lagi dan tidak ada kepercayaan daripada badan-badan luar negara kepada negara kita. Jadi bagaimana pandangan beliau berkenaan dengan reformasi dan demonstrasi?

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, saya dan parti saya tidak setuju dengan kekerasan. Apa bentuknya kekerasan?

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Masa cukup.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:**  
Ya, teruskan.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Kita tidak setuju. Memang tidak setuju. Cuma untuk mewujudkan negara yang lebih aman kita mesti mementingkan institusi-institusi yang kukuh, kita mesti mementingkan hak-hak asasi juga dan kebebasan akhbar seperti kalau saya berucap di sini asalkan tidak menjejaskan negara, kita mesti dibenarkan keluar di dalam akhbar dan media-media massa. Asalkan ini dibuat kita boleh mengurangkan orang-orang yang marah daripada menggunakan cara kekerasan. Ini memang satu cara yang lebih baik.

Tuan Yang di-Pertua, rakyat haruslah terus bekerjasama untuk memulihkan ekonomi kita. Walaupun paras spekulator asing merupakan salah satu faktor utama yang merosakkan ekonomi kita, terdapat beberapa faktor dalaman seperti mentaliti dan pengurusan yang kurang cekap termasuk pembuatan atau perdagangan atau perniagaan melalui pintu belakang. Dan Grik pun mesti setuju, kita tidak mahu mentaliti seumpama ini kerana satu kali kita ada krisis ekonomi ini cukup sudah. Jangan kita berulang lagi dengan sikap perniagaan cara belakang.

Sistem perbankan dikatakan memperolehi nisbah bersih pinjaman belum berbayar (NPL) mencatatkan 3.6% dan nisbah modal berwajaran risiko sebanyak 12% pada akhir Jun 1997 melebihi standard minimum sebanyak 8% yang ditetapkan oleh Bank for International Settlement (BIS). Memang saya setuju bahawa kedudukan perbankan negara ini adalah lebih baik daripada negara-negara seperti Thailand dan Indonesia tetapi kita perlu banding dengan kedudukan perbankan misalnya di Singapura dan Taiwan.

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Merapu.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Bukan merapu, kita hendak bandingkan orang yang lebih baik daripada kita. Jangan bandingkan orang yang lebih susah daripada kita, itu bukan cara yang baik, bukan amalan yang digalakkan oleh semua agama.[*Ketawa*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:**  
Yang Berhormat, nampaknya masa sudah cukup. Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ini ditangguhkan sekarang sehingga jam 10.00 pagi esok.

*Dewan ditangguhkan pada pukul 5.30 petang.*